

ABUL HASAN ALI AN-NADWI

الصِّراعُ بَيْنَ الْإيمانِ وَالْمادِيَّةِ

Pertentangan
Iman
dengan
Materialisma

ABUL HASAN ALI AN-NADWI

الصِّراعُ بَيْنَ الإيمانِ وَالْمادِيَّةِ

Pertentangan
Iman
dengan
Materialisma

Penerbit
PUSTAKA SALAM
NO: 7, JALAN SS25/23, TAMAN PLAZA
47301 PETALING JAYA
Tel: 7031225, 7031226

Cetakan Pertama 1986

*Dicetak di Malaysia oleh
Percetakan Polygraphic Sdn. Bhd., Selangor*

ISI KANDUNGAN	Muka Surat
KISAH ASHABUL KAHFI	27
KISAH PEMILIK DUA BUAH KEBUN	71
KISAH NABI MUSA DENGAN KHAIDIR	99
KISAH ZUL-QARNAIN	109

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ○

SEPATAH KATA PENTERJEMAH

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam. Selawat dan salam untuk Rasulullah s.a.w..

Kami bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wataala yang telah memberikan hidayah serta melapangkan masa kami untuk menterjemahkan buku karangan Abul Hasan Ali An-Nadwi. Buku ini amatlah perlu dibaca oleh setiap individu muslim. Ia memberikan huraian yang amat terperinci mengenai pelajaran dan pengajaran yang tersirat dalam surah al-Kahfi. Insya Allah, setiap pembaca akan merasakan betapa luasnya pelajaran dan pengajaran yang terkandung dalam surah tersebut. Meskipun kandungan surah tersebut berbentuk kisah-kisah zaman silam, tetapi pengajarannya sentiasa segar dan bertepatan dengan gelagat manusia zaman silam, masa kini akan datang. Mesej utamanya ialah mengenai pertentangan di antara keimanan dengan kebendaan. Ia menyatakan mengenai tamaddun kebendaan masa kini, dalang-dalangnya yang bersifat dajjal; bahaya yang dibawanya dan lain-lain lagi.

Di bahagian akhir buku ini dimuatkan dengan catatan-catatan yang lebih terperinci; yang mana ia adalah sebagai ganti nota kaki yang terdapat dalam buku asal. Apabila pembaca sampai ke nombor catatan yang terdapat dalam kurungan, silalah merujuknya ke bahagian catatan tersebut.

Buku ini hanyalah sebuah buku terjemahan. Jadi berkemungkinan terdapat kesalahan dan kesilapan yang kami lakukan semasa menterjemahkannya. Bagi pihak kami, kami sedia menerima teguran yang membina dari para pembaca semua. Kami juga mengucapkan jutaan terima kasih pada para pensyarah AIUM yang telah memberikan kerjasama dan tunjuk ajar. Semuga Allah memberikan ganjaran kepada mereka. Diucapkan selamat membaca. Wassalamu alaikum warahmatullah.

Asad bin Awang
Abd. Malek bin Shaari
Akademi Islam Universiti Malaya.

PENDAHULUAN

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى
رَسُوْلِهِ الْكَرِيْمِ مُحَمَّدٍ وَاٰلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ

Majalah “Al-Muslimun”, sebuah majalah yang terkenal telahpun menyiarkan satu siri tulisan penulis sendiri, yang bertajuk “Renungan surah al-Kahfi”. Ia diterbitkan secara berturut-turut pada tahun 1377-78 Hijrah, Jilid ke enam, bilangan 1, 2, 3 & 4. Ia telah mendapat perhatian dan sanjungan dari ahli-ahli intelek agama. Diharapkan ia menjadi daya penggerak kepada ramai pembaca untuk mempelajari dan merenungi semula surah yang mulia ini. Diharapkan juga mereka dapat merenungnya semula dan berpuas hati bahawa terdapat hubungan yang amat erat antara surah ini dengan fitnah-fitnah yang berlaku pada zaman kini, seterusnya memberikan kemampuan untuk menghadapinya.

Sayangnya artikel-artikel tersebut tertimbus dalam lambaran-lambaran majalah yang berjilid-jilid itu. Penulisnya tidak sempat menyemak, membuat penambahan dan menerbitkan semula buku tersebut. Keadaan sedemikian berterusan sampailah berlakunya beberapa peristiwa di dunia Arab dan dunia Islam. Ketika itu penulis merasakan pemikiran dan jiwa manusia terlalu cepat terpesona dan mengimani kebendaan, melalui anika saluran yang cekap dan maju dalam menyebarkan pendustaan dan kekeliruan.

Penulis merasakan, kisah “Pertentangan di antara keimanan dengan kebendaan” telah berlaku di seluruh dunia amnya dan di timur Arab khususnya. Jadi, semua inilah yang membangkitkan keazaman penulis untuk menerbitkan semula siri rencana tersebut. Penulis telah membuat beberapa kajian dan penelitian dalam tajuk ini. Beliau telah mendapat beberapa ruang serta sudut yang baru dalam merenung pengertian surah al-Kahfi ini.

Jadi, dengan itu ia mengambil tulisan ini; menulis, menambah dan memasukkan beberapa isi yang baru. Kajian dan perbandingan kesah Ashabul Kahfi dengan kesah Zul Qarnain membuatkan siri artikel ini semakin bernilai ilmiah. Ia membuatkan para pengkaji melakukan kajian perbandingan dan seterusnya mengakui mukjizat serta petunjuk yang dibawa oleh Al Qur’an untuk manusia di setiap masa, ketika dan tempat.

Kami menerbitkan kitab ini dengan bertawakkal kepada Allah. Seterusnya kami penuh yakin bahawa obor keimanan tidak pernah padam, kebaikan jiwa manusia tidak pernah luput dan ia sentiasa menerima perkara-perkara yang bermanfaat, lurus dan diterima akal. Kami penuh percaya bahawa tali yang mengikat hati umat ini dengan kitab suci Al-Qur'an tidak pernah putus.

Firman Allah:

وَذَكِّرْ فَإِنَّ الذِّكْرَى تَنْفَعُ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٥﴾

“Dan tetaplah memberi peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu bermanfaat bagi orang-orang yang beriman.”

(Adz-Dzariyat: 55)

Abul Hasan Ali An-Nadwi.

Nadwah al Ulamak

Lucknow, India.

25 Sya'ban 1390H

HUBUNGAN SAYA DENGAN SURAH AL-KAHFI

Surah al-Kahfi adalah merupakan salah satu dari surah-surah yang telah saya amalkan bacaannya pada setiap hari Jumaat.¹ Saya telah melakukan amalan ini sejak saya mumaiyiz dan mulai boleh berfikir. Amalan ini saya lakukan dengan tujuan beribadah dan mendapatkan pahala, sebagaimana yang sering dilakukan oleh orang ramai. Sewaktu mempelajari hadith Nabi, saya dapati ada galakan supaya membaca dan menghafaz surah al-Kahfi ini kerana ia boleh memelihara daripada fitnah Dajjal.²

Saya sendiri tertanya-tanya; Adakah surah ini mengandungi maksud, hakikat, peringatan serta teguran yang dapat memelihara daripada fitnah tersebut, yang mana Rasulullah s.a.w. sering berdoa' agar Allah melindunginya?' Di samping itu juga, Baginda amatlah menganjurkan umatnya agar memohon perlindungan Allah daripadanya. Fitnah Dajjal adalah merupakan fitnah yang terakhir dan paling besar sekali. Baginda bersabda.³

مَا بَيْنَ خَلْقِ آدَمَ إِلَى قِيَامِ السَّاعَةِ أَكْبَرُ مِنْ الدَّجَالِ

“Di antara penciptaan Adam sampai ke hari Qiamat itu, itu, tidak ada perkara yang lebih besar dari Dajjal.”

Begitu juga, di antara surah-surah dalam al-Qur'an; Mengapakah Rasulullah s.a.w. memilih surah ini? Pada hal Baginda adalah makhluk Allah yang paling mengerti sekali mengenai al-Qur'an? Baginda jugalah orang yang paling mengetahui rahsia dan selok-belok mengenai kitab suci tersebut.

PERTALIAN DI ANTARA SURAH AL-KAHFI DENGAN FITNAH-FITNAH YANG BERLAKU DI AKHIR ZAMAN.

Saya merasa amat ingin untuk mengetahui rahsia pengkhususan surah ini serta pertalian yang tersirat di dalamnya dengan pemeliharaan dari fitnah Dajjal; sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w.. Di dalam al-Qur'an terdapat surah-surah pendek yang mana kita digalakkan melazimkan bacaannya semasa bersembahyang, begitu juga, terdapat surah-surah panjang yang lain.

Namun begitu, Rasulullah s.a.w. telah meninggalkan surah-surah tersebut dan mengkhususkan surah al-Kahfi ini sebagai surah yang mempunyai keistimewaan yang besar.⁴

Pada umumnya saya berpuas hati bahawa surah ini adalah surah al-Qur'an yang mempunyai nilai yang amat tinggi. Ia mengandungi pernyataan yang terbanyak sekali mengenai fitnah akhir zaman, yang mana fitnah tersebut dipimpin oleh Dajjal. Dajjal tersebut akan menadbir dan memimpin fitnah itu dengan angkuhnya.

Surah ini mengandungi penawar yang paling banyak sekali. Penawar itu dapat menjauh dan menawarkan racun-racun Dajjal. Bagi orang yang telah sehati benar dengan pengertian surah ini, lantaran menghafaz dan sering membacanya, ia akan terpelihara daripada fitnah yang berlaku di seluruh alam ini. Di samping itu, ia akan terlepas daripada perangkap tersebut.

Surah ini juga mengandungi arahan, bimbingan, contoh dan kisah yang menerangkan mengenai Dajjal. Dajjal tersebut bertindak sebagai pengacau pada setiap masa dan tempat. Selanjutnya ia menerangkan mengenai punca berlakunya fitnah dan ajakan ke arahnya serta persediaan akal dan jiwa manusia bagi menentang, memerangi dan melawan fitnah itu.

Sebenarnya surah ini mempunyai roh yang dapat menentang kedajalan, pimpinannya dan juga corak pemikiran mereka. Seterusnya surah ini mengandungi garis panduan hidup yang jelas dan teguh.

KESELURUHAN ISI SURAH INI MEMBAWA MESEJ YANG SAMA.

Pada umumnya saya puas hati dengan fikrah yang sebegini. Setelah membuat kajian mengenai surah yang mulia ini, saya mendapati seolah-olah surah ini adalah satu surah yang baru bagi saya. Saya mendalami pengertian dan kandungannya dengan berpandukan fikrah ini. Saya dapati diri saya berada di alam yang penuh bererti serta telah mencapai hakikat yang sebenarnya. Selama ini, saya belum pernah lagi mengetahuinya. Saya dapati keseluruhan surah ini membawa satu mesej sahaja. Mesej ini bolehlah saya katakan sebagai:

“Antara Iman Dengan Kebendaan” atau pun “Antara Kudrat Allah Yang Mentadbirkan Alam Raya Ini, Dengan Tabii Ataupun Sebab Musabab”.

Saya dapati semua isyarat, kisah, pengajaran, dan contoh yang terkandung dalam surah ini adalah berkisar di sekitar persoalan tersebut. Tujuannya ialah untuk memberikan penjelasan yang lebih terang, ataupun memperlihatkan lagi sudut dan perkara yang tidak jelas.

Saya rasa amat gembira kerana mendapat kurniaan ilmu ini. Suatu mukjizat al-Qur'an yang baru tersingkap pada saya, begitu juga dengan nubuwah Muhammad s.a.w.. Selama ini saya tidak tahu bahawa al-Qur'an yang telah diturunkan kira-kira tiga belas kurun yang lampau itu, rupa-rupanya memberikan gambaran yang benar. Ia menjelaskan mengenai tamaddun kedajalan yang dilahirkan pada abad ketujuh belas Masihi yang lalu dan mencapai peringkat kematangannya dalam abad kedua puluh ini. Al-Qur'an memberikan gambaran mengenai kesudahan, ketinggian dan pemimpin agongnya yang dinamakan oleh Rasulullah s.a.w. dengan sepatah perkataan yang ringkas tetapi penuh bererti iaitu "Dajjal".

Sebahagian daripada kefahaman saya mengenai pengertian yang amat luas ini saya lahirkan melalui pena saya. Langkah ini ialah sebagai titik permulaan untuk mentafsirkan surah al-Kafhi ini secara ringkas. Sebenarnya saya adalah seorang guru tafsir di Nadwah Ulamak Lucknow, semenjak umur saya belum lagi dua puluh lima tahun. Penulisan saya ini telahpun saya siarkan dalam majalah "Tarjuman al-Qur'an" yang mana ketua pengarang majalah tersebut ialah al-ustaz Abu al-A'la al-Maududi. Sewaktu itu majalah tersebut diterbitkan di Hyderabad.

Semasa di Hyderabad, saya setuju untuk singgah dan menjadi tetamu kepada seorang ulamak besar yang jarang-jarang kita temui sekarang, iaitu al-syeikh Manazir Ahsan al-Kailani.⁵ Beliau ialah Ketua Jabatan Agama, Universiti Uthmaniah, Hyderabad, pada tahun 1946 yang lalu. Setiap malam kami mengadakan perbincangan. Beliau menyatakan kepada saya, bahawa beliau telahpun meneliti artikel saya yang pendek itu dan berpuas hati. Selanjutnya beliau menjelaskan bahawa, seperti biasa, beliau telahpun menulis tajuk tersebut dengan lebih luas dan mendalam lagi untuk dihantar ke majalah "al-Furqan". Majalah ini telah pun diterbitkan dengan siri khas. Di dalamnya dimuatkan sekali dengan riwayat hidup ulamak besar itu dan penulisannya.

Artikel yang baru disiarkan itu telah menarik minat saya untuk memperkatakan mengenai surah yang mempunyai kelebihan yang amat besar itu. Begitu juga, ia menarik minat saya untuk

memperkatakan mengenai hubungan surah ini dengan akhir zaman, fitnah-fitnah yang berlaku, seruan ke arahnya, haluan, fitnah Dajjal dalam bentuk yang khusus, pengajaran ayat, contoh tauladan serta ayat-ayat yang terkandung di dalamnya. Saya rasa perlu untuk mengaitkan perkara yang sedang berlegar di benak hati saya, serta ilham yang diberikan oleh Allah untuk memahami surah ini dengan berpandukan artikel penulisan syeikh Kallani.

Bagi saya, saya menganggap syeikh tersebut sebagai guru saya, meskipun saya tidak pernah berguru padanya secara resmi. Sebaliknya pula, beliau hanyalah menganggap saya sebagai salah seorang kawan rapatnya sahaja.⁶

Dalam penulisan ini, saya akan menggunakan petikan bahasa beliau yang halus dan penuh bererti, arahan-arahan yang bermakna dan juga bahasa al-Qur'an yang halus serta mendalam.

Perlu juga dinyatakan di sini bahawa, penulisan saya ini bukanlah merupakan tafsiran surah al-Kahfi, sebagaimana yang sering ditulis oleh ahli-ahli tafsir yang lain. Sebaliknya penulisan saya ini adalah merupakan beberapa renungan dan pemerhatian umum terhadap surah yang mempunyai fadhilah yang amat besar itu.

ANAK KUNCI KEPERIBADIAN DAJJAL.

Kunci keperibadian Dajjal yang dapat menyingkap dan mendedahkan segala rahsianya, di samping memberikan ciri-ciri perbezaan di antara Dajjal dengan penyeru-penyeru kejahatan, pemikiran sesat dan mulhid yang lain ialah gelaran⁷ "Dajjal" yang dikenakan padanya. Kedajalan dan juga aktivitinya memperdajalkan orang lain adalah merupakan paksi yang berkisar di sekitar keperibadian, dakyah, amalan dan tindak tanduknya.

Tamaddun kebendaan di zaman akhir ini telah pun menampakkan sifatnya untuk memperdajalkan⁸ orang lain dalam semua perkara. Ia juga menampakkan sifat ingin mengkaburkan kefahaman orang ramai. Ia melabelkan sesuatu perkara dengan nama yang tidak sepatutnya, memalsukan kebenaran, dan meletakkan label yang menarik serta menawan hati kepada perkara-perkara yang keji. Bahkan ia menambahkan pertentangan antara zahir dengan batin, awal dengan akhir, teori ilmiah dengan pengalaman amali dan sebagainya. Inilah dia syiar dan falsafah yang telah mengambil alih tempat agama. Syiar dan falsafah ini telah berjaya mempengaruhi jiwa dan pemikiran orang ramai.⁹ Ia juga merupakan

label dan ungkapan yang sentiasa dianggap suci dan mulia. Perasaan gemar dan menghormatinya pun tersemillah di dalam hati dan jiwa, sehinggakan orang yang meragui dan mempertikaikan kesucian kemuliaan dan kedudukannya dianggap sebagai mundur dan menolak kenyataan.

Keadaan di atas telah mengelirukan para cendekiawan dan ulamak-ulamak terkemuka. Akhirnya mereka pula yang mencanang dan mempopularkan lagi syiar dan falsafah tersebut. Tanpa membuat sebarang penilaian terlebih dahulu terhadap niat dan keikhlasan mereka yang mencipta syiar dan falsafah tersebut, para ulamak dan cendekiawan tersebut mengajak orang ramai agar menerima dan mempercayainya dengan bersungguh-sungguh. Mereka tidak memastikan keberanian golongan tersebut agar menentukan kejayaan dan kegagalan syiar serta falsafah yang mereka kemukakan, baik secara praktikal, pelaksanaan ataupun perbandingan yang dapat membuktikan kebenarannya yang tidak boleh dipertikaikan lagi. Kebenaran yang tidak boleh dipertikaikan itu diukur di antara dua perkara yang berikut:

- Pertama:** Perkara yang mampu dicapai oleh manusia biasa serta ummah yang bersifat lemah. Berbanding dengan;
- Kedua:** Risiko yang dihadapi oleh manusia biasa dan ummat yang lemah iaitu seperti kehilangan kebahagiaan hakiki dan hak-hak semulajadi dan ini disebabkan oleh kerana mereka bernaung di bawah kuasa serta panji-panji syiar dan falsafah tersebut.

Semua ini berpunca dari kekuatan pengaruh pendajalan dan tipu muslihatnya yang diterajui oleh "Dajjal yang agong". Dajjal yang agong itu jugalah yang merupakan ketua semua dajjal dan penipu lain yang memang sudah tidak asing lagi dalam sejarah tamaddun manusia.

Semangat "Dajjal penipu" ini telah pun menular ke dalam tamaddun manusia hari ini. Ini dapat dikesan kerana arus pergerakannya adalah bertentangan dengan aliran yang dibawa oleh Rasul. Ia menolak konsep beriman dengan hari qiamat, beriman dengan perkara ghaib, beriman dengan Allah Pencipta Alam sejagat, beriman dengan kekuasaan Allah yang mutlak serta kewajipan menghormati perundangan dan ajarannya.

Sebaliknya pula alirannya adalah terlalu berpegang pada perkara nyata yang dapat dicapai dengan pancaindera. Ia juga amat meng-

gemari perkara-perkara yang dapat memberikan kepuasan pada jasmani dan manfaat-manfaat duniawi. Perkara yang dikejanya hanyalah yang ujud di alam nyata ini sahaja. Inilah dia intisari yang dihuraikan oleh surah al-Kahfi. Begitu juga dengan semua cerita dan pengajaran yang terkandung di dalamnya; semuanya menghuraikan perkara tersebut.

KRISTIAN DAN YAHUDI MEMAINKAN PERANAN YANG SAMA DALAM MENENTUKAN ARAH ALIRAN TAMADDUN DUNIA DAN MATLAMAT MANUSIA.

Amatlah menyedihkan kerana Kristian yang menyeleweng dan telah memimpin tamaddun Eropah ke arah dunia yang bertamaddun selepas kurun pertengahan itu telah memainkan peranan yang sama dengan Yahudi yang pendendam. Meskipun dua agama tersebut mempunyai asas aqidah yang bertentangan, tetapi keduanya tetap memainkan peranan yang sama, iaitu mengarahkan aliran tamaddun dunia agar gilakan kebendaan yang langsung tidak mempunyai roh ajaran para Anbia'. Mereka juga mengarahkan tamaddun dunia supaya menjadikan kebendaan sebagai matlamat seseorang insan.

Golongan Kristian yang telah bebas daripada perhambaan gereja serta padri telah pun mula mengarahkan haluan mereka ke arah kebendaan kasar. Hubungan golongan Kristian tersebut dengan agama Masehisebenar iaitu yang diasaskan di atas dasar tauhid tulin telah menjadi lemah walaupun tidak terputus langsung. Keadaan tersebut menggugat dunia dan matlamat sebenar seseorang insan, bila berlakunya penemuan-penemuan ilmiah moden, ciptaan-ciptaan baru yang dapat menghancurkan-leburkan sesuatu dan juga bila tidak seimbangnyanya ilmu, perasaan, akal dan timbangrasa, dengan teknologi dan akhlak.

Disebabkan adanya sedikit ciri keturunan dan darah ataupun sebab-sebab pelajaran, pendidikan, matlamat politik dan aliran kebangsaan, maka orang-orang Yahudi telah pun melibatkan diri secara meluas dalam bidang ilmu, kesenian, penemuan sains dan ciptaan baru. Mereka juga melibatkan diri dalam usaha menguasai tamaddun yang ada ini dan menerajuinya ke arah kepentingan mereka. Mereka berusaha untuk meluaskan pengaruh kesusasteraan, pendidikan, politik, falsafah, perdagangan, media massa dan sebaran am. Akhirnya orang-orang Yahudi menjadi penggerak utama pim-

pinan tamaddun barat, yang mana asalnya lahir dalam masyarakat Kristian, serta didokong oleh bangsa yang beriman dengan Isa al-Masih. Dalam masa yang panjang itu, tamaddun tersebut pun melahirkan nama Yahudi.

Bagi pengkaji yang mendalami perkara yang berlaku di akhir-akhir ini, dan mengkaji sejauh manakah pengaruh Yahudi di dunia yang bergerak dalam masyarakat Barat, telah dapat melihat dengan jelas bahawa tamaddun ini dengan pengisian ilmu dan kebudayaannya akan berakhir secara negatif. Kemuncak kuasa untuk merosak, menghancurkan, meragut dan mendajalkannya akan beralih ke tangan orang-orang Yahudi. Kristian barat akan menyerahkan kuasa tersebut ke tangan mereka. Penyerahan ini dilakukan oleh Kristian barat kerana kelalaian dan kejahilan matlamat mereka sendiri. Ia juga dilakukan akibat daripada perasaan dendam mereka. Kristian akan memberikan kepada Yahudi peluang yang luas, yang belum pernah mereka mimpikan sejak berkurun-kurun.

Keadaan ini akan menjadi satu tribulasi yang amat dahsyat dan membahayakan manusia serta alam seluruhnya. Orang yang paling teruk menerima kesan tersebut ialah orang-orang Arab. Mereka sedang dibakar dengan api Yahudi tersebut. Tambahan pula, kedudukan negara mereka bersempadan dengan tempat berlakunya pertarungan yang amat sengit itu.

Sebab itulah kita dapati surah ini mempunyai pertalian yang rapat dengan Kristian dan Yahudi. Di pembukaan surah ini lagi telah dibentangkan perkara yang berkaitan dengan aqidah Kristian.

Surah yang mulia ini dimulai dengan firman Allah yang berbunyi:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ
 لَهُ عِوَجًا ۖ قِيمًا لِيُنذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا لِمَنْ كَفَرَ بِهِ وَيُبَيِّنَ
 الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا حَسَنًا ۖ لَا
 مَأْكُثِينَ فِيهِ أَبَدًا ۗ وَيُنذِرَ الَّذِينَ قَالُوا اتَّخَذَ اللَّهُ
 وَلَدًا ۗ مَا لَهُمْ بِهِ مِنْ عِلْمٍ وَلَا لِآبَائِهِمْ كَبُرَتْ كَلِمَةً
 تَخْرُجُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ إِنْ يَقُولُونَ إِلَّا كَذِبًا ۖ

“Segala puji bagi Allah yang telah menurunkan kepada hambaNya Al-Kitab (Al-Qur’an) dan Dia tidak mengada-kebengkokan di dalamnya; sebagai bimbingan yang lurus, untuk memperingatkan akan siksaan yang sangat pedih dari sisi Allah dan memberi berita gembira kepada orang-orang yang beriman, yang mengerjakan amal salih, bahawa mereka akan mendapat pembalasan yang baik, mereka kekal di dalamnya untuk selama-lamanya. Dan untuk memperingatkan kepada orang-orang yang berkata: “Allah mengambil seorang anak”. Mereka sekali-kali tidak mempunyai pengetahuan tentang hal itu, begitu pula nenek moyang mereka. Alangkah besarnya perkataan (syirik) yang keluar dari mulut mereka; mereka hanya mengatakan perkara dusta.”

(Al-Kahfi: 1—5)

Sifat kedua yang jelas kelihatan pada tamaddun yang lahir berkembang serta matang dalam dokongan dan jagaan Kristian ini ialah, kecintaan yang amat sangat kepada kehidupan duniawi yang fana dan terbatas ini. Begitu juga, wujud kemahuan agar kehidupan dunia ini berpanjangan dan dipandang indah. Bahkan tamaddun ini terlalu mengagong dan mengutamakan perkara yang bersangkutan paut dengan keduniaan. Ia langsung menidakkan perkara-perkara yang berkaitan dengan balasan akhirat dan alam ghaib seperti contoh tauladan, nilai, kebajikan dan ni’mat. Baginya cukuplah setakat berlumba-lumba mendapatkan keperluan, kekuasaan dan bekalan hidup di dunia ini sahaja.

Itulah dia titik pertemuan serta persamaan di antara Yahudi dengan Kristian, meskipun kedua-duanya saling bermusuhan dan bertentangan.

Sebenarnya kitab Taurat (Old Testament) yang ada pada masa ini, tidak menyebutkan perkara yang berkaitan dengan alam akhirat, kehidupan hari Qiamat, arahan supaya bersedia menghadapi kehidupan Akhirat, arahan agar menggunakan ni’mat duniawi untuk mencapai kebahagiaan ukhrawi, isyarat mengenai rendahnya kehidupan dunia, kejian gemarkan ketinggian dan melakukan kerosakan di dunia, serta arahan agar bersifat zuhud dengan kemewahan duniawi yang sedikit dan sementara ini. Perkara-perkara yang tersebut tidak langsung disebut oleh kitab Taurat (Old Testament) yang ada pada hari ini. Ini adalah suatu perkara yang amat menghairankan. Tidak munasabah kitab yang mempunyai roh dan tabiat seperti itu termasuk dalam kumpulan kitab yang diturunkan

oleh Allah dari langit. Jadi tidak hairan dan peliklah jika sejarah Yahudi merupakan sejarah perlumbaan mengejar kebendaan, kekayaan, perjuangan untuk menjadi pembesar dan kemegahan bangsa. Keadaan ini dapat dibuktikan dengan jelas melalui kitab-kitab suci agama, penulisan dan bakat seni mereka, seperti kesusasteraan, syair, cerita, kisah kepahlawanan, kesatriaian, kepadrinan, keberanian, peperangan, revolusi, ciptaan, rekaan, pemikiran falsafah dan sebagainya yang berkaitan dengan mereka.

Melalui sumber-sumber yang disebutkan di atas, perkara yang paling jarang disebutkan ialah mengenai soal perikemanusiaan, merendah diri, kehalusan jiwa, menolak kebendaan, menganggap kehidupan dunia sebagai hina, kerinduan menemui Allah serta hari kiamat dan mengasihi manusia berbagai peringkat, bangsa atau tanah air.

Sebab itulah Allah Taala mengarahkan supaya kita menolak dua perkara iaitu:—

- Pertama:** Menolak akidah syirik dan akidah yang mengatakan Allah mempunyai anak dan sebagainya yang mana ianya dilahir dan didorong oleh Kristian.
- Kedua:** Menolak daripada menyembah kehidupan dunia, serta beranggapan bahawa ianya sebagai satu tempat menetap untuk selama-lamanya.
Begitu juga Allah melarang kita mengalihkan pandangan daripada keakhiratan kepada keduniaan.

Allah menerangkan dengan jelas dan tegas, betapa singkatnya kehidupan dunia ini, dan semua asas-asas yang sebegini akan runtuh. FirmanNya:—

إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى الْأَرْضِ زِينَةً لِّهَا لِنَبْلُوهُمْ أَيُّهُمْ
أَحْسَنُ عَمَلًا ۖ وَإِنَّا لَجَاعِلُونَ مَا عَلَيْهَا صَعِيدًا جُرًّا ۝ ٨

“Sesungguhnya Kami telah jadikan apa yang ada di bumi sebagai perhiasan baginya, kerana Kami hendak memberi percubaan kepada mereka; siapakah di antara mereka yang baik amalnya? Dan sesungguhnya Kami akan jadikan apa yang ada padanya sebagai tanah yang rata.”

(Al Kahfi: 7—8)

Allah mengulangi semula penolakan dan kejianNya pada orang-orang yang menjadi abdi kepada kehidupan dunia, dan orang yang menolak kehidupan akhirat ataupun lalai mengenainya. Firman Allah:

قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُمْ بِالْأَخْسَرِينَ أَعْمَالًا ۖ الَّذِينَ ضَلَّ سَعِيَهُمْ
فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنْعًا ۗ

“Katakanlah: “Mahukan Kami beritahu kepada kamu orang-orang yang paling rugi tentang amal-amal (mereka)?” (Iaitu) orang-orang yang sesat usahanya di penghidupan yang rendah (ini), pada hal mereka sangka bahawa mereka berbuat demikian.”

(Al Kahfi: 103—104)

Begitulah, dari awal hingga ke akhir surah al-Kahfi ini, semuanya dipenuhi dengan penjelasan mengenai akidah kepada hari akhirat, akidah keimanan kepada perkara ghaib, keimanan kepada Allah Azza Wajalla yang mencipta alam, keimanan kepada kekuasaan Allah yang mutlak, yang mana Allahlah yang mentadbirkan segala-galanya.

Dalam segala aspek, surah ini adalah merupakan aqidah, jiwa, fikrah dan tabii. Perkara-perkara ini adalah ditolak oleh kebendaan yang semata-mata berpegang pada benda-benda kasar, lahiriah, praktikal, memberikan faedah duniawi, kepuasan jasmani dan penghormatan bangsa. Kebendaan sebegini, dengan sedaya upayanya menysisih dan memerangi aqidah tersebut.

Oleh itu, surah al-Kahfi ini diturunkan dengan memiliki alat yang dapat mencabut akar umbi tamaddun kebendaan yang di atas. Memang sudah ditakdirkan Allah, orang-orang Kristianlah yang menjadi pendidik, penyeru dan penaung yang terbesar sekali bagi tamaddun tersebut sejak zaman yang silam. Setelah itu, kepimpinan tamaddun ini diambil alih pula oleh orang-orang Yahudi. Golongan Yahudi ini sememangnya memerangi Kristian sejak dari awal lagi. Mereka sentiasa menyaingi Kristian, hinggalah akhirnya kemuncak tamaddun kebendaan itu beralih ke tangan mereka. Dari kalangan orang Yahudi jugalah munculnya Dajjal yang menjadi pahlawan kafir, mulhid, pendajjal dan penipu yang terbesar sekali.

Rasulullah s.a.w. telah menjelaskan bahawa, membaca surah ini dan menghafaz awal atau akhirnya dapat memelihara seseorang

itu daripada fitnah Dajjal tersebut. Bagi orang yang memerhati dan meneliti surah ini, tentulah ia dapat melihat dengan jelas kewujudan hubungan seni di antara permulaan dengan penutupnya. Bahkan keseluruhan surah ini mempunyai hubungan yang erat dan mendalam dengan fitnah Dajjal yang akan muncul bila tiba waktunya kelak.

EMPAT KISAH YANG TERDAPAT DALAM SURAH AL-KAHFI.

Surah al-Kahfi ini mengandungi empat kisah. Keempat-empat kisah inilah yang menjadi isi dan patinya. Ia juga merupakan empat pusat berkisarnya hukum, ajaran serta pengajarannya. Keempat-empat kisah tersebut ialah:—

1. Kisah Ashabul Kahfi War Raqim.
2. Kisah pemilik dua buah kebun.
3. Kisah Nabi Musa dengan Khaidhir.
(Seorang hamba Allah yang telah dikurniakan rahmat dan ilmu laduni.)
4. Kisah Zul Qarnain yang diteguhkan Allah di bumi, dan diberikan jalan untuk semua perkara.

Meskipun kisah-kisah di atas disampaikan dengan berbagai gaya dan ragam, namun begitu, tujuan, matlamat dan rohnya sama sahaja. Kesemuanya mempunyai maksud yang berhubung rapat dan dalam. Huraianannya ialah seperti berikut:

DUA PENDAPAT MENGENAI ALAM INI.

Pendapat pertama:

Pada adatnya seluruh alam ini tunduk kepada sebab-sebab tabii yang mengatur dan mentadbirkannya. Sebab-sebab tabii itu dianggap sebagai kuasa alam yang menguasai seluruh sistem perjalanannya. Ia juga dianggap sebagai sebab dan sifat sesuatu, yang mana jarang benar berpisah dan berlaku secara berasingan. Bagi setengah orang mereka berpendapat; cukuplah setakat melihat perkara-perkara yang zahir, sebab-sebab tabii, kehidupan duniawi dan alam nyata yang dapat dirasai ini sahaja.

Bagi mereka, semua perkara yang berlaku itu tentu ada sebab dan puncanya. Sebab musabab, punca dan kesan sentiasa berkait rapat. Dalam dunia ini, tidak ada orang yang dapat memisahkan

di antara sebab dengan kesannya. Dalam soal ini tidak ada sesiapa pun yang boleh melakukan sesuatu sesuka hatinya. Begitu juga, mereka berpendapat, tidak ada sesiapa pun yang boleh menimbulkan kesan dan natijah tanpa sebab dan punca. Sesuatu perkara tidak boleh direka-reka tanpa yang satu lagi. Mereka yang beranggapan begini sentiasa mengaitkan sesuatu dengan sebab. Mereka mengabdikan diri kepada sebab. Seolah-olahnya sebab musabab itulah yang menjadi tuhan pencipta mereka.

Mereka mengkufur segala kuasa yang wujud di sebalik sebab dan sifat tersebut. Mereka kufur dengan kekuasaan Allah yang menguasai seluruh alam ini dengan kekuasaan dan hukuman yang mutlak. Mereka kufur dengan kehidupan semula di hari akhirat dan kebangkitan dari kubur.

Bagi mereka yang berfahaman begini, mereka sentiasa berusaha sedaya upaya untuk menguasai kuasa alam, sebab, sifat dan kebenaran. Mereka suka menghabiskan masa dengan soal ini. Mereka terlalu mengagong, memuliakan dan menganggap kebendaan itu suci, hingga akhirnya dijadikan sebagai Tuhan. Dengan itu mereka hanya percaya kepadala kebendaan dan kekuatan sahaja. Yang lain daripada itu semuanya mereka kufuri.

Setelah mereka berjaya mencapai tujuan dan dapat menguasai serta menundukkan sebahagian dari kuasa alam tersebut menurut kehendak dan kepentingan peribadi, mereka pun lantas mengisytiharkan diri sebagai tuhan (ilah) atau pun rabb. Pengakuan tersebut mungkin mereka lahirkan secara langsung dengan lisan ataupun secara tidak langsung melalui sikap. Selanjutnya mereka meminta supaya manusia yang sejenis dengan mereka agar menyembah dan mengabdikan diri kepada mereka. Darah, harta dan kehormatan mereka, semuanya disalahgunakan dan dicerobohi, demi untuk mencapai tujuan, kepuasan syahawat dan kedudukan mereka yang tinggi, atau pun untuk mencapai darjah penghormatan umum, tanah air, keluarga dan parti mereka.

Pendapat kedua:

Selain dari pendapat yang pertama di atas, ada lagi pendapat lain mengenai alam ini. Pendapat kedua ini adalah bertentangan dengan pendapat yang pertama, baik dari segi asas mahupun prinsipnya.

Pendapat ini mengatakan: Di sebalik sebab-sebab tabii, kuasa alam dan sifat-sifat yang ada pada sesuatu perkara itu, ada kuasa

ghaib yang menguasai teraju semua sebab dan sifat yang telah disebutkan dahulu. Seperti yang telah disebutkan juga, sebab-sebablah yang menyebabkan berlakunya kesan dan natijah. Bagi pendapat yang kedua ini pula menyatakan; kehendak Allah yang maha Perkasalah yang menjadi sebab segala sebab-sebab yang lain. Kehendak Allah jugalah yang boleh merongkai dan memisahkan sesuatu sebab dengan kesannya, kiranya Ia kehendaki. Kehendak Allahlah yang menjadi sebab bagi semua sebab, dan Allah jugalah yang menjadi punca segala punca. Kehendak Allah adalah rantaian sebab dan punca yang terakhir sekali. Teraju alam ini tidak pernah luput dari kekuasaan Allah sesaat pun. Allahlah pencipta seluruh alam, dan Allah jugalah pencipta semua sebab yang berlaku di alam ini. Semua sebab tersebut tidak pernah bebas daripada perhambaan dan ketetapan Allah. Bahkan semua sebab tersebut tidak pernah langsung menentang dan menderhakai kehendak dan ketetapan Allah. Apa sahaja yang ada di langit dan di bumi tidak dapat melemahkan kekuasaan Allah. Allahlah yang mengaitkan sesuatu dengan sifat, mengikatkan kesan dengan sebab, dan menghubungkan muqadimah dengan hasil atau natijah.

Semua yang di atas ialah kerana kebijaksanaan Allah Yang Maha Tinggi, serta kehendaknya yang bebas. Allahlah yang mengikat dan merongkai, menetap dan memadam, Allah jugalah yang mengadakan sesuatu yang asalnya tidak ada. Firman Allah:

إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴿٨٢﴾

“Perintahnya, apabila Ia kehendaki sesuatu, tidak lain melainkan Ia berkata kepadanya: “Jadilah” lantas jadi ia.”

(Yaa siin: 82)

Selain dari perkara yang di atas ada lagi sebab-sebab lain yang menimbulkan kesan. Sebab-sebab ini juga berfungsi, menentukan perjalanan alam, serta matlamat yang ingin dicapai oleh individu dan ummat. Fungsinya sama juga dengan fungsi sebab tabii, atau pun lebih besar lagi. Kadang-kadang kesan atau natijah yang timbul daripadanya adalah lebih besar daripada kesan tabii. Kerana sebab tabii dahulu cumalah menimbulkan natijah atau kesan yang berbentuk kebendaan dan kenyataan sahaja.

Sebab-sebab ini pula ialah iman, amal salih, akhlak yang mulia, ketaatan kepada Allah, keadilan, ibadah, belas kasihan, kasih sayang

dan perkara-perkara abstrak yang lain seperti itu.

Manakala sebab-sebab yang fungsinya berlawanan dengan sebab-sebab ini pula ialah seperti : kekufuran, melampau, melakukan kerosakan di muka bumi, melakukan kezaliman, mengikut nafsu, melakukan dosa dan sebagainya.


Sesiapa yang melakukan sebab-sebab abstrak (maknawi) yang baik tadi, tanpa mengeneipkan sebab-sebab tabii alam ini akan memberikan kebaikan kepadanya. Penghidupannya akan menjadi baik. Allah akan mendorongkannya ke arah kebaikan. Bahkan kadang-kadang di waktu yang munasabah, Allah mengurniakan perkara-perkara yang luar biasa kepadanya. Sebab-sebab tabii juga ditundukkan padanya.

Sebaliknya pula sesiapa yang melakukan perkara-perkara maknawi yang sebaliknya, dari segi akhlak, perjalanan hidup, dan semata-mata berpegang pada sebab-sebab tabii, serta menjadikannya asas-asas, maka kesannya ialah, seluruh alam ini akan memerangnya. Begitu juga kuasa yang telah ditundukkannya dahulu akan mengkhianatinya, pada hal ia amatlah memerlukan kekuatan tersebut. Selain dari itu, seluruh alam tabii sentiasa menentanginya.

SURAH AL-KAHFI MERUPAKAN KISAH PERTENTANGAN DI ANTARA IMAN DENGAN KEBENDAAN.


Surah al-Kahfi merupakan kisah pertentangan di antara dua pendapat, dua aqidah, dan dua jiwa. Ia juga merupakan pertentangan di antara keimanan kepada kebendaan dan sebagainya dengan keimanan kepada Allah serta perkara-perkara ghaib. Begitu juga, ia merupakan huraian untuk orang yang mengikuti setiap teori aqidah, amalan, akhlak, hasil serta kesan.

Selanjutnya surah al-Kahfi ini menjadi ancaman supaya jangan mengikut pendapat yang pertama yang mana ia hanya semata-mata mempercayai kebendaan dan kenyataan sahaja. Pendapat pertama ini juga mengkufuri Allah dan perkara-perkara ghaib.



قِصَّةُ أَصْحَابِ الْكَهْفِ

KISAH ASHABUL KAIFI



KISAH ASHABUL KAHFI

Sekarang ikutilah keempat-empat kisah tersebut. Saya mulakan dengan kisah yang pertama.

Siapakah Ashabul Kahfi War Raqim? Apakah kisah mereka? Bagaimanakah nilai dan kedudukan kisah ini menurut sejarah manusia? Mengapakah al Qur'an menyatakannya istimewa, sehingga menjadi sebuah kisah yang terus berkekalan dan sentiasa dibaca di mana-mana?

KISAH ASHABUL KAHFI MENURUT KESUSASTERAAN KRISTIAN DAN KISAH-KISAH AGAMA.

Kisah Ashabul Kahfi mengikut uslub (gaya) al-Qur'an adalah penuh dengan mukjizat. Kisahnya tepat dan padat. Keindahan bahasa al-Qur'an adalah asli, tidak ada sebarang tokok tambah ataupun bercampur aduk dengan bahasa manusia yang bersifat kekurangan. Sebelum kita membaca kisah Ashabul Kahfi menurut uslub al-Qur'an, terlebih dahulu marilah kita bentangkan kisah ini dengan berdasarkan kitab-kitab dahulu kala, kisah-kisah yang diwarisi secara turun temurun, dan juga yang diceritakan dari mulut ke mulut. Sesudah itu marilah pula kita membandingkan persamaan dan perbezaan di antara kedua-dua kisah tersebut.

Dalam juzuk-juzuk kitab Taurat, tidak disebutkan langsung mengenai kisah Ashabul Kahfi ini. Sebabnya, peristiwa ini berlaku sewaktu agama Masehi sedang berkembang, iaitu setelah lahirnya dakwah agar mentauhidkan Allah dan menolak peribadatan kepada berhala. Perkembangan dakwah tauhid dan penolakan berhala ini berlaku melalui pengikut-pengikut Nabi Isa al-Maseh alaihis salam. Ringkasnya, peristiwa ini berlaku setelah juzuk-juzuk kitab Taurat yang terakhir sekali dibukukan.

Kisah ini juga bukanlah dalam bentuknya yang asli, hingga menarik perhatian orang-orang Yahudi untuk menjaga, menyunting dan melagukannya. Dalam kisah ini muncul kepahlawanan dan kecekalan pengikut-pengikut Nabi Isa al-Maseh. Kisah ini merupakan kisah keagamaan yang amat digemari oleh orang-orang Kristian. Sebabnya kisah ini adalah kisah yang terpelik sekali. Ia menampakkan betapa kuatnya tentangan yang diberikan kepada pengikut-pengikut Nabi Isa, pada peringkat awalnya. Kisah ini

menampakkan dengan jelas kekuatan iman dan kesanggupan mereka untuk berkorban mempertahankan aqidah dan prinsip agama yang mereka anuti. Begitu juga, ia menampakkan dengan jelas semangat mereka kepada ajaran Nabi Isa yang masih suci di peringkat awalnya. Kisah ini memarakan lagi bara iman, membuka semangat agama, membangkitkan semangat untuk berjuang dan menentang dalam diri orang mu'min setiap masa dan tempat.

Semua unsur keistimewaan yang wujud dalam kisah ini menjamin kekekalannya sepanjang zaman, berkembang ke seluruh pelusuk alam, berpindahinya dari satu jenerasi ke satu jenerasi, dan dari satu zaman ke satu zaman.

Bagaimanakah kisah ini difahami oleh orang-orang Masehi peringkat awal? Dan bagaimanakah mereka meriwayatkannya kepada jenerasi-jenerasi sesudah mereka?

Di Bahagian Akhlak dan Agama, Jabatan Pelajaran, terdapat sumber-sumber yang menyatakan secara ringkas:¹⁰

“Sebenarnya kisah ‘Tujuh Orang Yang Tertidur’ adalah merupakan kisah yang paling banyak sekali diriwayatkan oleh golongan wali. Ia diriwayatkan sebagai cerita penglipur lara yang masyhur di segenap pelusuk alam. Isi-isi penting kisah ini yang disebutkan dalam kitab tertua ialah seperti berikut:”

Suatu ketika, maharaja Decius telah datang ke bandar tua Yunan yang dikenali dengan nama Ephesus.¹¹ Baginda bertindak membarui semula kepercayaan menyembah berhala di bandar itu. Semua penduduk bandar itu, terutamanya yang beragama Masehi diperintahkan oleh baginda supaya mempersembahkan binatang-binatang sembelihan serta qurban kepada berhala-berhala. Berikutan dengan itu, sebilangan orang-orang Masehi terpaksa meninggalkan aqidah Kristian mereka. Bagi sebilangan kecil orang Masehi yang lain, mereka terus berpegang teguh kepada agama mereka, walaupun dengan menghadapi tekanan dan penyiiksaan daripada kakitangan kerajaan.

Dalam peristiwa ini, tujuh orang pemuda telah dihadapkan ke hadapan maharaja. Setengah riwayat pula mengatakan seramai lapan orang. Pemuda-pemuda tersebut pada asalnya menetap di kawasan istana maharaja tersebut. Terdapat banyak riwayat yang berhubung dengan nama mereka. Mereka semuanya didakwa menganut agama Kristian secara rahsia, dan enggan memberikan qurban kepada berhala. Maharaja negeri itu memberikan tempoh pada mereka ke

suatu masa tertentu dengan harapan mereka akan kembali semula ke jalan kebenaran (yang didakwa oleh maharaja itu, Pent.), dan bertaubat daripada mengikuti agama Kristian. Setelah itu baginda pun berangkatlah meninggalkan bandar itu.

Sewaktu dalam tempoh tersebut, pemuda-pemuda itu pun meninggalkan bandar tersebut. Mereka berlindung di sebuah gua besar yang terletak di sebuah bukit yang dikenali dengan nama Anchilus. Kemudian, salah seorang dari mereka yang bergelar Diomedes atau pun Imblicus, keluar ke bandar dengan menyamar diri. Ia berpakaian kotor dan compang camping. Tujuannya keluar ke bandar secara begitu ialah untuk merisik berita dan membeli makanan.

Selang tidak berapa lama kemudian, maharaja Decius pun baliklah semula ke bandar tersebut. Baginda menitahkan supaya dibawa ke hadapan baginda pemuda-pemuda yang didakwa dahulu.

Diomedes pun menceritakanlah kepada rakan-rakannya mengenai perintah raja yang didengarnya itu. Mereka pun makanlah dalam keadaan masing-masing dikuasai oleh perasaan gelisah dan dukacita. Setelah itu, dengan kuasa dan kehendak Allah mereka ditidurkan dengan nyenyaknya, dalam jangka masa yang amat panjang.

Setelah maharaja tidak berjaya mendapatkan pemuda-pemuda tersebut, baginda pun menitahkan supaya dibawa ke hadapan baginda bapa-bapa mereka. Bapa pemuda-pemuda itu masing-masing menyatakan tidak bertanggungjawab dengan kehilangan anak-anak mereka. Mereka tidak ada campur tangan dengan pakatan tersebut. Sebaliknya pula mereka menyatakan pada baginda bahawa pemuda-pemuda tersebut sedang bersembunyi di bukit Anchilus. Dengan itu maharaja pun menitahkan supaya pintu gua itu ditutup dengan batu yang besar. Tujuan baginda ialah supaya mereka mati terkurung begitu sahaja, dan terus berkubur dalam gua itu.

Dua orang Masehi, seorang bernama Theodore dan seorang lagi bernama Rufinus telah menulis kisah pemuda-pemuda syuhada' tersebut di atas sekeping logam. Mereka kemudiannya menanam logam itu di bawah batu yang menyumbat mulut gua itu.

Setelah berlalunya masa selama tiga ratus tujuh tahun dari masa peristiwa yang menimpa pemuda-pemuda bertujuh itu, pada zaman maharaja Theodosius II, berlaku satu pemberontakan yang dipimpin oleh segolongan penganut agama Masehi. Segolongan dari mereka, yang dikepalai oleh padri Theodori telah menolak keper-

cayaan hidup semula selepas mati, dan pengumpulan jasad di padang Mahsyar.

Maharaja yang beragama Masehi itu sangatlah terkejut dan bersedih hati. Di waktu itu juga Allah mengilhamkan seorang pemilik ternakan yang bernama Adolius agar membuat kandang kambingnya di padang tempat terletaknya gua Ashabul Kahfi dahulu. Pekerja-pekerja yang membuat kandang kambing itu telah menggunakan batu yang menutupi pintu gua itu. Jadi gua itu pun terbukalah.

Ketika itu juga Allah membangkitkan semula ketujuh-tujuh pemuda yang ada di dalamnya. Terlintas di fikiran mereka bahawa mereka sudahpun tertidur selama semalaman. Masing-masing saling memperingatkan satu sama lain agar syahid di tangan maharaja Decius, kiranya keadaan mendesak. Seperti biasa, salah seorang dari mereka, iaitu yang bernama Diomedes pun pergilah ke bandar mendapatkan makanan dan merisik berita.

Dengan tercengang ia berdiri di hadapan salib yang diukir pada pintu besar kota itu. Akhirnya ia terpaksa bertanya pada salah seorang yang lain lalang di situ, adakah kota tersebut sebenarnya kota Ephesus?

Diomedes amat ingin untuk menyatakan pada rakan-rakannya mengenai perubahan yang amat ketara itu. Namun begitu, ia dapat menahan perasaannya, lalu membeli makanan dahulu. Ia menyerahkan bayaran harga makanan tersebut dengan wang yang dibawanya. Wang tersebut ialah wang yang menjadi pertukaran orang ramai pada zaman maharaja Decius dahulu. Pekedai dan orang ramai yang ada di pasar itu menyangka tentulah anak muda itu telah menjumpai harta karun zaman silam. Mereka masing-masing ingin sama mendapat habuan dari harta karun itu. Mereka pun mengugut, menakutkan dan membawanya ke tengah-tengah bandar dan pasar itu. Orang ramai pun mengerumuninya. Pemuda itu cuba mencari orang yang dikenalnya dari kalangan orang yang berkerumunun itu, tetapi tidak berjumpa.

Padri yang menjadi hakim negeri itu memintanya agar menceritakan kisah dirinya. Diomedes pun menceritakan kepada hakim itu kisahnya dengan panjang lebar. Ia mengajak mereka mengikutnya ke gua itu untuk menemui rakan-rakannya yang lain. Mereka pun mendaki ke puncak bukit itu. Di situ mereka menjumpai dua keping logam yang membuktikan kebenaran kisah pemuda itu.

Setelah memasuki gua itu mereka mendapati rakan-rakan pemuda itu semuanya hidup. Muka mereka kelihatan tenang dan berseri-seri.

Kisah tujuh orang pemuda itu telah sampai ke pengetahuan maharaja Theodosius II. Baginda pun melawat ke gua tersebut. Di sini, Maximilian atau Achillides ataupun pemuda lain menyatakan pada baginda:

“Allah Subhanahu Wataala telah menidurkan mereka agar menjadi bukti berlakunya hari Kebangkitan dan Qiamat. Setelah itu Allah mengejutkan mereka, sebelum lagi berlakunya Qiamat. Selepas itu pemuda-pemuda tersebut pun matilah semula bagi kali yang terakhirnya.” Tugu Rome telah dibina untuk memperingati mereka.¹²

Mengenai kedudukan kisah yang bersejarah ini, pakar-pakar sejarah dan pengkritik-pengkritik cerita dongeng orang tua yang masyhur tidak meragui langsung kesahihan dan kebenaran berlakunya perkara tersebut. Ini memandangkan kepada kemasyhuran dan tersebar luasnya cerita itu dalam dunia Kristian. Lagi pun ia telah diwarisi oleh berbagai jenerasi serta dibukukan.

Bagi Gibbon, beliau sentiasa berminat untuk memalsukan cerita-cerita pelik seperti ini. Dalam hal ini beliau sendiri menyatakan:

“Kisah pelik ini tidak boleh dianggap sebagai cerita dongeng orang-orang Greek semata-mata, lantaran kefanatikan mereka pada agama. Sebenarnya kisah ini mempunyai rantaian riwayat yang kukuh, boleh dipercayai dan tidak putus-putus sehingga lima puluh tahun selepas peristiwa luar biasa itu berlaku. Seorang padri Syria yang dilahirkan dua tahun selepas kelahiran maharaja Theodosius II, iaitu James of Sarus telah memilih dan memberikan keistimewaan kepada salah satu dari dua ratus tiga riwayat, untuk memuji ketujuh-tujuh orang pemuda yang tertidur itu (Ashabul Kahfi).

Sebelum kurun yang keenam masehi berakhir, kisah Ashabul Kahfi telah diterjemahkan daripada bahasa Syria ke bahasa Latin. Penterjemahan tersebut dibiayai oleh Gregory of Tours. Sewaktu agama Kristian sedang berkembang dahulu, upacara memperingati Ashabul Kahfi sentiasa dilakukan dengan penuh kehormatan dan kemuliaan dalam Assembly of God. Dengan penuh kehormatan, nama Ashabul Kahfi dicatat dalam sambutan hari-hari perayaan Rome serta kalendar Rusia. Oleh itu kemasyhuran mereka bukanlah setakat dalam dunia Kristian sahaja.¹³

Berhubung dengan jumlah tahun lamanya mereka tertidur ialah sama ada tiga ratus tahun atau pun tiga ratus tujuh tahun. Tiga ratus tahun adalah berdasarkan catatan yang diambil oleh ahli-ahli tafsir Islam daripada orang-orang Masehi. Tiga ratus tujuh tahun pula adalah seperti yang disebut dalam artikel Bahagian Akhlak dan Agama, Jabatan Pelajaran. Mengenai perbezaan di antara tiga ratus tahun dengan tiga ratus sembilan tahun, seperti yang disebut dalam al-Qur'an pula, ahli-ahli tafsir zaman dahuu menganggapnya sebagai perbezaan antara kalendar Masehi dengan kalendar Hijrah.

Ibnu Kathir mengatakan:

“Ini ialah perkhabaran Allah Taala kepada Rasulnya s.a.w., mengenai kadar lamanya Ashabul Kahfi tinggal dalam gua, sejak mereka ditidurkan Allah sampailah mereka dibangkitkan semula oleh Allah dan dijumpai oleh orang-orang zaman itu. Kadar masanya ialah tiga ratus tahun, ditambah sembilan tahun dengan kiraan tahun Hijrah Islam. Tiga ratus tahun mengikut kiraan tahun Masehi, kerana perbezaan antara setiap seratus tahun Hijrah dengan seratus tahun Masehi ialah tiga tahun. Sebab itulah Allah berfirman:

وَلَبِثُوا فِي كَهْفِهِمْ ثَلَاثَ مِائَةٍ سِنِينَ وَازْدَادُوا تِسْعًا ﴿٢٥﴾

“Dan mereka tinggal dalam gua mereka tiga ratus tahun, dan mereka tambah sembilan (lagi).”¹⁴

(Al Kahfi: 25)

(Tahun Masehi dikira berdasarkan matahari, manakala tahun Hijrah dikira mengikut edaran bulan. pent.).

Timbul perkara yang mengelirukan dalam catatan Jabatan Pelajaran yang kita sunting dahulu, dan juga buku Edward Gibbon. Begitu juga dengan cerita lisan yang masyhur dan suntingan-suntingan yang banyak terdapat dalam kitab tafsir dan sejarah. Kesemuanya mengatakan bahawa, Ashabul Kahfi itu bersembunyi di dalam gua mereka pada zaman Decius, iaitu seorang maharaja Rome yang digelar oleh ahli-ahli sejarah Arab, ulamak Islam dan sebagainya dengan gelaran Diqianus. Baginda digelar begitu kerana terlalu kuat menekan aqidah Masehi. Di samping itu juga ialah kerana baginda masyhur dalam sejarah, kerana bersikap kasar. Keseluruhan sumber yang di atas mengatakan; cerita dan penemuan semula Ashabul Kahfi itu menjadi heboh pada zaman Theodosius II, iaitu seorang maharaja Masehi yang beriman.

Dalam semua perkara yang di atas, perkara yang mengelirukan ialah jarak masa di antara dua zaman tersebut paling lama pun tidak melebihi dua ratus tahun.

Berdasarkan kenyataan tersebutlah Edward Gibbon berani memperolok-olokkan bilangan tahun yang disebutkan dalam al-Qur'an dalam menentukan tempoh masa mereka tertidur.

Untuk mengelakkan kekeliruan itu, setengah ahli tafsir zaman dahulu dan juga zaman sekarang¹⁵ mempertahankan juga dengan mengatakan; perkara yang disebutkan dalam al-Qur'an mengenai ayat:

وَلَبِثُوا فِي كَهْفِهِمْ ثَلَاثَ مِائَةٍ سِنِينَ وَازْدَادُوا تِسْعًا ۝١٥

“Dan mereka tinggal dalam gua mereka tiga ratus tahun, dan mereka tambah sembilan lagi.”

(Al Kahfi: 25)

Ayat itu bukannya berasal daripada firman Allah dan penetapan al-Quran. Ayat itu hanyalah firman Allah yang menceritakan kata-kata yang diucapkan oleh ahli kitab. Ia adalah merupakan sangkaan dan tekaan dusta mereka. Ucapan tersebut berkaitan rapat dengan kata-kata mereka dahulu iaitu yang difirmankan Allah:

سَيَقُولُونَ ثَلَاثَةٌ رَّابِعُهُمْ كَلْبُهُمْ

“Mereka akan berkata : “(mereka) itu tiga (orang) yang keempatnya (ialah) anjing mereka”

(Al Kahfi: 22)

Begitulah seterusnya sampai ke akhir cerita mengenai bantahan dan perselisihan yang dipetik dari ahli kitab.

Pendapat ahli-ahli tafsir yang sebegini, telah dikaitkan dengan Qatadah dan Mutriff bin Abdullah. Lagi pun terdapat satu jenis qiraah (cara bacaan al-Quran pent.) yang ganjil yang berbunyi:

وَقَالُوا وَلَبِثُوا فِي كَهْفِهِمْ ثَلَاثَ مِائَةٍ سِنِينَ
وَازْدَادُوا تِسْعًا

“Dan mereka telah berkata : “ dan mereka tinggal dalam gua mereka tiga ratus tahun, dan mereka tambah sembilan (lagi).”

Ulamak-ulamak yang berpendapat begitu telah berhujjah dengan dalil; bahawa Allah mengakhiri firmanNya dengan berbunyi:

قُلْ اللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثُوا لَهُ غَيْبُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

“Katakanlah: “Allah lebih mengetahui berapa lama mereka tinggal”. BagiNyalah barang yang ghaib di langit dan di bumi.”
(Al Kahfi: 26)

Mereka mengatakan: Kiranya ayat yang lalu merupakan ketetapan Allah, tentulah ia tidak diakhiri dengan menyerahkannya kepada ilmu Allah. Tafsiran yang sebegini juga diambil daripada Ibn Abbas.

Walaupun begitu, al-Alusi mengatakan:

“Mungkin riwayat yang di atas bukannya datang dari Ibnu Abbas r.a.. Sebabnya, jelas terbukti bahawa Ibnu Abbas sendiri juga ada mengatakan: Bilangan Ashabul Kahfi itu tujuh orang, dan yang kelapannya ialah anjing mereka. Padahal Allah Taala telah mengakhiri firmanNya dalam soal itu dengan berbunyi:”

قُلْ رَبِّي أَعْلَمُ بِعَدَّتِهِمْ

“Katakanlah: Tuhanku lebih mengetahui tentang bilangan mereka.”

(Al Kahfi: 22)

Tidak ada bezanya di antara firman Allah yang sebentar tadi dengan firmanNya yang berbunyi:

قُلْ اللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثُوا

“Katakanlah: Allah lebih mengetahui berapa lama mereka tinggal.”

Jadi mengapa pula ayat:

قُلْ اللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثُوا ini

menunjukkan penafian Allah, manakala ayat: قُلْ رَبِّي أَعْلَمُ بِعَدَّتِهِمْ pula tidak menunjukkan maksud penafian?”¹⁶

Setengah ulamak terkemuka menolak pendapat ulamak yang mengatakan ianya kata-kata ahli kitab. Mereka mengatakan bahawa keindahan bahasa Arab yang asli, tidak memungkinkan alasan yang sebegini. Lagipun otak seseorang pembaca al-Qur'an tidak boleh menangkan maksud yang sebegini dengan mudah, kiranya ia tidak

meneliti betul-betul takwil dan huraian tersebut. Imam al-Razi mengatakan:

“Ada pun firman Allah:

سَيَقُولُونَ ثَلَاثَةٌ رَّابِعُهُمْ كَلْبُهُمْ

“Mereka akan berkata: “(Mereka) itu, tiga (orang), yang keempatnya (ialah) anjing mereka.”

(Al Kahfi: 22)

Ayat tersebut telah disebut dengan sempurna. Ia tidak berangkaik lagi dengan ayat: Al-Kahfi: 25

وَلَيْسُوا فِي كُهْفِهِمْ ثَلَاثٌ مِائَةٌ سِنِينَ وَازْدَادُوا تِسْعًا

Di celah-celah dua ayat tersebut terdapat ayat yang menyebabkan kedua-dua ayat tersebut terputus. Ayat pemutus tersebut ialah:

فَلَا تَمَارِقِيهِمْ إِلَّا مِرَاءً ظَاهِرًا

“Oleh kerana itu janganlah engkau berbantah-bantahan tentang mereka melainkan dengan bantahan yang terang.”

(Al Kahfi: 22)

Bagi firman Allah yang berikut ini pula:

قُلْ اللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا لَيْسُوا لَهُ غِيبُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

“Katakanlah: “Allah lebih mengetahui berapa lama mereka tinggal,” Bagi Nyalah barang yang ghaib di langit dan bumi.”

(Al Kahfi: 26)

Adanya ayat ini tidak semestinya menyebabkan ayat yang sebelumnya sebagai menceritakan kata-kata mereka sahaja. Sebabnya, perkara yang dimaksudkan Allah dalam firmannya yang sebentar tadi ialah: “Maka kembalilah kamu semua kepada perkhabaran Allah, bukannya perkara yang dikatakan oleh ahli kitab.”¹⁷

Syaikhul Islam Ibnu Taimiah mengatakan:

“Setengah ahli tafsir menyangka bahawa, ayat ini ialah kata-kata setengah ahli kitab, kerana Allah ada berfirman:

اللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا لَيْسُوا

“Allah lebih mengetahui berapa lama mereka tinggal.”

Pendapat tersebut tidak betul, kerana Allah tidak pernah menyatakan kata-kata itu daripada ahli kitab. Sebaliknya Allah menyatakan, itu adalah kalam darinya.”¹⁸

Punca kekeliruan dan pertentangan yang memisahkan antara bilangan tahun yang ditetapkan oleh al-Qur’an dengan yang ditetapkan oleh Edward Gibbon, serta berdasarkan pada pendedahan sejarah Rome ialah; yang masyhurnya peristiwa pemuda-pemuda tersebut menghilangkan diri serta bersembunyi ke gua telah berlaku pada zaman maharaja Decius. Maharaja ini telah memerintah mulai bulan September tahun 249 Masehi hingga ke bulan June tahun 251 Masehi. Kemungkinan juga perkara yang menyebabkan Decius menjadi hero dalam kisah ini ialah kerana baginda masyhur dengan sikap kasar, suka menumpahkan darah, menindas orang-orang Kristian secara umum, memaksa rakyat menyembahkan sembelihan dan qurban agama kepada berhala di hadapan kakitangan kerajaan yang tertentu dan menitahkan supaya mendapatkan penyaksian mereka.¹⁹

Namun begitu, perkara yang meragukan kita untuk mengatakan maharaja inilah yang bertanggungjawab dan menjadi wira peristiwa Ashabul Kahfi ini ialah kerana tempoh pemerintahan baginda terlalu pendek, tidak sampai pun dua tahun. Lagi pun baginda banyak menghabiskan masanya yang singkat itu dengan berperang menentang orang-orang Qut. Baginda sendiri akhirnya terbunuh di tangan mereka di tebing sungai Rhine Perancis. Mungkin juga baginda berpeluang mengadakan lawatan dengan meninjau ke bandar-bandar sebelah timur Yunan yang berada di bawah takluk kerajaan baginda yang amat luas itu. Tetapi sejarah tidak pernah menyebut, baginda ada membuat lawatan ke Greek dan negeri-negeri sebelah timur.

Ahli-ahli sejarah dunia menyatakan, tempoh pemerintahan maharaja Decius terlalu pendek. Baginda hampir-hampir tidak dapat menaiki takhta, kerana terpaksa ke Gale untuk menahan pemberontakan yang berlaku di situ. Keseluruhan tempoh pemerintahan baginda dihabiskan dengan memerangi orang-orang Qut.²⁰

Ahli-ahli sejarah telah menyebut nama-nama pemimpin orang Masehi yang dijatuhkan hukuman oleh maharaja itu, kerana tidak tunduk dan mematuhi undang-undang yang dibuat oleh baginda. Walaupun begitu, ahli-ahli sejarah tersebut tidak menyebut langsung nama Ashabul Kahfi, pada hal bilangan orang-orang Masehi yang dihukum itu sangat ramai. Edward Gibbon sendiri telah menyebut

bilangan mereka yang dihukum dan disiksa itu, iaitu tidak lebih dari sepuluh orang lelaki dan tujuh wanita.²¹

Selain dari itu, peristiwa bersembunyinya kumpulan pemuda Masehi itu cumalah sebagai peristiwa tempatan sahaja. Kejadian itu bukanlah terlalu penting hingga menarik perhatian ahli-ahli sejarah, penulis dan pengarang untuk mencatatnya. Berbeza dengan masa mereka terjaga semula dari tidur yang amat lama dan luar biasa itu. Begitu juga dengan masa mereka keluar ke bandar serta masa tersebar luasnya berita mereka yang menarik itu ke seluruh ceruk rantau. Lebih-lebih lagi bila kisah mengenai mereka heboh diperkatakan oleh golongan intelek agama Kristian.

Berlakunya peristiwa yang kedua ini, iaitu peristiwa mereka terjaga semula dari tidur dan peristiwa berita mereka tersebar luas ke seluruh dunia Masehi semasa zaman pemerintahan Theodosius, adalah merupakan peristiwa yang amat mengempar dan mengejutkan kumpulan pertubuhan dan dunia seluruhnya. Jadi peristiwa itu telah menarik minat ahli-ahli sejarah untuk mencatat dan merekodkannya. Penyunting-penyunting berita dan periwayat cerita pun masing-masing berlumba untuk membuat suntingan dan cerita mengenainya.

Di sini dapatlah kita simpulkan bahawa, kejadian menindas dan lari bersembunyi itu telah berlaku pada zaman maharaja Hadrian Publius (Aelius Hadrinus)²² yang memerintah dalam tempoh yang panjang. Sejarah menyebutkan, baginda ada membuat lawatan untuk meninjau ke wilayah-wilayah timur. Tinjauan-tinjauan tersebut berterusan mulai tahun 129 Masehi hinggalah ke tahun 134 Masehi. Penindasan tersebut tidak semestinya berlaku secara langsung dari tangan baginda. Begitu juga, tidak semestinya baginda tahu dan merelai kewujudan penindas itu.

Di zaman Hadrian, empayar Rome telah berkembang luas. Wakil-wakil dan hakim-hakim maharaja berada di merata wilayah dan kota. Jadi amatlah munasabah mana-mana hakim atau wakil tersebut melakukan penindasan agama ataupun menolak sesuatu agama demi untuk kepentingan peribadi dan juga kerana kefanatikan mereka kepada agama sendiri. Berkemungkinan juga mereka melakukannya kerana ingin melaksanakan dasar umum politik negara yang menentang perkembangan agama-agama baru. Tindakan yang mereka ambil itu pula telah keterlaluan.

Perkara begini sering berlaku pada semua kerajaan, pada bila-

bila masa sahaja. Jika kita tetapkan penindasan dan persembunyian Ashabul Kahfi itu berlaku semasa lawatan tersebut, dan mereka muncul semula pada zaman Theodosius II, maka tidaklah berlaku perbezaan yang ketara antara tahun yang ditentukan oleh orang Kristian dengan yang ditentukan oleh kitab suci al-Qur'an. Bahkan tidak ada asas langsung bagi Edward Gibbon menghina dan mengolokkan al-Qur'an.

Permulaan dan kesudahan kisah ini tidak dapat diketahui dengan menetapkan masa yang singkat. Pendapat-pendapat ahli sejarah Syrya dan Greek dalam menentukan tahun sebenar Ashabul Kahfi terjaga dan keluar semula adalah meragukan. Ahli-ahli sejarah Syrya berpendapat, peristiwa itu berlaku sama ada pada tahun 425 Masehi ataupun tahun 437 Masehi. Riwayat-riwayat Greek pula mengatakan; mereka keluar dari gua pada tahun ke 38 pemerintahan Theodosius II.²³ Ini bererti ia berlaku pada tahun 446 Masehi.²⁴

Kita percaya, al-Qur'an yang diturunkan sebagai pengawas kitab-kitab dahululah yang paling patut dibuat pegangan dan panduan, bukannya riwayat-riwayat yang meragukan, dan bukan juga cerita-cerita dongeng serta sumber yang sentiasa terdedah kepada perubahan dan tokoh tambah. Penindasan terhadap agama Masehi telah berlaku secara terbuka pada zaman Niron, dalam tahun 64 Masehi. Keadaan ini berterusan sehinggalah agama Kristian menjadi agama resmi pemerintahan Rome, di mana maharaja Kostantine telah memeluk agama Kristian pada kurun yang keempat Masehi. Sejarah agama Masehi peringkat awal sentiasa diselubungi dengan berbagai kerumitan, kerana keadaannya terlalu asing dan lemah. Jadi, rekod-rekod sejarah yang boleh dibuat pegangan mengenainya tidak dapat diperolehi.

Sikap bersembunyi ke kawasan terpencil yang diambil oleh kumpulan kecil pemuda-pemuda tersebut tidak mungkin menggempar dan menaikkan nama serta kedudukan mereka dalam negeri itu. Keadaan ini berbeza dengan waktu mereka muncul semula dengan unsur-unsur yang sangat pelik, di zaman pemerintahan seorang raja yang seagama pula dengan mereka. Lebih-lebih lagi peristiwa itu ditakdirkan berlaku semasa aqidah mengenai kebangkitan semula, Qiamat dan kehidupan sesudah mati sedang dipertikaikan dengan hebatnya. Keadaan begini tentunya amat memerlukan bukti yang jelas bagi menunjukkan perkara tersebut benar-benar akan berlaku.

Jadi, berakhirnya kisah ini dan penentuan zaman Ashabul Kahfi itu terjaga serta kisah mereka menjadi heboh, adalah tidak dapat diragui dan dipertikaikan lagi. Naluri manusia sendiri suka menjaga dan mengikut perkembangan peristiwa-peristiwa penting seperti itu. Tambahan pula; agama, perasaan dan akal sama-sama menggalakkan agar peristiwa tersebut dipasti dan dirakamkan kepada jenerasi-jenerasi yang akan datang. Keadaan ini berbeza dengan riwayat mengenai permulaan kisah dan peristiwa ini yang mana Allah sahaja yang maha mengetahui hakikatnya yang sebenar.

HIKMAH AL-QUR'AN MEMILIH KISAH INI.

Mengenai sebab disebutkan kisah ajaib ini di dalam al-Qur'an, ahli-ahli tafsir berpegang pada hadis yang diriwayatkan oleh Muhammad bin Ishak. Hadis tersebut ialah mengenai satu utusan yang dihantar oleh orang-orang Quraish kepada pendita-pendita Yahudi di Madinah. Utusan tersebut dihantar untuk bertanya kepada mereka, mengenai soalan-soalan yang patut diajukan kepada Nabi Muhammad s.a.w.. Tujuan mereka ialah untuk menguji kebenaran Nabi s.a.w., dan hubungannya dengan langit. Pendita-pendita Yahudi tersebut telah memilih beberapa soalan untuk diberikan pada utusan yang datang itu. Di antara soalan-soalan tersebut ialah soalan mengenai Ashabul Kahfi.²⁴

Meskipun riwayat itu benar, tetapi ia bukanlah merupakan sebab utama. Bukanlah sebab itu sahaja yang menyebabkan al-Qur'an memilih kisah ini dan meninggalkan kisah mengenai penindasan dan cerita-cerita pelik lain yang bilangannya amat banyak dan tidak diketahui dan dinyatakan hakikatnya kecuali melalui wahyu. Walaupun kisah-kisah sebab nuzul amat diberikan perhatian oleh ahli-ahli tafsir dan ulamak silam, tetapi ia bukannya mencapai kedudukan yang paling penting, sebagaimana yang diberikan oleh kebanyakan ulamak.

Sebenarnya sebab utama al-Qur'an memilih kisah ini bertujuan untuk memperbaiki dan memberi pengajaran, yang mana al-Qur'an sendiri diturunkan untuk melaksanakan perkara tersebut. Amat jelas bahawa, Allah mengutuskan Rasulullah s.a.w., serta menurunkan al-Qur'an kepada masyarakat yang rosak dan berpenyakit dengan tujuan untuk membaiki serta mengajar mereka.

Tabiat manusia zaman dahulu dan zaman sekarang tidak banyak bezanya. Peristiwa-peristiwa zaman silam keadaan masyarakat dan

zaman sering berulang kembali. Begitu juga dengan jenerasi manusia yang akan ditunjukkan oleh al-Qur'an dan dipimpin oleh nubuwwah Muhammad s.a.w., yang mana terdiri dari berbagai keadaan, zaman dan tempat.

Semua perkara di ataslah yang menjadi sebab yang paling utama sekali. Sebab-sebab tersebut lebih jelas dan patut diberikan perhatian, berbanding dengan masalah soalan dan ujian sesuatu kumpulan tertentu. Sebab-sebab di atas lebih penting daripada kisah yang diriwayatkan oleh setengah-setengah perawi mengenai sebab nuzul sesuatu ayat atau surah. Dalam soal ini, perkara yang amat menarik perhatian saya ialah kata-kata yang diucapkan oleh syaikhul Islam Ahmad bin Abdul Rahim. Beliau juga lebih dikenali dengan gelaran Wali Allah ad-Dahlawi. Beliau menyatakan di dalam kitabnya yang bernama "al-Fauzul Kabir Fi Usul al-Tafsir" .:

"Umumnya ahli-ahli tafsir mengaitkan setiap ayat yang berhubung dengan pertikaian dan hukum-hakam dengan kisah tertentu. Mereka menganggap kisah itulah yang menjadi sebab nuzulnya. Sebenarnya matlamat asasi diturunkan al-Qur'an ialah untuk mengasuh jiwa manusia dan menghapuskan kepercayaan serta amalan batil yang merosakkan manusia. Adanya kepercayaan batil di dalam diri seseorang mukallaf menjadi sebab yang tersendiri bagi turunnya ayat-ayat mengenai pertikaian. Adanya amalan-amalan yang merosakkan serta berleluasanya kezaliman di kalangan mereka sudah cukup untuk menjadi sebab turunnya ayat-ayat mengenai hukum. Begitu juga, tiadanya perhatian dan peringatan mereka kepada kandungan al-Qur'an yang berkaitan dengan mengingati mati, Qiamat dan perkara-perkara yang berlaku semasa dan setelah mati, menjadi sebab sebenar turunnya ayat-ayat peringatan.

Mengenai kisah-kisah juz'i dan hikayat-hikayat tertentu yang mana ahli-ahli tafsir berpenat-lelah menyebut dan membincangkannya, sebenarnya perkara tersebut bukanlah memainkan peranan yang amat penting. Begitu juga, ia bukanlah terlalu penting untuk diberikan perhatian, kecualilah dalam keadaan yang tertentu sahaja. Keadaan tersebut ialah bila ayat tersebut tidak jelas kerana ia berkaitan dengan peristiwa yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w., ataupun sebelumnya. Para pendengar yang mendengar ayat itu hanyalah boleh menghilangkan kekeliruan mereka setelah kisah sebab nuzul itu dibentangkan.²⁶

Kisah ini diturunkan tepat pada masa dan tempatnya. Waktu itu kaum Muslimin Mekah sedang menghadapi suasana yang serupa dengan suasana yang telah dihadapi oleh pemuda-pemuda Ashabul Kahfi dahulu. Mereka berada di bawah penindasan dan buangan yang amat memuncak, yaitu semasa pemerintahan kaisar-kaisar. Kaum Muslimin Mekah hidup di zaman yang sama dengan hidupnya pemuda-pemuda Ashabul Kahfi yang beriman sebelum meninggalkan negeri dan berlindung ke gua. Gambaran yang penuh bererti itu hanyalah dapat digambarkan oleh al-Qur'an sahaja:

وَأَذْكُرُوا إِذْ أَنْتُمْ قَلِيلٌ مُسْتَضْعَفُونَ فِي الْأَرْضِ تَخَافُونَ
أَنْ يَتَخَفَتَكُمْ النَّاسُ

“Dan ingatlah, tatkala (bilangannya) kamu sedikit yang dihinakan di bumi, kamu takut manusia menyambar kamu.”

(Al Anfal: 26)

Dalam kitab-kitab hadis dan sirah penuh dengan kesah-kesah kezaliman, kekasaran, penyiksaan dan contoh tauladan. Ia menceritakan tribulasi atau mehnah yang telah menimpa Bilal, Ammar, Khabbab, Mus'ab, Sumaiyah dan sahabat-sahabat mereka yang lain. Tribulasi tersebut amat dahsyat hingga boleh menggigilkan badan dan mengecutkan perasaan. As-Qur'an dan sirah menggambarkan suasana yang amat getir, bahaya dan menghimpit. Suasana tersebut telah menyelubungi kaum Muslimin Mekah. Suasana yang tidak menampakkan harapan, bahkan seluruhnya gelap gelita, tanpa cahaya dan udara. Seolah-olahnya mereka sedang berada di antara mulut buaya dengan harimau lapar. Gambarnya yang sebenar hanyalah dapat diberikan oleh al-Qur'an.

حَتَّى إِذَا ضَاقَتْ عَلَيْهِمُ الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ وَضَاقَتْ
عَلَيْهِمْ أَنْفُسُهُمْ وَظَنُّوا أَنْ لَا مَلْجَأَ مِنْ اللَّهِ إِلَّا إِلَيْهِ

“Hingga diwaktu sempit bumi ini bagi mereka, pada hal ia begitu luas, dan sempit (pula) atas mereka hati-hati mereka, serta mereka sangka, bahawa tidak ada tempat lari daripada Allah, melainkan kepadaNya.”

(At-Taubah: 118)²⁷

Sewaktu dalam keadaan yang genting itu wahyu turun dan mengesahkan kepada mereka mengenai kesah-kesah kelepasan setelah menghadapi kesukaran, kemudahan setelah menempuh kepayahan, dan kemuliaan setelah diperhinakan. Ia juga menyatakan mengenai pertolongan Allah yang luar biasa, yang diturunkan dari tujuh petala langit. Pertolongan kepada kaum Muslimin itu tidak ada tolok bandingnya, membujur lalu melintang patah, dan mencabar kekuatan akan nurani manusia. Ia menampakkan bagaimana Allah memberikan kemenangan kepada kaum Muslimin yang sedikit. Mereka serba kekurangan, tidak ada kekuatan dan senjata, berbanding dengan golongan kafir, pelampau, penzalim dan perampas. Mereka mempunyai banyak kelengkapan dan keupayaan. Bahkan mereka juga memiliki banyak kekuatan, tenaga, kemudahan dan alat.

Terdapat juga wahyu yang menjelaskan mengenai kekuasaan Allah menghidupkan orang mati, mematikan orang yang hidup, memberikan petunjuk kepada orang yang sesat dan menjadikan musuh ketat Islam yang pernah menghirup darah serta memakan hati kaum Muslimin, sebagai pejuang dan murabbi (pendidik) Islam. Begitu juga dengan kekuasaan Allah menjadikan seorang bapa kafir, manakala anaknya pula mu'min.

PERSAMAAN DI ANTARA KAUM MUSLIMIN YANG MENGHADAPI DUGAAN DI MEKAH DENGAN AS-HABUL KAHFI.

Sewaktu berada dalam keadaan yang amat genting, bahaya, kecewa, tidak ada harapan, kebingungan dan kecut hati, maka ketika itu Allah menceritakan kisah Yusuf bersama saudara-saudaranya dan juga kisah Musa bersama dengan Fir'un. Ia merupakan kisah individu dengan jamaah, dan juga kisah seorang nabi dengan umatnya. Di waktu itu juga Allah menceritakan kepada kaum Muslimin kisah Ashabul Kahfi dengan seorang raja yang zalim dan sultan yang bersifat taghut.

Kisah-kisah tersebut berlaku dalam zaman dan masyarakat yang berlainan. Orang-orang yang terlibat dengan kisah tersebut juga berbeza. Namun begitu, matlamat kisah tersebut sama sahaja. Begitu juga, kisah-kisah tersebut sama sahaja kesudahannya. Kesemuanya

bertemu dalam satu titik, yaitu kehendak Allah Yang Maha Perkasa. Kehendak Allahlah yang membantu seseorang mu'min mengalahkan seseorang kafir. Dialah yang membantu seseorang yang baik mengalahkan seseorang yang jahat, membantu orang yang dizalimi mengalahkan orang yang zalim, membantu yang lemah mengatasi yang kuat, dan membantu yang fakir mengalahkan yang kaya.

Pertolongan Allah itu adalah dengan cara yang amat ajaib dan menghairankan hati. Ini menyebabkan orang kafir terpaksa mengimaninya, dan orang-orang yang ragu pula menjadi yakin.

Allah berfirman di akhir surah Yusuf:

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةً لِّأُولِي الْأَلْبَابِ ۗ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَٰكِن تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿١١١﴾

“*Sesungguhnya ada pada cerita-cerita mereka, satu pelajaran bagi orang-orang yang mempunyai fikiran. Bukanlah iaitu omongan yang diada-adakan, tetapi membenarkan apa yang ada di hadapannya dan sebagai keterangan bagi tiap-tiap sesuatu, dan sebagai petunjuk dan rahmat bagi kaum yang mahu beriman.*”

(Yusuf: 111)

Di akhir surah Hud pula Allah berfirman:

وَكُلًّا نَّقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنْبَاءِ الرُّسُلِ مَا نَتَّبِعُ بِهٖ فُؤَادَكَ ۗ وَجَاءَكَ فِي هَذِهِ الْحَقُّ وَمَوْعِظَةٌ وَذِكْرٌ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٢٠﴾

“*Dan tiap-tiap (khabar), Kami ceritakan kepadamu dari khabar-khabar beberapa rasul; iaitu (khabar yang) dengannya Kami hendak tetapkan hatimu; dan telah datang kepadamu di dalam (khabar-khabar) ini, kebenaran dan nasihat dan peringatan bagi orang-orang Mu'minin.*”

(Hud: 120)

Alangkah samanya kaum Muslimin Mekah dengan pemuda-pemuda mu'minin yang bersembunyi di gua kerana lari menyelamatkan agama mereka daripada fitnah. Mereka terus tinggal di gua tersebut, sehinggalah Allah menukarkan kesesatan dengan petunjuk, dan negara kafir yang menindas orang mu'minin dan aqidah itu runtuh. Allah menenggelamkan semua struktur kekuasaan dan kerajaan kafir tersebut. Singgahsana kerajaan Rome yang berkurun-kurun lamanya diduduki oleh penyembah berhala musyrik, raja berkuku besi dan zalim itu kini diduduki pula oleh orang yang sentiasa memelihara dan membela agama Masehi. Baginda berda'wah, merasa bangga kerana menjadi penganut agama Masehi dan pembawa panji-panjinya. Baginda juga menganggap setiap orang yang berjuang dalam agama Masehi sebagai pejuang yang baik dan patut menerima penghormatan, kemuliaan, kasih dan kebesaran yang selayaknya.

Begitu jugalah, kaum Muslimin Mekah telah mengalami hidup yang sama dengan kehidupan yang telah dirasai oleh Ashabul Kahfi. Mereka memegang agama seperti menggenggam bara api dan duduk pula di atas besi yang panas. Begitulah keadaan mereka, sehinggalah keadaan tersebut berlalu dan mereka dibenarkan berhijrah. Mereka kembali ke kubu dan gua yang teguh, iaitu bandar Yasrib. Namun begitu, Allah mahukan mereka lebih daripada yang telah dikehendakinya pada Ashabul Kahfi yang bersembunyi di gua di kurun kedua Masehi dahulu. Allah mahu kaum Muslimin melahirkan agamanya mengatasi semua agama yang lain. Firman Allah:

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ
عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ ﴿٣١﴾

“Talah yang mengutus RasulNya dengan (membawa) petunjuk dan Agama yang benar untuk meninggikan dia atas semua agama, walaupun orang-orang Musyrikin tidak suka.”

(At Taubah: 33)

Allah menyertakan sekali kebangkitan Muhammad yang menjadi khatimal anbia' dengan kebangkitan ummat Islam seluruhnya. Allah berfirman:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ

بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

“Adalah kamu sebaik-baik ummat yang diadakan untuk manusia; kamu menyuruh berbuat kebaikan, dan kamu melarang dari kejahatan, dan kamu beriman kepada Allah.”

(Ali Imran: 110)

Dari Abu Hurairah r.a., Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِنَّمَا بَعَثْتُمْ ميسرينَ وَلَمْ تَبْعُوا مَعْسرينَ

“Sesungguhnya kamu telah dibangkitkan dengan mudah dan tidak dibangkitkan secara sukar.”

Bilangan orang mu'min yang sedikit itu tidak disisihkan oleh gua sempit yang terbatas itu, dan tinggal jauh daripada kehidupan tanpa menjalankan sebarang aktiviti. Sebaliknya mereka mesti menjalankan da'wah. Di tangan merekalah terletak masa depan manusia. Dalam bahasa Isa Al-Masih alaihissalam dikatakan: Merekalah yang menjadi garam dunia ini, dan mereka jugalah benih yang akan menumbuhkan tanaman yang mulia dalam kehidupan insan dan kebangkitan umat manusia.

Kewujudan benih tersebut lebih mulia di sisi Allah daripada ia hilang terpercil, dan kemudiannya bangun semula setelah terjaga. Merekalah benih penyeru ke arah Dinullah, berjuang melawan kebatilan dan memperbetulkannya. Seterusnya mereka berjihad menghapuskan segala bentuk kezaliman yang melanda manusia, agar dengan itu kalimah Allahlah yang paling tinggi sekali di muka bumi ini.

Allah berfirman:

حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةً وَيَكُونَ الدِّينُ كُلُّهُ لِلَّهِ

“Supaya tidak ada (lagi) fitnah, dan supaya jadilah agama semuanya kerana Allah.”

(Al Anfal: 39)

Peninjau Ashabul Kahfi keluar dari guanya dan mendapati manusia ketika itu bukannya kumpulan manusia yang dahulu lagi. Bandar yang ada sekarang bukannya bandar yang dahulu, dan agama sekarang juga bukannya agama yang dahulu lagi. Ia dapati agama yang dianutnya kini menjadi agama resmi dalam pemerintahan. Akidah yang dianutnya dimuliakan dan dihormati.

Begitu juga, sewaktu orang-orang Muhajirin keluar meninggalkan Madinah untuk balik semula ke Mekah, mereka mendapat sambutan yang amat berbeza dengan layanan yang mereka terima dahulu. Tiba-tiba sahaja bendera Islam naik berkibar. Anak kunci Kaabah beralih ke tangan Rasulullah s.a.w.. Baginda boleh meletakkannya menurut kehendak baginda. Tiba-tiba sahaja orang ramai memeluk Dinnullah sekelompok demi sekelompok. Secara mendadak Islam menjadi sumber segala kehormatan dan kemuliaan. Sebaliknya pula secara tiba-tiba agama keberhalaan berada di tempat yang paling hina. Tiba-tiba sahaja orang yang dahulunya menjadi buruan kini menjadi pembesar dan ustaz kepada makhluk, dalam semua aspek.

Kisah Ashabul Kahfi benar-benar sama dengan kisah penduduk Mekah yang mu'minin dan pemuda-pemuda muhajirin. Amat sedikit perbezaannya, itu pun kerana masalah tuntutan tabii Islam dan keperluan insan.

SEJARAH PASTI BERULANG KEMBALI.

Memang sudah ditetapkan Allah, agama Islam ini terus berkekalan sampai ke hari Qiamat. Ia juga menetapkan bahawa umat Islam berkekalan dan tersebar ke seluruh pelusuk alam. Oleh itu Islam dan umatnya terpaksa melalui semua peringkat perjalanan yang telah dilalui oleh kebanyakan umat zaman silam.

Dakwah Islam terpaksa menghadapi semua peringkat tabii yang ada pada kehidupan manusia, iaitu kelemahan, kekuatan, bilangan yang sedikit, bilangan yang banyak, kekalahan, persetujuan dan pertentangan.

Jamaah-jamaah yang menjalankan dakwah serta membetulkan aqidah, sering terdedah pada tekanan yang amat teruk, penyiksaan, ancaman, buang negeri dan juga pembunuhan. Kadang-kadang perkara tersebut dilakukan oleh kerajaan-kerajaan kafir. Kadang-kadang pula ianya dilakukan oleh kerajaan-kerajaan yang menamakan dirinya Islam, dipimpin oleh orang-orang mengucap dua kalimah syahadat, membina masjid, merayakan maulud, perayaan agama Islam, hari-hari kebesaran Islam dan mengadakan syiar-syiar Islam.

Tetapi kadang-kadang mereka menganggap dakwah Islam dan aqidahnya yang sebenar itu, lebih merbahaya, bermudharat daripada dakyah jahiliah, khurafat berhala, pemikiran sesat dan falsafah tidak

bertuhan. Mereka menganggap ia lebih merbahaya dan memudharatkan tabii dan tujuan peribadi mereka.

Oleh itu kisah Ashabul Kahfi berlaku semula di bumi Islam dengan bentuk yang baru. Pertentangan di antara kaum mu'minin yang lemah dan sedikit, dengan kaum munafik yang ramai dan kuat pun bermula. Dalam pertentangan itu, pemuda-pemuda mu'minin mendapat roh dan nur daripada Ashabul Kahfi.

إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَا لَهُمُ هُدًى^{١٣} وَرَبَطْنَا عَلَى
قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُوا فَقَالُوا رَبُّنَا رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ
لَنْ نَدَّ عُوا مِنْ دُونِهِ الْهَالِكُونَ قُلْنَا إِذْ أَشْطَطُوا^{١٤}

“*Sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka dan Kami tambah lagi bagi mereka petunjuk. Dan Kami kuatkan hati-hati mereka dengan kesabaran, tatkala mereka berdiri lalu mereka berkata: “Tuhan kami, Pengurus bagi langit-langit dan bumi, kami tidak akan seru Tuhan selain dari Dia, kerana kalau begitu, bererti kami berkata satu perkataan yang melewati batas.”*”

(Al Kahfi: 13—14)

Kadang-kadang keadaan ini menjadi lebih teruk dan menghim-pit lagi, sehingga mustahil untuk hidup bebas dengan iman dan aqidah. Jadi tidak ada jalan lain lagi bagi umat Islam selain dari lari meninggalkan masyarakatnya, dan bersembunyi di tempat yang jauh terpencil. Keadaan seperti ini jarang benar berlaku, dan ia dianggap krisis yang ganjil. Namun begitu, Rasulullah s.a.w. telah menyatakan bahawa nubuwah Muhammadiyah adalah merupakan nubuwah sepanjang zaman. Ia juga merupakan pembimbing un-tuk semua keadaan.

Dari Abu Said al-Khudri r.a., Rasulullah s.a.w., bersabda:

يُوشِكُ أَنْ يَكُونَ خَيْرَ مَالِ الْمُسْلِمِ غَمًّا يَسْعُ
بِهِ شَعْفَ الْجِبَالِ وَمَوَاقِعَ الْفَطْرِ يُفْرِدُ بِهِ
مِنَ الْفِتَنِ

“Hampir-hampirilah harta seseorang Muslim yang paling baik sekali ialah kambing. Dibawanya kambing itu ke lereng-lereng bukit dan kawasan-kawasan perairan, kerana melarikan agamanya daripada fitnah.”

Hadis riwayat Bukhari.

Dalam keadaan yang sebegitu, surah al-Kahfi akan melindungi, di samping memberi petunjuk ke jalan kebenaran.

Sekarang saya akan membentangkan kisah Ashabul Kahfi menurut al-Qur'an dengan skop yang lebih luas dan menyentuh kehidupan agar ia memberikan pengajaran dan tauladan.

NEGARA KEBERHALAAN DAN KEMAKSIATAN.

Ephesus atau Epsus ialah salah sebuah dari bandar-bandar Rome. Sewaktu sejarah Masehi baru berkembang, kebendaan dan ekorannya yang terdiri dari keberhalaan yang terdedah, serta sikap kebinatangan yang tidak mengenal malu, telahpun mencapai peringkat keagungan dan kemegahannya. Sejarah telah membuktikan bahawa keberhalaan sentiasa berpaut erat dengan kemaksiatan dan nafsu syahwat. Seolah-olahnya kedua-dua perkara tersebut ialah isi dengan kuku. Perkara sedemikian telah berlaku di zaman Hindu tua. Ini dinyatakan oleh cerita-cerita dan dongeng orang tua. Keadaan sama juga telah berlaku di Yunan, Mesir dan semenanjung Tanah Arab semasa zaman jahiliah dahulu. Kerajaan dan pembesar-pembesarnya sentiasa memandu ke arah penyembahan berhalā, hawa nafsu, kebendaan dan kekuatan. Gelombang besar keberhalaan dan nafsu syahwat telah melanda dan merosakkan semua nilai-nilai rohaniah dan akhlak. Dengan itu masyarakat yang ada dalam ibu kota itu pun bertukarlah menjadi masyarakat kebendaan tulin. Mereka cuma beragama dengan benda-benda kasar dan nyata sahaja. Begitu juga, mereka hanyalah mengimani benda dan manfaat duniawi semata-mata.

Kerajaan akan menggunakan apa sahaja sumber yang ada untuk mencapai kebahagiaan hidup dan kemakmuran negara. Bagi mereka perkara tersebutlah yang menjadi sumber kemewahan, kekayaan, kemuliaan dan kehormatan. Mereka menganggap menurut ideologi, polisi kerajaan serta pembesarnya adalah merupakan satu-satunya jambatan untuk mendapatkan kuasa,

kekayaan, kemuliaan dan kehormatan. Bagi mereka yang mempunyai kepentingan peribadi dan inginkan pangkat kebesaran, mereka berduyun-duyun mengerumuni jambatan tersebut. Jadi semua bentuk manusia menjadi seragam. Mereka semuanya menghambakan diri kepada nafsu syahawat, asyik dengan keberhalaan, jawatan, tanah serta wilayah yang dirampas mengikut nafsu.

Kerajaan akan melaksanakan dasar aqidahnya secara melampau dan paksaan yang bertalu-talu. Begitu juga dengan langkahnya memaksa anak negeri mengikuti dasar. Ia bertindak mengesan orang yang menganut agama yang bertentangan dengan keberhalaan dan melanggar dasar yang telah ditetapkannya. Begitu juga, ia bertindak mengesan orang yang mengecap hidup dengan cara yang berbeza dengannya. Mana-mana rakyat yang didapati melanggar perkara yang di atas akan dihukum mati dan dilucutkan kewarganegaraannya.

Oleh yang demikian, kehidupan dalam negeri itupun menjadi seragam, satu corak sahaja, iaitu khurafat dan maksiat.

Tidak ada perbezaan dalam corak aqidah dan akhlak mereka. Manusia dari berbagai bangsa, peringkat umur dan daya pemikiran, semuanya menjadi sebetuk dan serupa, laksana senaskhah kitab yang dicetak di sebuah percetakan yang baik.

PEMBERONTAK-PEMBERONTAK YANG BERIMAN.

Dalam negara keberhalaan yang zalim ini, dalam masyarakat yang melampau dan bergelumang dengan dosa, dalam lengkongan sempit yang menggilakan, dan dalam suasana gelap gelita yang menghimpit itu, terdapat sekumpulan orang yang diresapi dengan da'wah Nabi Isa alaihis salam. Da'wah tersebut menimbulkan semangat dalam pemikiran mereka. Hati mereka menjadi khusyuk, manakala jiwa mereka pula sentiasa hidup.

Da'wah tersebut telah membuka dan menguasai seluruh pemikiran, hati dan jiwa mereka. Setiap ruang dalam jiwa mereka telah diresapi oleh da'wah tersebut. Begitu juga dengan setiap sudut hati dan pemikiran mereka. Da'wah tersebut benar-benar telah menjadi keimanan, akidah, kelazatan, kekuatan, dasar dan keyakinan mereka. Mereka tidak mungkin lagi hidup dengan da'wah yang lain daripada da'wah itu. Bahkan mereka tidak mungkin menjualnya di dunia ini walau semahal mana sekalipun, meskipun harganya ialah

diri, darah dan nyawa mereka.

Dari sini bermulalah pertentangan. Mulanya pertentangan itu cumalah berlaku dalam diri mereka sahaja. Kemudian ia berlaku pula di luar. Memang begitulah, pertentangan sentiasa bermula dari dalam diri.

Mereka yang diresapi oleh da'wah tersebut menuju ke arah yang bertentangan dengan arah yang ditujui oleh kerajaan dan masyarakat. Kerajaan adalah keberhalaan. Jadi ia cuma dapat menerima bentuk keberhalaan sahaja. Masyarakat pula bergelumang dengan kemaksiatan. Jadi ia hanya merelai kemaksiatan sahaja.

Kehidupan, terutamanya kekayaan dan kuasa memerintah hanyalah dapat dikecap oleh kerajaan dan masyarakat sahaja. Falsafah sebab musabab, pelajaran tamaddun, kemasyarakatan dan kebenaran/kenyataan hidup, semuanya diwajibkan kepada mereka mempelajarinya. Semua pelajaran tersebut diselaraskan supaya tunduk kepada kehendak kerajaan dan masyarakat.

Seseorang tidak mungkin kenyang tanpa adanya makanan. Makanan tidak mungkin wujud tanpa harta. Harta pula cuma dimiliki oleh pemerintah sahaja. Kehormatan dan nama hanya boleh didapati melalui pangkat. Pangkat hanya didapati melalui jawatan yang disandang. Jawatan cuma ada pada pemerintah sahaja. Ketenteraman dan keselamatan cuma didapati melalui pergaulan dengan orang ramai dan menyetujui amalan masyarakat Persetujuan cuma terhasil dengan mengikuti aqidah majoriti dan polisi umum.

Itulah dia logik faham kebendaan. Ia cuma berdasarkan kenyataan dan pengalaman sahaja. Inilah juga yang menjadi sifat tabii sesuatu.

Walaupun begitu, pemberontak-pemberontak mu'min itu telah menentang logik tersebut yang didakwa oleh pendukung-pendukungnya sebagai sihat. Pemberontak-pemberontak ini berpandukan keimanan dan aqidah mereka. Pandangan mereka melewati batas-batas alam nyata. Di hadapan mereka tergambar perkara-perkara yang di sebalik alam nyata ini. Mereka tahu bahawa di sebalik sebab-sebab seperti di atas yang diagong-agongkan oleh pemerintah dan masyarakat, ada lagi sebab-sebab yang lain. Sebab-sebab yang lain itu ialah kehendak Allah, pencipta sebab musabab tersebut. Allahlah yang menjalankan sebab-sebab tersebut di sebalik tabir. Sesiapa sahaja yang dibantu oleh kehendak Allah yang maha

perkasa ini, maka semua sebab dan pelakunya tidak berkesan lagi padanya. Ketika itu, Allah akan memudahkan semua keadaan dan suasana untuknya. Keadaan dan suasana itu dijadikan selaras dengan keadaan keperluannya. Allah menyediakan petunjuk, rahmat dan ni'matnya untuk orang tersebut. Jadi ia tidak perlu lagi tunduk kepada sebab-sebab lahiriah. Begitu juga, ia tidak perlu merendah dan menghinakan dirinya kepada manusia yang melakukan sebab-sebab lahiriah itu. Sebabnya, manusia itu sendiripun lemah dan fakir. Ia mestilah cecal dengan akidahnya.

Pertentangan tersebut berakhir dengan keimanan mengatasi pemikiran kebendaan. Logik iman telah mengalahkan logik dalil nyata. Begitulah, terdapat beberapa pengajaran di dalam kisah Ashabul Kahfi ini. Anak kuncinya ialah firman Allah:

إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى^{١٣} وَرَبَطْنَا عَلَى
قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُوا فَقَالُوا رَبُّنَا رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ
لَنْ نَدْعُو مِنْ دُونِهِ إِلَهًا قَدْ قُنَّا إِذْ أَشْطَطَّا^{١٤}
هَؤُلَاءِ قَوْمُنَا اتَّخَذُوا مِنْ دُونِهِ إِلَهًا لَوْ لَا يَأْتُونَ
عَلَيْهِمْ سُلْطَانٌ بَيِّنٌ فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَى
عَلَى اللَّهِ كَذِبًا^{١٥}

“*Sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan Kami tambah bagi mereka petunjuk. Dan Kami kuatkan hati-hati mereka dengan kesabaran, tatkala mereka berdiri, lalu mereka berkata: Tuhan kami, Pengurus bagi langit-langit dan bumi; kami tidak akan seru Tuhan selain dari Dia, kerana kalau begitu, bererti kami melewati batas.*” Mereka itu, kaum kami, mereka anggap selain dari Dia beberapa tuhan; alangkah baiknya kalau mereka bisa bawakan keterangan yang nyata buat (diri-diri) mereka! Bukankah tidak ada yang lebih zalim daripada orang yang mengada-ngadakan dusta atas nama Allah.”

(Al Kahfi: 13—15)

HIDUP TANPA AQIDAH ATAU MAHU MATI DENGAN AQIDAH?

Tetapi !!!..... Bagaimanakah caranya untuk terus kekal dengan aqidah? Bagi orang yang beriman, bumi yang terbentang luas ini pun terasa sempit. Pada mereka, pemerintah sudah menjadikan negeri itu seperti telur di hujung tanduk. Semua pintu rezeki dan kehidupan yang berada di hadapan mereka sudah ditutup rapat. Mereka cuma boleh memilih salah satu ditutup rapat. Mereka cuma boleh memilih salah satu antara dua sahaja, iaitu mahu hidup tanpa aqidah dan akhlak ataupun mahu mati dengan aqidah, dengan erti tidak ada kebebasan hidup.

Dalam keadaan yang sedemikian, keimanan mereka menetapkan dan membimbing ke jalan yang harus ditempuhi. Ia meyakinkan mereka bahawa bumi Allah ini adalah luas, pertolongan Allah pasti tiba. Mereka tidak semestinya terus tinggal dalam negeri yang zalim penduduknya, setelah mereka meninggalkan kelazatan dan keinginan nafsu. Di waktu itu juga lidah mereka secara tiba-tiba melafazkan:

وَإِذَا عَزَلْتَ تَمُوهُمْ وَمَا يَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ فَأَوَّا إِلَى الْكَهْفِ
يَنْشُرْ لَكُمْ رَبُّكُمْ مِنْ رَحْمَتِهِ وَيَهَيِّئْ لَكُمْ مِنْ أَمْرِكُمْ مَرْفَقًا ﴿١٦﴾

“Dan: jika kamu tinggalkan mereka dan apa yang mereka sembah melainkan Allah — maka pergilah ke gua itu, nescaya Tuhan kamu akan berikan kepada kamu rahmatNya, dan nescaya Ia sediakan bagi kamu satu jalan yang berguna buat urusan kamu.”

(Al-Kahfi: 16)

MANHAJ SEBENAR UNTUK ORANG YANG HIDUP BERHIJRAH

Sebenarnya mereka boleh mengembara di bumi Allah yang terbentang luas ini. Masing-masing boleh berjalan mengikut kehendaknya sendiri, ataupun kesemuanya pergi ke gua atau puncak bukit secara bersendirian, sebagaimana yang telah dilakukan oleh orang-orang Masehi, semasa zaman kepadrinan dan kejatuhan mereka dahulu.

Namun begitu, Allah telah mengilhamkan kepada Ashabul Kahfi agar keluar beramai-ramai, lari menyelamatkan agama dan aqidah mereka, berlindung dengan Allah sementara menunggu kelepasan

dan kemenangan yang sudah hampir. Inilah dia manhaj dan jalan yang sebenar serta lurus. Ia patut diikuti oleh orang mu'min, contohnya semasa terdesak dan tidak ada jalan lagi, demi untuk menyelamatkan iman dan agama mereka dari bahaya dan hilang.

HADIAH KERANA KEIMANAN, KEREMAJAAN DAN LARI BERLINDUNG DENGAN ALLAH.

Apakah yang terjadi selepas itu?

Mereka telah membuktikan bahawa mereka memiliki sifat keimanan dan keremajaan. Dua sifat ini menjadi asas dan syarat untuk mendapatkan pertolongan dan sokongan Allah.

Allah berfirman:

إِنَّهُمْ فَتِيَةٌ أَمْوَابَرِّهِمْ

“Sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka.”

(Al Kahfi: 13)

Allah telah pun melaksanakan semua janjinya pada mereka. Janji tersebut ialah menambahkan petunjuk dan mencekalkan hati mereka.

Allah berfirman:

وَزِدْنَاهُمْ هُدًى^{١٣} وَرَبَطْنَا عَلَى قُلُوبِهِمْ

“Dan Kami tambah bagi mereka petunjuk. Dan Kami kuatkan hati-hati mereka dengan kesabaran.”

(Al-Kahfi: 13)

Bagi mu'min yang berhijrah serta menentang masyarakat, persekitaran, kuasa penindas dan hukuman bebas, ia amatlah memerlukan hidayat dan pengukuhan hati. Ia amat memerlukan penetapan hati dari Allah, yang mana ketika itu hatinya sedang keraguan, manakala dirinya pula teragak-agak.

Allah telah melaksanakan janjinya pada pemuda-pemuda yang mulia itu. Ia telah menambahkan petunjuknya dan menguatkan hati mereka. Ia telah membuang rasa kecut hati, ketakutan, kebingungan dan keraguan yang ada di hati mereka. Sebaliknya pula

Ia telah memenuhkan hati mereka dengan keberanian, ketenangan, kekuatan, keyakinan, kegembiraan, keriang dan keredhaan dengan Allah dan segala yang dilakukannya.

Perkara tersebut adalah merupakan bekalan seseorang yang berhijrah ke jalan Allah. Ia juga menjadi senjata bagi seseorang mujahid fi sabilillah yang menentang zamannya dan juga menentang masyarakatnya.

Setelah itu apa pula yang berlaku?

Mereka keluar dari negeri itu, meninggalkan kehidupan kota dan keindahannya di belakang mereka. Mereka mengenyepikan segala keperluan hidup. Mereka meninggalkan tanahair dan kediaman mereka yang baik dan mulia.²⁸ Jelas bahawa mereka adalah berasal dari keluarga yang ternama dan berketurunan mulia. Balasan kepada langkah yang mereka ambil itu ialah Allah memberi petunjuk kepada mereka agar pergi ke gua yang luas dan selesa.²⁹ Pertubuhan dan perbadanan yang besar pun tidak upaya membina gua dan tempat perlindungan yang seluas, sebersih dan sesihat seperti gua tersebut.

Bentuk gua yang sebegitu besar boleh memanafa' atkan matahari, iaitu membekalkan cahaya dan suhu panas. Keadaan begitu juga boleh mengelakkan bahaya terlampau panas. Udara bersih dapat masuk dengan bebas. Ini boleh menambahkan keselesaan dan kecergasan badan.

Firman Allah:

وَتَرَى الشَّمْسَ إِذَا طَلَعَتْ تَزُورُ عَنْ كَهْفِهِمْ ذَاتَ الْيَمِينِ
وَإِذَا غَرَبَتْ تَقْرِضُهُمْ ذَاتَ الشِّمَالِ وَهُمْ فِي فَجْوَةٍ مِنْهُ^{٣٠}

“Dan engkau akan lihat matahari apabila ia terbit, condong dari gua mereka di sebelah kanan; dan apabila ia terbenam, ia tinggalkan mereka di sebelah kiri, sedang mereka ada di tempat yang luas dalam gua itu.”

(Al Kahfi: 17.³⁰)

Begitulah, hubungan mereka dengan suasana kota yang kotor dan berpenyakit itu telah terputus. Hubungan mereka dengan orang-orang kota yang zalim dan fasik juga terputus. Sebaliknya pula, terjalin hubungan erat di antara mereka dengan sumber kehidupan yang bersih dari noda, dan juga dengan alam luar yang suci. Mereka hidup

dengan menyisihkan diri dari dunia. Di situ mereka mengecap banyak kebaikan dan faedah. Perkara tersebut adalah semata-mata balasan keimanan mereka yang dalam, jihad mereka yang sebenar, dan kemudahan serta hidayat yang diberikan oleh Allah yang Maha Esa.

Firman Allah:

ذٰلِكَ مِنْ اٰيٰتِ اللّٰهِ مَنْ يَهْدِ اللّٰهُ فَاِنَّهُ السَّبِيْحُ

“Yang demikian itu setengah dari tanda-tanda Allah; barang siapa Allah pimpin, maka adalah ia orang yang di jalan lurus.”

(Al Kahfi: 17)

Golongan yang menentang wahyu, syariat dan ketetapan Allah, telah dicuba dengan sepenuh tenaga, keupayaan yang ada, ilham serta kebijaksanaan mereka untuk mencapai taraf kehidupan yang mewah, bersih dan tenteram. Mereka telah menguasai kuasa alam untuk kepentingan peribadi mereka. Mereka juga telah menunjukkan kepada diri mereka sumber kerehatan, kemewahan dan kepuasan hati. Mereka telah diharamkan Allah dari mengecap dan menikmati hasil usaha itu. Segala hidupan dan alam tabii turut menentang mereka. Dengan tidak diduga, tiba-tiba sahaja Allah membalakan mereka. Akhirnya mereka menjadi mangsa penemuan-penemuan mereka sendiri. Mereka menjadi mangsa kepada alat dan perkakas mereka, menjadi mangsa penyakit-penyakit ganjil, masalah-masalah pelik dan peperangan yang menghancurkan.

Firman Allah:

وَمَنْ يُّضِلّْ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وٰلِيًّا مُّرْسِدًا ۙ

“Dan barang siapa Allah sesatkan, maka engkau tidak dapat penolong yang menunjukkan (jalan) baginya.”

(Al Kahfi: 17)

KEHIDUPAN DI DALAM GUA IMAN.

Nyatalah bahawa Ashabul Kahfi tidak langsung menghabiskan hidup mereka dalam gua keimanan itu dengan perkara yang batil dan sia-sia. Semasa di situ, mereka tidak sesat, jahil, tanpa perlembagaan dan hidayat. Terbukti bahawa mereka membawa bersama sebahagian dari lampiran dan kertas-kertas bertulis. Mungkinkah itu merupakan lampiran kitab Taurat, Injil, atsar-atsar ilmu serta ajaran para anbia? Catatan-catatan tersebut mereka bawa semasa mereka keluar meninggalkan bandar dahulu.³¹

Perkara seperti itu hendaklah menjadi kaedah bagi setiap orang yang menentang masyarakat dan persekitaraannya, yang mana mereka berhijrah, berlindung dan terpaksa lari memencilkan diri jika perlu.

Sebaik-baik sahaja bekalan yang mereka bawa habis, Allah pun menidurkan mereka dengan tenteram, nyenyak dan lama. Ketika itu mereka tidak langsung memerlukan makanan dan minuman. Allah berfirman:

فَضْرَبْنَا عَلَىٰ آذَانِهِمْ فِي الْكَهْفِ سِنِينَ عَدَدًا ۝۱۱

“Maka Kami adakan atas telinga-telinga mereka (tutupan) di dalam gua itu beberapa tahun (lamanya).”

(Al Kahfi: 11)

PERUBAHAN SUASANA DI ROME.

Di sini dapat dilihat dengan jelas mukjizat Ashabul Kahfi yang paling besar sekali, dibandingkan dengan mukjizat-mukjizat mereka yang lain. Sewaktu mereka sedang tidur dan menyisihkan diri ke gua, suasana dalam negeri Rome dan jajahan takluknya telah berubah. Empayar keberhalaan dan kemaksiatan telah runtuh. Para pemimpin dan pendukungnya telah hilang ditelan arus perubahan zaman. Di sebalik empayar keberhalaan dan kemaksiatan yang runtuh itu, tegak pula sebuah negara yang beriman dengan Allah dan nabi Isa al-Maseh.³² Negara ini membela agama baru yang telah diperangi sekian lamanya oleh kerajaan yang dahulu. Pada masa dahulu juga, pengikut-pengikut dan orang yang menganut agama baru ini telah diburu oleh pemerintah masa itu. Kini negara baru ini benar-benar memuliakan semua orang yang menghayati agama tersebut. Di samping itu ia sentiasa mengalu-alukan setiap orang yang ingin menganut agama dan akidah tersebut.

Ketika itu juga Ashabul Kahfi dibangkitkan dari tidur mereka, yang panjangnya memakan masa tiga kurun lebih. Firman Allah:

وَلَبِثُوا فِي كَهْفِهِمْ ثَلَاثَ مِائَةٍ سِنِينَ وَازْدَادُوا تِسْعًا ۝۱۵

“Dan mereka tinggal dalam gua mereka tiga ratus tahun, dan mereka tambah sembilan (lagi).”

(Al Kahfi: 25)

Mereka tertanya-tanya sesama sendiri mengenai lamanya tempoh mereka tertidur. Mereka tidak sependapat tentang penentuan

dan penetapannya. Akhirnya mereka pun menyerahkan perkara tersebut kepada Allah, kerana ia tidak penting, baik di segi agama mahupun dunia.

Firman Allah:

قَالَ قَائِلٌ مِنْهُمْ كَمْ لَبِئْتُمْ قَالَوا لَبِئْنَا يَوْمًا اَوْ بَعْضَ يَوْمٍ
قَالوا رَبُّكُمْ اَعْلَمُ بِمَا لَبِئْتُمْ

“Salah seorang dari mereka bertanya: “Berapa (lamakah) kamu tinggal?” Mereka menjawab: “Kita tinggal satu hari atau setengah hari.” Berkatalah mereka: “Tuhan kamu lebih mengetahui berapa lama kamu tinggal.” ”

(Al Kahfi: 19)

Ketika itu juga mereka merasa lapar. Mereka pun meminta salah seorang dari mereka agar membeli makanan yang baik dan lazat.³³ Mereka menyuruhnya keluar dengan membawa wang perak yang mereka bawa bersama semasa meninggalkan bandar dahulu.

Firman Allah:

فَابْعَثُوا اَحَدَكُمْ يَتْرُقِكُمْ هَذِهِ اِلَى الْمَدِيْنَةِ
فَلْيَنْظُرْ اَيُّهَا اَرْزُقِي طَعَامًا فَلْيَاْتِكُمْ بِرِزْقٍ مِنْهُ

“Utuslah salah seorang dari antara kamu dengan (wang) perak kamu ini ke kota, dan hendaklah ia periksa, siapa dari antara (penduduk) kota itu yang makanannya lebih baik, maka hendaklah ia bawakan untuk kamu sedikit makanan daripadanya.”

(Al Kahfi: 19)

Mereka berpesan padanya agar berjaga-jaga daripada terpecah rahsia, dan ia hendaklah bersikap lemah lembut. Sebabnya mereka masih lagi menyangka bahawa negara itu masih dikuasai oleh musuh, dan polis-polis kerajaan serta pengintip-pengintip rahsia sentiasa mengawasi mereka.

Firman Allah:

وَلِيَتَلَطَّفْ وَلَا يُشْعِرَنَّ بِكُمْ اَحَدًا ①٤

إِنَّهُمْ إِنْ يَظْهَرُوا عَلَيْكُمْ يَرْجُمُوكُمْ أَوْ يُعِيدُوكُمْ
 فِي مِلَّتِهِمْ وَلَنْ تُفْلِحُوا إِذًا أَبَدًا ۝

“Dan hendaklah ia berlaku lemah lembut, dan janganlah ia sedarkan sesiapa pun tentang kamu. (kerana) sesungguhnya jika mereka mengetahui kamu, nescaya mereka akan rejam kamu atau mereka akan kembalikan kamu ke dalam agama mereka; dan kamu tidak akan berbahagia selama-lamanya.”

(Al Kahfi: 19—20)

Penduduk negeri itu telah mendengar kisah yang menjadi buah mulut, iaitu kisah tekanan yang dihadapi oleh pemuda-pemuda mu'minin, semasa berada di dalam negara penyembah-penyembah berhala yang zalim. Mereka telah mendengar kisah yang berlaku pada pemuda-pemuda tersebut; Bagaimana mereka meninggalkan tanahair, bersembunyi dari pandangan orang ramai dan berita mereka terputus?

Negara Masehi yang masih muda itu telah menghidupkan semula pengaruh Kristian yang telah ditekan, dan memperbaharui ajaran-ajarannya. Ia juga menghidupkan ingatan pada wira-wira dan syuhada'nya. Seterusnya ia berfikir untuk mengekalkan ingatan kepada mereka dengan membina tugu peringatan. Di antara wira-wira tersebut, nama Ashabul Kahfi War Raqim telah diletakkan di senarai paling atas dan utama sekali.

ORANG YANG PERNAH DIBURU KINI MENJADI WIRA.

Kisah Ashabul Kahfi telah menjadi buah mulut dalam negeri tersebut. Pada mulanya wakil peninjau mereka keluar dengan menyamar diri, bersikap lemah lembut dan takut diintip. Ia keluar untuk mencari makanan yang lazat. Kemudian ia akan segera balik mendapatkan rakan-rakannya. Jika dapat balik dengan selamat pun, ia akan bersyukur dan puas hati.

Tiba-tiba sahaja peninjau tersebut menjadi orang yang amat dikehendaki dalam negeri itu. Tiba-tiba sahaja, ia dan rakan-rakannya disenaraikan sebagai wira-wira, yang mana nama mereka harum dan menjadi sebutan seluruh negara. Pemerintah dan rakyat menyebut serta mengenang kemuliaan, jihad dan kepahlawanan mereka.

Ia ditemui melalui wang pertukaran zaman silam yang dibawanya, ataupun melalui dialek pertuturan, dan boleh jadi juga melalui pakaian yang dipakainya. Al-Qur'an tidak menyebut dan menitikberatkan perkara-perkara kecil sedemikian. Ia hanyalah merupakan riwayat yang direka-reka, bukannya hidayat dari Allah.

Berita mengenai mereka heboh ke seluruh ceruk rantau negeri itu. Orang ramai menjadi sibuk dan heboh. Mereka pun mulalah pergi ke gua tersebut secara berkumpulan dan berseorangan. Mereka merasa bertuah dapat menziarahi Ashabul Kahfi tersebut.

Memang sudah menjadi kebiasaan, al-Qur'an tidak menyebut dengan secara terperinci mengenai penghormatan besar yang diberikan oleh orang ramai kepada mereka. Begitu juga, ia tidak menyebut secara terperinci mengenai kemuliaan dan ukurannya yang mereka berikan kepada Ashabul Kahfi tersebut. Namun begitu, al-Qur'an menyatakan dengan jelas dan tegas:

وَكَذَلِكَ أَعْتَرْنَا عَلَيْهِمْ لِيَعْلَمُوا أَنَّ وَعْدَ اللَّهِ
حَقٌّ وَأَنَّ السَّاعَةَ لَا رَيْبَ فِيهَا

“Dan demikianlah Kami tunjukkan mereka (kepada manusia) supaya mereka mengetahui, bahawa perjanjian Allah itu benar, dan bahawa hari Qiamat itu, tidak ada syak tentang (ada)nya.”
(Al Kahfi: 21)

Perubahan yang berlaku pada kerajaan serta rakyat, termasuk penemuan orang ramai dengan Ashabul Kahfi yang telah sekian lama hilang, adalah merupakan penyempurnaan Allah terhadap janjiNya untuk meninggikan kedudukan nur mereka. Allah mengekalkan pengaruh mereka dan menyatakan kekalahan musuh mereka dahulu. Ia jua menjadi bukti bahawa Allahlah yang menukarkan malam dengan siang.

Firman Allah:

وَأَنَّ السَّاعَةَ آتِيَةٌ لَّارَيْبَ فِيهَا وَأَنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ مَنْ
فِي الْقُبُورِ

“Dan sesungguhnya Qiamat itu akan datang, tidak ada ragu-ragu padanya, dan sesungguhnya Allah akan bangkitkan orang-orang yang di kubur-kubur.”
(Al Hajj : 7)

Empayar kuku besi Rome telah runtuh. Agama Masehi yang dahulunya ditekan, lalu bangun. Setelah terlalu lama berada dalam gua yang laksana perkuburan luas itu, Ashabul Kahfi pun keluarlah. Adakah diharapkan dari semua ini supaya mereka benar-benar dimuliakan, diagong-agongkan, diberikan oleh negara ruang, sambutan dan perlindungan yang selayaknya?

Bukankah perkara tersebut menjadi tauladan pada pembesar-pembesar Quraish dan pemimpin Mekah. Bukanlah perkara tersebut boleh mententeramkan hati kaum Muslimin dan golongan mustadzaafin?

Mereka tinggal di dalam gua tersebut selama tempoh yang dikehendaki oleh Allah. Kemudian, setelah tiba ajal yang ditetapkan, mereka pun dimatikanlah. Bagi orang yang sayangkan Ashabul Kahfi dan merasa pelik dengan keadaan mereka, mereka telah berselisih pendapat. Mereka terbahagi kepada beberapa mazhab. Perselisihan tersebut ialah mengenai cara mengekalkan upacara memperingati Ashabul Kahfi dan soal membina tugu peringatan mereka.

Firman Allah:

إذ يَتَنَازَعُونَ بَيْنَهُمْ أَمْرَهُمْ فَقَالُوا ابْنُوا عَلَيْهِم بُيُوتًا
 رَبُّهُمْ أَعْلَمُ بِهِمْ قَالَ الَّذِينَ غَلَبُوا عَلَىٰ أَمْرِهِمْ
 لَنَتَّخِذَنَّ عَلَيْهِم مَّسْجِدًا ﴿٢١﴾

“Ingatlah tatkala mereka berbantahan antara mereka tentang urusan mereka (yang di gua itu), lalu mereka berkata: “Dirikanlah atas mereka itu satu pendirian. Tuhan mereka lebih mengetahui tentang mereka.” Berkata orang-orang yang berkuasa atas urusan mereka: “Sesungguhnya kami akan adakan atas mereka satu tempat sembahyang.””¹³⁴

(Al Kahfi: 21)

Perselisihan bukan sahaja setakat mengenai cara untuk memuliakan kedudukan mereka di zaman itu, dan keinginan untuk mengekalkan ingatan tersebut sahaja, tetapi mengikut sejarah dan agama-agama, Ashabul Kahfi ini termasuk dalam senarai orang-orang yang sentiasa dipertikai dan diperbahaskan. Terdapat beberapa mazhab dan kumpulan dalam soal ini. Setiap mazhab dan kumpulan itu mempunyai pengikutnya masing-masing.

Firman Allah:

سَيَقُولُونَ ثَلَاثَةٌ رَّابِعُهُمْ كَلْبُهُمْ وَيَقُولُونَ خَمْسَةٌ سَادِسُهُمْ
 كَلْبُهُمْ رَجَبًا بِالْغَيْبِ وَيَقُولُونَ سَبْعَةٌ وَثَامِنُهُمْ كَلْبُهُمْ
 قُلْ رَبِّي أَعْلَمُ بِعَدَّتِهِمْ مَا يَعْلَمُهُمْ إِلَّا قَلِيلٌ فَلَا تُمَارِ فِيهِمْ
 إِلَّا مِرَاءً ظَاهِرًا وَمَا تَسْتَفْتِي فِيهِمْ مِنْهُمْ أَحَدًا ۝

“Mereka akan berkata; “(Mereka)itu, tiga (orang) yang keempatnya (ialah) anjing mereka;” (sebahagian dari) mereka berkata: “(Mereka itu) lima (orang), dan yang keenamnya (ialah) anjing mereka”, dengan sangkaan tentang urusan ghaib: dan (sebahagian dari) mereka berkata: “(Mereka itu) tujuh (orang) dan yang kelapannya, (ialah) anjing mereka.” Katakanlah: “Tuhanku lebih mengetahui akan (bilangan) mereka, melainkan sedikit.” Oleh kerana itu, janganlah engkau berbantah tentang mereka, melainkan dengan bantahan yang terang; dan janganlah engkau bertanya dari hal mereka kepada seseorang pun dari mereka itu.”

(Al Kahfi: 22)

KEIMANAN MENGATASI KEBENDAAN.

Demikianlah berakhirnya kisah yang terus kekal ini. Ia merupakan kisah pertama di antara empat kisah yang disebut dalam surah al-Kahfi. Ia adalah kisah tentang pertentangan di antara iman dengan kebendaan, ataupun kisah pertentangan di antara semata-mata berpegang pada sebab, dengan berpegang pada Allah pencipta segala sebab. Kisah ini berakhir dengan keimanan mengatasi kebendaan dan juga kebenaran bergantung pada Allah pencipta segala sebab.

Pemuda-pemuda Mu'minin itu telah memilih iman dan meninggalkan kebendaan. Mereka telah memilih akhirat dan meninggalkan dunia. Mereka telah memilih hidup fakir dan dagang, tetapi beriman. Mereka tidak mahu menjadi kaya raya dan pemimpin, tetapi kafir. Mereka telah membuat pilihan untuk hidup jauh dari tanahair, kaum kerabat dan orang-orang yang tercinta.

Mereka tidak mendapat habuan untuk mengecap kenikmatan hidup, kelazatan tempat tinggal dan kemuliaan pemerintah dengan cara mensyirikkan Allah, mengikut syahawat dan bekerjasama dalam perkara dosa dan permusuhan. Sebenarnya mereka telah lari dari tuntutan nafsu kepada tuntutan roh. Mereka juga telah lari daripada tuntutan akal kepada tuntutan iman.

Terbuktilah bahawa mereka memiliki akal fikiran yang amat cerdas, waras dan berpandangan jauh. Sebenarnya akibat baik itu adalah untuk orang-orang yang bertaqwa. Mereka lari daripada sebab-sebab tabii kepada Allah pencipta segala sebab. Mereka tidak meninggalkan dunia ini, kecuali setelah sebab-sebab tabii itu tunduk kepada mereka. Begitu juga, kerajaan yang dahulunya mereka takuti hingga terpaksa lari untuk menjauhkan hukumannya, kini telah tunduk pada mereka.

Kisah Ashabul Kahfi War Raqim ialah kisah keimanan, keremajaan, kecekan, pengorbanan dan jihad. Kisah ini sentiasa berulang dalam sejarah manusia, sejarah kebenaran dan aqidah. Ia juga menjadi bukti bahawa sebab-sebab tabii adalah tunduk kepada kehendak Ilahi, dan ia menjadi rakan kepada iman dan amal salih. Jalan yang harus ditempuh oleh seseorang mu'min ialah menghubungkan kehendak Ilahi dengan iman dan amal salih. Dengan itu pastilah tiba pertolongan dan bantuan Allah.

Sebelum al-Qur'an memulakan kisah yang kedua, iaitu kisah pemilik dua buah kebun. Ia berpesan kepada Nabi s.a.w. agar berpegang teguh dengan tali Allah, dan sebab yang paling utama serta kuat, ataupun tali yang kukuh, ialah jalan keimanan dan jalan al-Qur'an. Ia juga berpesan kepada baginda agar mendampingi orang-orang mu'min yang menghayati keimanan, ma'rifat, keyakinan; zikir dan doa, walaupun mereka masih lagi mengecap sedikit habuan sebab, mengecap sedikit keduniaan dan kemewahan. Al-Qur'an juga berpesan kepada baginda, agar menjauhi orang yang jahil, lalai, melarang beriman, ma'rifat, yakin dan sebagainya. Contohnya ialah menjauhi orang yang mencegah daripada berzikir dan berdoa'. Begitu juga, orang-orang yang terlalu berpegang kepada kebendaan, orang yang banyak kuasa dan harta, semuanya hendaklah dijauhi.

Perkara-perkara tersebut merupakan wasiat umum untuk semua pembaca al-Qur'an, dan orang-orang yang mengikutinya. Bahkan mereka lebih perlu melaksana dan mengamalkan wasiat tersebut.

Firman Allah:

وَأَصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْغَدَاةِ
وَالْعِشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُ وَلَا تَعْدُ عَيْنَاكَ عَنْهُمْ
تُرِيدُ زِينَةَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُ
عَنْ ذِكْرِنَا وَاتَّبَعَ هَوَاهُ وَكَانَ أَمْرُهُ فُرُطًا ﴿٢٨﴾

“Tahanlah dirimu bersama orang-orang yang menyeru Tuhan mereka diwaktu pagi dan petang (kerana) menghendaki keredhaan Allah, dan janganlah dua matamu berpaling dari mereka (kerana) menghendaki perhiasan penghidupan yang rendah ini, dan janganlah engkau turut orang yang Kami telah lalaikan hatinya dari mengingat Kami dan ia menurutkan hawa nafsunya, kerana adalah pekerjaannya melewati batas.”

(Al-Kahfi: 28)

Begitulah keadaan Ashabul Kahfi, ashabul iman dan makrifah pada setiap masa. Keadaan mereka ialah lebih mengutamakan iman, amal saleh dan hubungan roh dengan Allah, daripada masalah lahiriah, kebendaan, sebab dan kekuatan. Mereka menentang kebendaan dan pemilikinya. Mereka juga memandang rendah kemewahan duniawi dan pengcapnya. Keadaan yang sedemikian adalah merupakan seruan surah al-Kahfi dan juga merupakan da'wah al-Qur'an. Firman Allah:

وَلَا تَمُدَّنَّ عَيْنَيْكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِنْهُمْ
زَهْرَةَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا لِنَفْتِنَهُمْ فِيهِ وَرِزْقُ رَبِّكَ
خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ ﴿٣١﴾

“Dan janganlah engkau tujukan dua matamu kepada (nikmat-nikmat) yang Kami berikan dia kepada beberapa golongan dari mereka (iaitu) perhiasan hidup yang rendah ini, untuk Kami mencoba mereka padanya, sedang kurnia Tuhan mu, lebih baik dan lebih kekal.”

(Tha Ha: 131)

Surah Al-Kahfi berkisar di sekitar ini, Ia menunjukkan perkara tersebut dengan cara yang amat sesuai sekali.

TAMADDUN YANG BERSIFAT KEDAJALAN, KEBENDAAN DAN PEMILIKNYA YANG DIANGGAP SUCI

Tamaddun kebendaan, dengan sifatnya yang sudah dibesarkan dengan jelas, menjadi tamaddun kedajalan kini; telahpun mengaitkan hubungannya secara selari dengan roh dan aliran yang menyucikan kebendaan dan pemiliknya. Tamaddun ini tegak di atas dasar menganggap kebendaan dan pemiliknya sebagai suci. Ia juga memuliakan serta tunduk kepada pemilik kebendaan tersebut.

Di dalam falsafah dan kesusasteraan tamaddun ini, contohnya syair, prosa, riwayat, cerita, lakonan dan sejarah, banyak didapati pujian dan sanjungan yang tinggi yang diberikan kepada kaum kapitalis, jutawan, hartawan, orang-orang berpengaruh, ahli-ahli politik dan ekonomi. Sanjungan tersebut amatlah tinggi hingga mempertuhankan mereka, dan menggesa agar mengikut dan mencontohi mereka.

TAMADDUN KEBENDAAN BERSIFAT MELAMPAU DAN KETERLALUAN.

Gambaran tamaddun jahanam ini, serta pendukungnya telah diresapi oleh roh tamaddun tersebut, hanyalah dapat dinyatakan dengan tepat oleh firman Allah yang berikut:

وَلَا تَطْعَمُ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُ عَنْ ذِكْرِنَا وَاتَّبَعَ هَوَاهُ وَكَانَ
أَمْرُهُ فُرُطًا ﴿٢٨﴾

“Dan janganlah engkau turut orang yang Kami telah lalaikan hatinya dari mengingati Kami dan ia menuruti hawa nafsunya, kerana adalah pekerjaannya melewati batas.”

(Al Kahfi: 28)

Sikap keterlaluan, menjahanam, melampau dan melewati batas memang sudah menjadi sifat tamaddun kedajalan ini. Sikap-sikap tersebut juga menjadi syiar yang menggambarkan tamaddun tersebut serta pendukungnya. Keterlaluan dalam usaha, pengeluaran, hiburan, keseronokan, kesungguhan bekerja, teori-teori politik dan ekonomi. Ia bersikap terlampau demokrasi, diktator atau komunis. Perkara-perkara seperti tata susila contohnya, sistem atau perundangan yang diciptanya sendiri atau bangsanya adalah dianggap oleh tamaddun ini sebagai suci seratus peratus. Perkara-perkara tersebut

mesti diamalkan seluruhnya. Meninggalkannya adalah dianggap sebagai satu jenayah yang besar yang menyebabkan pelakunya langsung tidak dihormati dan dimuliakan lagi.

Tamaddun kedajalan ini juga bersikap revolusioner yang membuta tuli dan mengikut nafsu, sehingga mengeneipikan akal yang waras, perasaan yang sihat dan sifat semulajadi manusia. Keadaan dan sikap ini menyebabkan manusia yang bertamaddun itu bertukar menjadi binatang liar dan ternakan.³⁵ Walaupun ia tidak seperti itu, namun ia akan bersikap terlalu kapitalis.

Dalam semua perkara, ia bersikap melampaui batas, baik perkara yang dipilih, diambil, fahaman yang dianuti atau bersikap lurus, sederhana dan pertengahan. Bahkan ialah yang paling jauh dan kurang sekali memiliki sikap baik tersebut.

LURUS DAN SEIMBANG MENJADI SIFAT ISTIMEWA ISLAM DAN TAMADDUNNYA.

Kehidupan yang bersumber daripada ajaran nabi ialah kehidupan yang bersifat sederhana dan lurus.

Firman Allah:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا ﴿٦٧﴾

“Dan (ialah) mereka yang apabila berbelanja, tidak membazir dan tidak lokek, tetapi adalah (belanja mereka) berdiri di antara itu.”
(Al Furqan: 67)

Allah telah mensifatkan umat Islam sebagai umat yang terpilih dan sederhana. Allah berfirman:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

*“Dan begitu juga Kami telah jadikan kamu satu ummat yang terpilih supaya kamu jadi pembawa keterangan kepada manusia sedang Rasul itu jadi pembawa keterangan kepada kamu.”*³⁶

(Al Baqarah: 143)

Dalam soal pertengahan dan keseimbangan, Rasulullah s.a.w. lah yang menjadi contoh paling sempurna dan unggul.³⁷ Allah mensifatkan Din Islam sebagai sederhana, seimbang dan tidak langsung keterlaluan atau kekurangan. Allah juga mensifatkannya sebagai “Agama yang lurus”. Ia memerintahkan Rasulnya dengan berfirman:

قُلْ إِنِّي هَدَانِي رَبِّي إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ هَذَا قِيمًا مَّمْلَأَةً
إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٣٧﴾

“Katakanlah: “*Sesungguhnya aku dipimpin oleh Tuhanku ke jalan yang lurus, agama yang teguh, agama Ibrahim yang ikhlas, kerana ia bukan daripada orang-orang musyrik.*”

(Al An’am: 161)

Firman Allah:

ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيُّمُ

“*Yang demikian ialah agama yang lurus.*”

(At-Taubah:36)

Firman Allah:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ الْقَيُّمِ

“*Maka hadapkanlah dirimu kepada Agama yang lurus.*”

(Al Rum: 43)

Begitu juga, Allah mensifatkan kitab sucinya sebagai lurus. Ia menafikan kitab sucinya bersifat bengkok dan sesat. Di pembukaan surah al-Kahfi yang kita bincangkan dahulu, Allah berfirman:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ
لَهُ عِوَجًا ۖ قِيمًا لِيُنذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا لِمَنْ كَفَرَ وَبَيِّنَاتٍ
لِلْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا حَسَنًا ۖ
مَا كُنْتُمْ فِيهِ أَبَدًا ۖ ﴿١٠﴾

“*Sekeliam pujian kepunyaan Allah yang telah menurunkan atas hambanya Kitab itu, dan Ia tidak adakan kebengkokan. Keadaannya lurus, supaya ia ancam (manusia) dengan satu azab dari sisiNya*

yang sangat (pedih), dan supaya ia gemarkan Mu'minin yang mengerjakan amal-amal salih, bahawa adalah bagi mereka balasan yang baik.”

(Al Kahfi: 1—3)

Hal keadaan mereka tinggal padanya selama-lamanya.

Firman Allah:

رَسُولٌ مِّنَ اللَّهِ يَتْلُو صُحُفًا مُّطَهَّرَةً ﴿٦٠﴾ فِيهَا كُتُبٌ قَيِّمَةٌ ﴿٦١﴾

“(Iaitu) seorang Rasul dari Allah yang membacakan lembaran-lembaran yang suci. Yang ada padanya (isi) Kitab-kitab (agama) yang lurus?”

(Al Baiyinah: 2—3)

Firman Allah lagi:


قُرْآنًا عَرَبِيًّا غَيْرَ ذِي عِوَجٍ لَّعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿٢٨﴾

“(Ialah) Qur'an bahasa Arab yang tidak mempunyai kebengkokan, supaya mereka berbakti.

(Az Zumar: 28)


Tidak syak lagi bahawa roh kesederhanaan dan lurus sentiasa mengalir di dalam agama Islam. Ia mengalir dan menguasai seluruh sistem, syariat, tamaddun dan kebudayaan Islam. Sebaliknya pula, tamaddun kebendaan yang dilahirkan oleh Eropah di zaman yang menentang agama, akhlak dan sistem hidup itu, memang dari awal lagi telah kehilangan pertimbangan. Tamaddun kebendaan ini bersifat “ekstrim” dan keterlaluan dalam peraturan dan garis hidupnya. Falsafah dan pemikirannya adalah sesat dan menyeleweng. Manakala ilmu dan kebudayaannya pula meleret dan menggerunkan. Dalam semua dasar dan haluannya ia lebih sukakan kesukaran dan kerumitan.

Bagi tamaddun yang sebegini, tabiat manusia menjadi tidak selamat lagi. Akal menjadi terseleweng, hidup yang mudah dan senang bertukar menjadi susah dan payah. Seterusnya umat manusia menjadi ganas dan berpecah-belah.



قصة صاحب الجنتين

KISAH PEMILIK DUA BUAH KEBUN



KISAH PEMILIK DUA BUAH KEBUN

Al-Qur'an memulakan pula kisah yang kedua, iaitu kisah mengenai seorang yang memiliki dua buah kebun. Kisah begini kerap benar berlaku dalam kehidupan sehari-hari dan menjadi lumrah dalam kehidupan jika dibandingkan dengan kisah yang pertama dahulu. Kalaulah kisah Ashabul Kahfi dahulu cuma berlaku dan tergambar dalam tempoh masa beberapa dekad sahaja, tetapi kisah pemilik dua buah kebun ini pula sentiasa berlaku dan terbayang di mana-mana sahaja pada setiap ketika. Ia mengisahkan mengenai seorang lelaki yang mengecap kebahagiaan. Ia mendapat segala sumber kesenangan dan kemewahan. Ia memiliki dua buah kebun anggur yang merupakan buah yang baik dan disukai ramai. Kedua-dua buah kebunnya itu dikelilingi pula dengan pohon-pohon khurma yang juga merupakan jenis yang baik serta digemari ramai. Di celah-celah dua buah kebun itu pula dipenuhi dengan tanaman-tanaman yang subur, juga menjadi kegemaran ramai. Semua ini adalah punca kebahagiaan dan menjadi perkara yang amat diingini dalam hidup yang sederhana ini. Sesungguhnya hidup yang sederhana yang menjadi ukuran dalam kebanyakan urusan duniawi.

Kebahagiaan orang yang dilimpahi nikmat kekayaan ini bukanlah hanya setakat memiliki dua buah kebun sahaja, malah lebih dari itu, yang mana beberapa pintu rezeki terbuka luas untuknya. Kedua-dua buah kebun itu mengeluarkan hasil yang amat memuaskan. Firman Allah:

كَلَّمَا الْجَنَّتَيْنِ اِنَّتِ اُكْلِهِنَّ وَلَمْ يَظْلِمْنَ مِنْهُ شَيْئًا وَفَجَّرْنَا
خِلْفَهُمَا نَهْرًا ۝

"Kedua-dua kebun itu mengeluarkan hasilnya, dan tiada mengurangi sedikit pun dari hasil itu dan Kami juga mengalirkan di antara kedua-duanya sebatang sungai."

(Al Kahfi: 33)

Demikianlah sempurnanya kebahagiaan dan terkumpulnya segala sumber kesenangan dan kemewahan untuk pemilik kebun tersebut.

KEBENDAAN MEMPUNYAI TABIAT PANDANGAN YANG SEMPIT.

Bagi diri lelaki yang dilimpahi nikmat kekayaan tadi, ia telah diwarnai dengan keimanan kepada kebendaan. Keadaan yang sedemikian jugalah yang sering mewarnai orang-orang yang menguasai kerajaan dan negara. Begitu juga dengan sikap kaum pemodal, pemilik-pemilik harta benda, pemegang teraju kepimpinan, menteri-menteri, majikan perindustrian, perusahaan termasuk pengusaha-pengusaha kelengkapan peperangan pertahanan dan pembinasa. Tabiat tersebut terus mewarnai mereka dan iman pula tidak dapat menghalangnya. Pengetahuannya yang benar dan pendidikan yang baik juga tidak dapat mengingatkannya. Jadi ia pun meletakkan kebahagiaan dan kemuliaan kepada ilmu dan kepintarannya, kepada usaha dan juga kecerdasannya. Keadaannya sama dengan perkara yang dilakukan oleh Qarun dahulu. Qarun telah menjawab (dengan sombongnya).

إِنَّمَا أُوتِيْتُهُ عَلَىٰ عِلْمٍ عِنْدِي ۗ

“Aku diberikan harta kekayaan ini hanyalah disebabkan pengetahuan dan kepandaian yang ada padaku.”

(Al Qasas: 78)

Ia bersikap sombong dan bongkok kepada rakannya. Ia tidak mahu berkongsi kebahagiaan yang dikecapinya, lalu ia berkata dengan lantang dan tidak sedar:

أَنَا أَكْثَرُ مِنْكَ مَالًا وَأَعَزُّ نَفَرًا ﴿٣٤﴾

“Aku lebih banyak harta darimu, dan lebih berpengaruh dengan pengikut-pengikutku yang ramai.”

(Al Kahfi: 34)

Ia memasuki pusat kesenangan dan kemewahannya yang juga merupakan pusat pengaruh dan kekuasaannya dengan keadaan jahil. Ia jahil tentang dirinya, kekuasaan tuhan, sebab-sebab ghaib dan iradah Allah yang memerintah tujuh petala langit. Ia tidak menyedari iradah dan kuasa Allah yang menghalang antara manusia dengan kekuasaannya, begitu juga dengan hatinya. Ia memasukinya dengan keadaan menzalimi diri sendiri, iaitu dari segi ilmu, praktik, akhlak dan juga pemikiran. Tabiat kebendaan ini pun berkata melalui lidah tuannya yang jahil itu lalu ia mengisytiharkan bahawa ia dan kebun-

nya itu akan kekal. Ia mengingkari kebangkitan semula dan sebaliknya bahawa kebahagiaannya adalah berterusan untuk selama-lamanya di dunia dan di akhirat sekiranya ada akhirat. Pengisytiharan ini dilakukannya dengan rasa sombong dan bongkak.

Firman Allah:

وَدَخَلَ جَنَّتَهُ وَهُوَ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ قَالَ مَا أَظُنُّ
أَنْ تَبِيدَ هَذِهِ أَبَدًا ۖ وَمَا أَظُنُّ السَّاعَةَ قَائِمَةً ۖ

“Dan ia pun masuk ke kebunnya (bersama-sama rakannya), sedang ia berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan sebab kekufurannya) sambila ia berkata: ‘Aku tidak fikir kebun ini akan binasa selama-lamanya, dan aku tidak fikir hari Qiamat akan berlaku.’”

ۚ (Al Kahfi: 35—36)

Ia percaya bahawa ia adalah di antara orang yang mendapat kebaikan, mengecap nikmat, tidak akan dirundung malang, tidak akan ditimpa kesusahan dan sebaliknya pula sentiasa berada di puncak kebahagiaan walau di mana jua pun berada.

Firman Allah:

وَلَئِنْ رُدِدْتُ إِلَىٰ رَبِّي لَأَجِدَنَّ خَيْرًا مِّنْهَا مُنْقَلَبًا ۖ

“Dan kalaulah aku dikembalikan kepada Tuhanku (sebagaimana kepercayaanmu) tentulah aku akan mendapat tempat kembali yang lebih baik daripada ini.”

(Al Kahfi: 36)

Semua perkara seperti ini diyakininya. Ia merasa tidak perlu beriman, beramal salih dan berusaha. Sebaliknya ia adalah kebahagiaan yang mereka dapati secara fitrah (tabii) yang akan menyediakan pada mereka ketenangan dan kesenangan pada bila-bila masa juga.

PEMIKIRAN YANG BERSUMBER DARI KEIMANAN.

Bagi rakannya pula, sesungguhnya Allah telah membukakan mata hatinya untuk diresapi oleh kebenaran dan keimanan. Ia merasa bahagia kerana dapat mengenal Allah, sifat-sifat dan perbuatannya. Dialah yang menjadi pentadbir alam raya ini. Dialah

yang mencipta segala sebab. Dialah yang mengubah segala sesuatu menurut kehendakNya. Rakannya itu terus menentang cakap dan pemikiran kebendaannya seraya mengingatkannya kepada asal kejadian dan permulaan manusia, iaitu suatu hakikat yang amat sukar, yang sengaja dilupakan oleh orang-orang yang dilimpahi dengan kesenangan dan mereka terpedaya dengan kesenangan tersebut. Mereka lari dari mengingatinya.

Allah menyatakan kisah ini dengan firmanNya:

قَالَ لَهُ صَاحِبُهُ وَهُوَ يُحَاوِرُهُ أَكَفَرْتَ بِالَّذِي خَلَقَكَ
مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ سَوَّاهُ رَجُلًا ﴿٣٧﴾

“Berkatalah rakannya kepadanya semasa ia berbincang dengannya, ‘Patutkah engkau kufur ingkar kepada Allah yang menciptakan engkau dari tanah, kemudian dari air benih, kemudian Ia membenutku dengan sempurna sebagai seorang lelaki?’.”

(Al Kahfi: 37)

Bayangkanlah betapa beratnya pendengaran orang-orang takbur dan angkuh, bila rakannya menyatakan bahawa ia sedang berjalan menuju ke arah yang bertentangan dengan arah keimanan.

لَكِنَّا هُوَ اللَّهُ رَبِّي وَلَا أُشْرِكُ بِرَبِّي أَحَدًا ﴿٣٨﴾

“Tetapi aku sendiri percaya dan yakin sepenuhnya, bahawa dialah Allah Tuhanku dan aku tidak menyengutukan sesuatu pun dengan Tuhanku.”

(Al Kahfi: 38)

Kemudian ia menyebut pula hakikat asas yang disebutkan di dalam surah al-Kahfi ini. Begitu juga dengan pukulan peka yang menyentuhnya iaitu bukannya persoalan sebab musabab tetapi persoalan pencipta yang juga telah menciptakan sebab musabab. Semua yang dilihat oleh orang yang dilimpahi ni'mat dan kesenangan, iaitu punca kebahagiaan dan ketenangan yang diinginiya sebenarnya bukanlah dari hasil usaha tangan dan kepintarannya, sebaliknya perkara tersebut adalah kejadian Allah yang amat teliti dalam semua perkara. Dengan secara hikmat dan bersopan santun rakannya telah menarik perhatiannya agar mengakui kejadian dan kekuasaan Allah serta mengucapkan syukur dan pujian.

Firman Allah:

وَلَوْلَا إِذْ دَخَلْتَ جَنَّتَكَ قُلْتَ مَا شَاءَ اللَّهُ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

“Dan sepatutnya semasa engkau masuk ke dalam kebunmu, berkata semuanya ialah barang yang dikehendaki Allah, tiada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah.”

(Al Kahfi: 39)

ROH SURAH DAN ANAK KUNCI KISAH INI.

مَا شَاءَ اللَّهُ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

“Semuanya barang yang dikehendaki Allah, tiada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah.”

(Al Kahfi: 39)

Ia adalah merupakan roh surah ini dan juga anak kunci kisah ini. Sesungguhnya Allah telah mewasiatkan NabiNya dan semua pembaca-pembaca al-Qur'an dalam beberapa ayat sebelum ini lagi, agar menyerahkan sesuatu urusan dan kekuatan itu kepada Allah Taala untuk masa hadapan dalam semua perkara yang diniat dan dikehendaki. Setiap kehendak dan kezaman mestilah disertai dengan ucapan, dengan kehendak Allah.

Firman Allah:

وَلَا تَقُولَنَّ لِشَيْءٍ إِنِّي فَاعِلٌ ذَٰلِكَ غَدًا ۚ إِلَّا أَن يَشَاءَ اللَّهُ ۗ وَإِذْ كُنتَ لِرَبِّكَ إِذْ أَنْسَيْتَ وَقُلْ عَلَيَّ أَن يَهْدِيَنِي رَبِّي لِأَقْرَبَ مِن هٰذَا رَشْدًا ۝١٣

“Dan janganlah engkau berkata mengenai sesuatu (yang hendak dikerjakan) ‘Bahawa aku akan melakukan yang demikian itu kemudian nanti’, melainkan (hendaklah dengan berkata) ‘Insyaa Allah. Dan ingatlah serta sebutlah akan Tuhanmu jika engkau lupa dan katakanlah: ‘Mudah-mudahan Tuhanku memimpinku ke jalan pertunjuk yang lebih dekat dan lebih terang dari ini’.”

(Al Kahfi: 23—24)

Bagaimanakah boleh orang yang meletakkan segala kebaikan yang diterimanya dan juga kebaikan niatnya itu semata-mata dari Allah, akan tunduk kepada sebab-musabab, kebendaan, pendokong-pendokongnya, mengimani hawa nafsu dan sebagainya, pada hal ia sentiasa berkata:

مَا شَاءَ اللَّهُ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

Begitu juga, semua perkara yang dihajati dan dikehendaknya sentiasa disandarkan dengan kata-kata:

إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Kedua-dua ungkapan tersebut merupakan ucapan yang amat mudah dituturkan oleh lidah. Orang sering benar menyebutnya tanpa merasakan sesuatu dan memikirkannya. Sebenarnya kedua-duanya adalah dua perkataan yang amat berat, dalam dan luas pengertiannya. Ia bertindak terhadap kebendaan yang bodoh dan juga semata-mata bergantung pada diri serta kehendak sendiri.

TAMADDUN KEBENDAAN SENTIASA BERGANTUNG KEPADA SUMBER KEBENDAAN.

Sebenarnya keistimewaan tamaddun kebendaan ini ialah terlalu bergantung kepada peralatan, keupayaan dan kemampuan. Kerajaan kebendaan itu akan mengumumkan kepastian terlaksananya rancangan kemajuan³⁸ dan ekonomi sehingga sampai masa sesuai dengan keadaan tabii, seiring dengan musim dan perubahan cuaca pada sesuatu masa yang tertentu. Tanpa menyebut insya Allah, ia mengumumkan dengan penuh yakin bahawa mereka boleh menghasilkan sekian banyak pengeluaran dalam sekian-sekian tahun. Mereka penuh yakin bahawa pengeluaran negara mereka cukup untuk menampung keperluan dalam negeri, tanpa perlu kepada bantuan luar.

Terbukti bahawa kehendak Ilahi mengatasi rancangan-rancangan mereka yang di atas. Mereka ditimpa bala kekurangan harta benda, jiwa, buah-buahan, kebuluran, dan kekejutan yang tidak ada dalam rekod perancangan mereka. Hujan tidak turun pada suatu masa dan tempat. Mereka dilanda banjir dan hujan yang terlalu lebat pula pada sesuatu ketika yang lain. Jadi perancangan mereka tersalah lalu tergugatlah seluruh perancangan tadi.

BERIMAN DENGAN IRADAT ALLAH DAN BERSERAH PADANYA.

Ucapan Insha Allah dan pesanan agar sentiasa menyebutnya bukanlah hanya terbatas pada kerja-kerja orang perseorangan yang kecil-kecil, ataupun pada perkara harian yang mudah seperti pertemuan, ziarah menziarahi, janji peribadi, mengembara dan sebagainya sahaja. Sebaliknya ia merangkumi semua kerja kemasyarakatan yang besar, perancangan dan perencanaan yang besar yang melibatkan kehidupan serta masa depan ummah seluruhnya. Dalam semua perkara tadi, selain daripada berusaha, bersungguh-sungguh, berjihad, melakukan perancangan yang perlu sebagaimana yang diarah oleh al-Qur'an dan Sunnah serta yang berlaku dalam kehidupan nabi s.a.w. dan para sahabat; maka seseorang mestilah berpegang pada keyakinan bahawa iradah Allahlah yang menghukum dan memberikan keputusan yang muktamad. Bukanlah seorang sahaja yang ditujukan firman Allah yang berikut:

وَلَا تَقُولَنَّ لِشَيْءٍ إِنِّي فَاعِلٌ ذَٰلِكَ غَدًا ۚ إِلَّا أَن يَشَاءَ
اللَّهُ

*“Dan jangan sekali-kali kamu mengatakan terhadap sesuatu:”
sesungguhnya aku akan mengerjakan itu besok pagi, kecuali (dengan
menyebut):” Insha Allah)”*.

(Al Kahfi: 23—24)

Sebaliknya ayat tersebut juga ditujukan kepada masyarakat, kerajaan, kesatuan-kesatuan, institusi dan juga agensi, yang mana kesemuanya ditentu dan ditakliffkan agar menyebutnya. Ia adalah roh masyarakat Islam yang berkobar-kobar dengan keimanan. Ia juga merupakan roh kemajuan yang berdiri di atas asas keimanan pada perkara ghaib, iaitu pemisah di antara tamaddun kebendaan dengan tamaddun keimanan.

Rakannya yang beriman mengingatkannya tentang ketidaksamaan nasib dan habuan yang diterima oleh manusia. Ia menyatakan bahawa pembahagian tersebut bukanlah untuk selama-lamanya, dengan erti kata tidak hilang dan berubah. Sebenarnya teraju sebab musabab serta perjalanan alam raya ini tidak pernah lekang dari tangan Allah yang telah menciptanya. Allah sentiasa memilikinya. Orang yang hina kadang kala akan berbahagia. Orang yang bahagia

pula kadang-kadang berubah menjadi hina. Orang yang kaya mungkin menjadi papa, manakala orang yang papa pula mungkin menjadi kaya raya. Bukanlah ganjil kalau keadaan berubah:

إِنْ تَرَىٰ أَنَا أَقْلَمَ مِنْكَ مَا لَوْ وُلِدَا ۖ فَعَلَىٰ سَرِيٍّ أَنْ
 يُؤْتِيَنَّ خَيْرًا مِنْ جَنَّتِكَ وَيُرْسِلَ عَلَيْهَا حُسْبَانًا مِنَ السَّمَاءِ
 فَتُصْبِحَ صَعِيدًا زَلَقًا ۖ أَوْ يُصِيبَهُ مَا أُغْوِرَ أَفْئِدَةً تَسْطِيعُ
 لَهُ طَلَبًا ۖ

“Kalau engkau memandangkanku sangat kurang tentang harta dan anak, berbanding denganmu, maka mudah-mudahan Tuhanku akan mengurniakan daku lebih baik daripada kebunmu, dan (aku bimbang) Ia akan menyimpannya dengan bala’ bencana dari langit, sehingga menjadilah kebunmu itu tanah yang licin tandus. Ataupun air kebun itu menjadi kering ditelan bumi, maka dengan yang demikian engkau tidak akan dapat mencarinya lagi.”

(Al Kahfi: 39—41)

Itulah dia perkara yang terjadi. Kedua-dua buah kebun itu ditimpa oleh bencana yang datang dari Allah, maka jadilah semuanya tanah yang gersang.

Akhirnya orang yang mabuk dengan kebendaan itupun sedarlah:

وَأُحِيطَ بِشَمْرِهِ ۖ فَاصْبَحَ يَقْلِبُ كَفَيْهِ عَلَىٰ مَا نَفَقَ فِيهَا
 وَهِيَ خَاوِيَةٌ عَلَىٰ عُرُوشِهَا وَيَقُولُ يَا لَيْتَنِي لَمْ أُشْرِكْ
 بِرَبِّي أَحَدًا ۖ وَلَمْ تَكُنْ لَهُ فِئَةٌ يَنْصُرُونَهُ مِنْ دُونِ
 اللَّهِ وَمَا كَانَ مُنتَصِرًا ۖ هُنَالِكَ الْوَلَايَةُ
 لِلَّهِ الْحَقِّ ۖ هُوَ خَيْرٌ ثَوَابًا وَخَيْرٌ عُقْبًا ۖ

“Dan segala tanaman serta harta bendanya itu pun dibinasakan, lalu jadilah ia membalik-balikkan kedua tapak tangannya (kerana menyesal) terhadap segala perbelanjaan yang telah dibelanjakannya pada kebun-kebunnya, sedang kebun-kebun itu runtuh junjung-junjung tanamannya, sambil ia berkata: ‘Alangkah baiknya kalau

aku tidak sekutukan sesuatupun dengan Tuhanku . Dan dia tidak dapat sebarang golongan yang boleh menolongnya, selain dari Allah; dan ia pula tidak membela dirinya sendiri. Pada saat yang demikian itu kekuasaan memberi pertolongan hanya tertentu bagi Allah, Tuhan yang sebenar-benarnya; Dialah sebaik-baik pemberi pahala, dan sebaik pemberi kesudahan yang bahagia (kepada hamba-hambanya yang taat).”

(Al Kahfi: 42—44)

KESYIRIKAN PEMILIK DUA BUAH KEBUN

Sebenarnya pemilik dua buah kebun di atas tidak pernah langsung mensyirikkan Allah sebagaimana syirik yang sering dilakukan oleh orang-orang musyrikin. Dalam al-Qur’an tidak ada nas yang menerangkan mengenainya ataupun yang menunjukkan maksud yang sedemikian. Sebaliknya ia hanyalah dapat dirasakan melalui gaya bahasa al-Qur’an. Gaya bahasa al-Qur’an menunjukkan tanda bahawa orang itu mengenali dan mengimani Allah. Contohnya ialah kata-katanya:

وَلَئِنْ رُدِدْتُمْ إِلَىٰ رَبِّي لَأَجِدَنَّ خَيْرًا مِّنْهَا مُنْقَلَبًا ﴿٣٦﴾

... dan jika sekiranya aku dikembalikan kepada Tuhanku, pasti aku akan mendapat tempat kembali yang lebih baik daripada kebun-kebun itu.”

(Al Kahfi: 36)

Bukanlah syiriknya itu yang membuatnya berdukacita serta menyesal.

يَلِيَّتَنِي لَمْ أَشْرِكْ بِرَبِّي أَحَدًا ﴿٤٢﴾

“Alangkah baiknya kalau aku tidak sekutukan sesuatupun dengan Tuhanku.”

(Al Kahfi: 42)

Apa yang jelas di sini, bahawa dia mensyirikkan Allah dengan sebab musabab, yang mana ia yakin benar bahawa sebab musabablah yang menentukan dan memberikan kesan pada sesuatu. Ia percaya, kerana sebab musabab jugalah ia berjaya mendapat kelebihan, kesenangan, harta warisan dan keuntungan dari harta bendanya. Ia semata-mata bergantung pada sebab musabab tadi dan melupakan Allah. Ia tidak percaya bahawa sesuatu kesan itu datangnya dari Allah, dan Allahlah yang mentadbirkannya.

BENTUK KEBERHALAAN MASA KINI.

Inilah dia syirik yang dibawa oleh tamaddun kebendaan masa kini. Tamaddun ini menjadikan sebab-sebab tabii, kebendaan, kesenian, orang-orang yang pakar dalam bidang-bidang tersebut yang kita namakan sebagai “pakar”, sebagai tuhan-tuhan dan penolong selain dari Allah. Manusia zaman ini meletakkan kehidupan mereka di bawah arahan pakar-pakar tadi. Mereka yakin bahawa di tangan pakar-pakar itulah terletak kehidupan, kematian, kebahagiaan dan kesengsaraan. Sebenarnya pengabdian kepada sebab musabab, kebendaan, kekuatan alam, penyembahan kepada tabii, bergantung penuh kepada pakar dan menjadikan mereka sebagai tuhan-tuhan selain dari Allah. Semuanya telah menjadi berhala yang berbentuk moden, selain daripada berhala yang berbentuk lama yang masih lagi ada kesan-kesan dan penolongnya, serta penyeru-penyeru dan pengikutnya. Ia adalah sejenis syirik yang sentiasa bertarung dengan keimanan dan pengabdian diri kepada Allah. Berhala-berhala moden inilah yang dicabar, diperangi dan dibenteras oleh surah al-Kahfi ini.

Al-Qur’an membandingkan kehidupan dunia ini seperti tanaman yang lambat laun akan menjadi binasa. Firman Allah

وَاضْرِبْ لَهُمْ مَثَلَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَا أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ فَأَصْبَحَ هَشِيمًا تَذْرُوهُ الرِّيْحُ وَكَانَ اللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ مُّقْتَدِرًا ۝

“Dan kemukakanlah kepada mereka misal perbandingan; kehidupan dunia ini samalah seperti air yang kami turunkan dari langit, lalu bercampur baurulah tanaman di bumi antara satu sama lain (dan kembang suburulah ia) disebabkan air itu, kemudian menjadilah ia kering hancur ditiup angin; dan(ingatlah) adalah Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”

(Al Kahfi: 45)

Inilah dia gambaran al-Qur’an terhadap kehidupan yang singkat yang akan binasa. Terdapat banyak ayat yang menyatakan mengenai perkara ini. Di dalam surah Yunus dinyatakan:

إِنَّمَا مَثَلُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَا أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ مِمَّا يَأْكُلُ النَّاسُ وَالْأَنْعَامُ

حَتَّىٰ إِذَا أَخَذَتِ الْأَرْضُ زُخْرُفَهَا وَازَّيَّنَتْ وَظَنَّ أَهْلُهَا
 أَنَّهُمْ قَدِرُونَ عَلَيْهَا أَنهَاءَ أَمْرُنَا لَيْلًا أَوْ نَهَارًا فَجَعَلْنَاهَا
 حَصِيدًا كَأَن لَّمْ تَغْنَبِ بِالْأَمْسِ كَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ
 لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢٤﴾

“*Sesungguhnya bandingan kehidupan dunia hanyalah seperti air hujan yang kami turunkan dari langit, lalu (tumbuhlah dengan subur) tanaman-tanaman di bumi dari jenis-jenis yang dimakan oleh manusia dan binatang — bercampur baur dan berpautan (pokok-pokok dan pohonnya) dengan sebab air itu, hingga apabila bumi itu lengkap sempurna dengan keindahannya dan berhias (dengan bunga-bunga yang berwarna-warni) dan penduduknya pun menyangka bahawa mereka dapat berbagai-bagai tanaman serta menguasainya (mengambil hasilnya) datanglah perintah kami menimpakannya dengan bencana pada waktu malam atau pada siang hari, lalu kami jadikan dia hancur-lebur, seolah-olah ia tidak ada sebelum ini. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatuan bagi kaum yang mahu berfikir (dan mengambil i'tibar daripadanya).*” (Yunus: 24)

Begitulah al-Qur'an menggambarkan kehidupan golongan yang berfahaman kebendaan, yang mana mereka yakin ianya adalah kekal. Fahaman mereka sama dengan fahaman golongan (*الْمُنْمِقُونَ*) iaitu golongan yang mencari manafaat. Begitu juga dengan golongan mazhab (*الْإِبْتِرِيُونَ*). Kesamaannya ialah dari segi pengabdian kepada kebendaan itu sendiri. Mereka berpan-dangan singkat, dan berpegang pada kepalsuan ukuran kehidupan tadi. Termasuk juga dalam kategori golongan ini ialah golongan yang mengabdikan diri kepada sebab musabab, perkara zahir semata-mata dan mereka yang sering memuliakannya atau meletakkan segala harapan dan kelebihan pada kehidupan duniawi ini berbanding dengan ukuran keimanan.

Firman Allah:

الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَالْبَاقِيَاتُ
 الصَّالِحَاتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمْلًا ﴿٣٧﴾

“Harta benda dan anak-pinak itu adalah perhiasan hidup di dunia, dan amal-amal salih yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.”

(Al Kahfi: 46)

KEHIDUPAN DUNIAWI MENURUT PANDANGAN AL-QUR'AN

Marilah kita berhenti dan merenung sejenak di sini. Samasalah kita bertanya pada diri kita sendiri. Apakah pandangan Islam terhadap kehidupan duniawi ini? Elok rasanya kita bentangkan isi kandungan al-Qur'an yang bersangkutan paut dengan tajuk ini dan kita gunakannya sebagai panduan. Sebenarnya pemikiran dan pandangan kaum Muslimin terhadap kehidupan duniawi, nilai dan kedudukannya masih lagi bercelaru. Begitu juga dengan kata-kata dan anggapan para pengkaji.

Sesungguhnya al-Qur'an telah menegaskan dengan terang, nyata dan tepat bahawa kehidupan duniawi ini amatlah singkat, rendah dan kerdil jika dibandingkan dengan kehidupan akhirat. Contohnya dalam ayat yang berikut:

مَتَاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا فِي الْآخِرَةِ إِلَّا قَلِيلٌ ﴿٣٨﴾

“Kesenangan hidup di dunia ini hanya sedikit jua berbanding dengan (kesenangan hidup) di akhirat kelak.”

(At Taubah: 38)

Allah berfirman lagi di dalam al-Qur'an:

وَمَا هَذِهِ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَهُوٌّ لَعِبٌ وَإِنَّ الدَّارَ الْآخِرَةَ
لَهِيَ الْحَيَوَانُ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿٦٤﴾

“Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini (meliputi segala kesenangan dan kemewahannya, jika dinilai dengan kehidupan akhirat) tidak lain hanyalah ibarat hiburan dan permainan; dan sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenarnya; kalaulah mereka mengetahui.”

(Al Ankabut: 64)

Firman Allah lagi:

اعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَلَهُوٌّ وَزِينَةٌ وَتَفَاخُرٌ بَيْنَكُمْ

وَتَكَشَّرُ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ كَمَثَلِ غَيْثِ الْكُفَّارِ نَبَاتُهُ
 ثُمَّ يَهْبِجُ فَتَرَاهُ مُصْفَرًّا ثُمَّ يَكُونُ حُطَامًا وَفِي الْآخِرَةِ
 عَذَابٌ شَدِيدٌ وَمَغْفِرَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَرِضْوَانٌ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا
 إِلَّا مَتَاعٌ الْعُرُورِ ۝

“Ketahuilah bahawa (yang dikatakan) kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah (bahawa hidup yang berupa semata-mata) permainan dan hiburan (yang melalaikan) serta perhiasan (yang mengurangkan), juga (bawaan hidup yang bertujuan) bermegah-megah di antara kamu (dengan kelebihan, kekuatan dan bangsa keturunan) serta berlumba-lumba membanyakkan harta benda dan anak pinak; (semuanya itu terhad waktunya) samalah seperti hujan yang (menumbuhkan tanaman yang menghijau subur) menjadikan penanamnya suka dan tertarik hati kepada kesuburannya, kemudian tanaman itu bergerak segar (kesatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihat berupa kuning; akhirnya ia menjadi hancur bersepai, dan (hendaklah diketahui lagi bahawa di akhirat ada azab yang berat (disediakan bagi golongan yang hanya mengutamakan kehidupan duniawi), dan (ada pula) keampunan besar serta keredhaan dari Allah (disediakan bagi orang-orang yang mengutamakan akhirat). Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya.”

(Al Hadid: 20)

Al-Qur'an juga dengan terang dan nyata memperakukan bahawa dunia adalah jambatan untuk ke akhirat dan peluang untuk beramal.

Firman Allah:

إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى الْأَرْضِ زِينَةً لِّهَا لِنَبْلُوَهُمْ أَيُّهُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۝

“Sesungguhnya Kami telah jadikan apa yang ada di muka bumi sebagai perhiasan baginya, kerana Kami hendak menguji mereka, siapakah di antara mereka yang lebih baik amalannya.”

(Al Kahfi: 7)

Firman Allah lagi:

إِنَّمَا خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ

عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿٢٠﴾

“Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) — untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu; siapakah di antara kamu yang lebih baik amalannya; dan Ia Maha Kuasa (membalas amal kamu) lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat).”

(Al Mulq: 2)

Al-Qur’an menegaskan bahwa kehidupan akhirat itu adalah jauh lebih baik dan kekal.

Firman Allah:

وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَعِبٌ وَلَهُمْ وَلِلَّذِينَ آتَى الْأُخْرَةَ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ
يَتَّقُونَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٣٢﴾

“Dan tidak (dinamakan) kehidupan dunia melainkan permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan, dan demi sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa. Oleh itu tidakkah kamu mahu berfikir?”

(Al-An’am: 32)

Firman Allah lagi:

وَمَا أَوْتَيْتُمْ مِّنْ شَيْءٍ فَمَتَاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَزِينَتِهَا وَمَا
عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ وَأَبْقَى أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٦٠﴾

“Dan apa juga (mata benda dan lain-lainnya) yang diberikan kepada kamu, maka adalah ia merupakan kesenangan hidup di dunia dan perhiasannya; dalam pada itu, apa juga yang ada di sisi Allah (yang disediakan untuk orang-orang yang beriman dan taat) adalah ia lebih baik dan lebih kekal; maka mengapa kamu tidak mahu memahaminya.”

(Al Qasas: 60)

Jadi al-Qur’an mengeji dan menghina mereka yang mementingkan dunia yang jelas menampakkan kebinasaannya serta kekurangannya, berbanding dengan akhirat yang kekal abadi, luas, bersih dari segala kekotoran dan tidak ada mara bahaya. Seterusnya al-Qur’an menyebut:

إِنَّ الَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَاءَنَا وَرَضُوا بِالْحَيَاةِ الدُّنْيَا
وَاطْمَأَنَّنُوا بِهَا وَالَّذِينَ هُمْ عَنْ آيَاتِنَا غَفْلُونَ ①
وَأُولَئِكَ مَا لَهُمْ مِنَ النَّارِ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ②

“*Sesungguhnya orang-orang yang tidak menaruh ingatan akan menemui Kami (pada hari akhirat untuk menerima balasan), dan yang redha (berpuas hati) dengan kehidupan dunia semata-mata serta merasa tenang tenteram dengannya, dan orang-orang yang tidak mengindahkan ayat-ayat (keterangan dan tanda-tanda kekuasaan) Kami, — mereka yang demikian keadaannya (di dunia) tempat kediaman mereka (di akhirat) ialah neraka; disebabkan keingkaran dan kedurhakaan yang mereka telah lakukan.*”

(Yunus: 7 & 8)

Firman Allah selanjutnya:

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَزِينَتَهَا نُوَفِّ إِلَيْهِمْ أَعْمَالَهُمْ
فِيهَا وَهُمْ فِيهَا لَا يَبْخَسُونَ ③
أُولَئِكَ الَّذِينَ لَيْسَ لَهُمْ
فِي الْآخِرَةِ إِلَّا النَّارُ وَحَبِطَ مَا صَنَعُوا فِيهَا وَبِطُلُ مَا كَانُوا
يَعْمَلُونَ ④

“*Siapa yang keadaan usahanya semata-mata berkehendakkan kehidupan dunia dan perhiasannya (dengan tidak disaksikan sama oleh al-Qur’an tentang sah batalnya) maka Kami akan sempurnakan hasil usaha mereka di dunia, dan mereka tidak dikurangkan sedikit pun padanya. Merekalah orang-orang yang tidak ada baginya pada hari akhirat kelak selain daripada azab neraka, dan pada hari itu gugurlah apa yang mereka lakukan di dunia, dan batallah apa yang mereka telah kerjakan.*”

(Hud: 15 & 16)

Firman Allah:

وَوَيْلٌ لِّلْكَافِرِينَ مِنْ عَذَابٍ شَدِيدٍ ⑤
الَّذِينَ لَيْسَتْ لَهُمْ
الْحَيَاةُ الدُّنْيَا عَلَى الْآخِرَةِ وَيَصُدُّونَ عَنِ

سَبِيلِ اللَّهِ وَيَبْغُونَهَا عِوَجًا أُولَئِكَ فِي ضَلَالٍ بَعِيدٍ

“Dan kecelakaan besar bagi orang-orang yang kufur ingkar (terhadap al-Qur’an) dari azab yang amat berat (yang akan menimpa mereka kelak). Orang-orang yang mengutamakan dunia lebih daripada akhirat, dan menghalangi manusia dari jalan ugama Allah, serta menghendaki jalan itu menjadi bengkok terpesong, mereka itulah orang-orang yang terjerumus ke dalam kesesatan yang jauh terpesongnya.”

(Ibrahim: 2 & 3)

Firman Allah:

يَعْلَمُونَ ظَاهِرًا مِّنَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ عَنِ
الْآخِرَةِ هُمْ غَفْلُونَ ﴿٥٠﴾

“Mereka hanya mengetahui perkara yang zahir nyata dari kehidupan dunia sahaja, dan mereka tidak pernah ingat hendak mengambil tahu tentang hari akhirat.”

(Al Rum: 7)

فَاعْرِضْ عَنْ مَّن تَوَلَّىٰ عَنْ ذِكْرِنَا وَلَمْ يُرِدْ إِلَّا الْحَيَاةَ
الدُّنْيَا ۗ ذَٰلِكَ مَبْلَغُهُمْ مِّنَ الْعِلْمِ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن
ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِمَن اهْتَدَىٰ ﴿٥١﴾

“Oleh itu, janganlah engkau (wahai Muhammad) hiraukan orang yang berpaling dari pengajaran Kami, dan tidak mahu melainkan kehidupan dunia semata-mata. (Kepentingan dunia) itulah sahaja tujuan terakhir dari pengetahuan yang dicapai oleh mereka. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah juga yang telah mengetahui akan orang yang mendapat hidayah pertunjuk.”

(An-Najm: 29 & 30)

Dalam ayat yang lain pula:

إِنَّ هَٰؤُلَاءِ يُحِبُّونَ الْعَاجِلَةَ وَيَذَرُونَ وَرَاءَهُمْ يَوْمًا ثَقِيلًا ﴿٥٢﴾

“Sesungguhnya orang-orang (yang mengetahuimu) itu sentiasa mencintai (kesenangan dan kemewahan dunia) yang cepat habisnya,

serta mereka membelakangkan (tidak menghiraukan bekalan) untuk hari akhirat yang amat berat (penderitaannya).”

(Al Insan: 27)

Firman Allah:

فَأَمَّا مَنْ طَغَى ﴿٢٧﴾ وَاشْتَرَى الْحَيَاةَ الدُّنْيَا ﴿٢٨﴾ فَإِنَّ الْجَحِيمَ هِيَ الْمَأْوَى ﴿٢٩﴾

“Maka (dapatlah masing-masing mengetahui kesudahannya); adapun orang-orang yang melampau (perbuatan durhakanya) serta ia mengutamakan kehidupan dunia semata-mata, maka sesungguhnya neraka Jahannamlah tempat kediamannya.”

(An Nazi'at: 37—39)

Al-Qur'an menyanjung orang yang mengumpulkan antara dunia dan akhirat serta mengutamakan pihak akhirat dari pihak dunia, dan juga mengetahui nilai serta kelebihanannya. Ia bersikap tamakkan akhirat.” Firman Allah:

فَمِنَ النَّاسِ مَن يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِن خَلْقٍ ﴿٢٠﴾ وَمِنْهُمْ مَّن يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾

“Dalam pada itu, ada di antara manusia yang (berdoa dengan) berkata: ‘Wahai Tuhan kami, berilah kami (kebaikan) di dunia’, (Orang-orang ini diberikan kebaikan dunia) dan tidak ada baginya sedikit pun kebaikan di akhirat. Dan di antara mereka ada pula yang (berdoa dengan) berkata: ‘Wahai Tuhan kami berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka.’”

(Al Baqarah: 200 & 201)

Melalui ucapan Nabi Musa alaihis salam, Allah menjelaskan:

وَكَتُبْ لَنَا فِي هَذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ إِنَّكَ هُدُنَا إِلَيْكَ

“Dan tetapkanlah untuk kami kebaikan dalam dunia ini dan

juga di akhirat, sesungguhnya kami kembali (bertaubat) kepadamu.”
(Al A'raf: 156)

Allah memuji kekasihnya Nabi Ibrahim alaihis salam dengan firmanNya:

وَأَتَيْنَاهُ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَآتَاهُ فِي الْآخِرَةِ لَمِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٢٠﴾

“Dan Kami telah memberikan kepadanya kebaikan di dunia dan sesungguhnya ia pada hari akhirat dari orang-orang yang salih.”
(An Nahlu: 122)

ANTARA AGAMA-AGAMA LANGIT DENGAN FALSAFAH KEBENDAAN.

Agama-agama langit, ajaran nabi-nabi ataupun yang dikenali juga sebagai madrasah nubuwah adalah bertentangan dengan falsafah serta pemikiran kebendaan yang sentiasa mencanangkan bahawa hidup ini adalah segala-galanya dan hidup adalah matlamat manusia. Falsafah kebendaan terlalu memuliakan, mengagongkan, menyambut, dan tamakkan kehidupan duniawi. Ia sentiasa berusaha untuk mengisi, mengindah dan menghiasi lagi kehidupan dunia ini.

Sebenarnya sikap dan pandangan al-Qur'an terhadap kehidupan ini adalah amat jelas melalui kata-kata Rasulullah s.a.w.. Baginda banyak bersabda mengenai perkara ini. Antaranya ialah sabda Baginda:

اللَّهُمَّ لَا عَيْشَ إِلَّا عَيْشُ الْآخِرَةِ

“Ya Allah tidak ada kehidupan melainkan kehidupan akhirat.”

Hadis riwayat Bukhari dalam kitab al-Riqaq.

Baginda berdoa':

اللَّهُمَّ اجْعَلْ رِزْقَ آلِ مُحَمَّدٍ قُوتًا - وَفِي الرِّوَايَةِ -
كَنَانًا

“Ya Allah, jadikanlah rezeki keluarga Muhammad ini hanya sekadar cukup makan sahaja.”

Hadis riwayat Muslim dalam tajuk zuhud.

Diriwayatkan daripada al-Mustaurad bin Syadad katanya: Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

وَاللَّهِ مَا الدُّنْيَا فِي الْآخِرَةِ إِلَّا مِثْلُ مَا يَجْعَلُ
أَحَدُكُمْ أَصْبَعَهُ فِي الْيَمِّ فَلْيَنْظُرْ بِمِ يَرْجِعُ

“Demi Allah, bandingan kehidupan dunia ini dengan kehidupan akhirat cumalah seperti air yang lekat di jari seseorang kamu yang telah mencelupkan tangannya ke dalam lautan.”

Hadis riwayat Muslim.

Sesungguhnya kehidupan Baginda yang tenteram itu adalah merupakan cermin yang membayangkan akidah dan sikap tadi. Ibnu Mas'ud menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w. tidur di atas tikar dan ada tanda-tanda (bekas-bekas) di badan Baginda. Ibnu Mas'ud pun berkata: ‘Wahai Rasulullah, alangkah baiknya engkau menyuruh kami membentangkan untuk engkau, dan kami membuat sesuatu untuk engkau. Rasulullah pun bersabda:

مَا بِيْ وَلِلدُّنْيَا وَمَا أَنَا وَالِدُنْيَا إِلَّا كَرَاكِبٍ
اسْتَضَلَّ تَحْتَ شَجَرَةٍ ثُمَّ رَاحَ وَتَرَكَهَا

“Apalah yang boleh aku lakukan dengan dunia ini. Bandingan aku dengan dunia ini cumalah laksana seorang pengembara yang bernaung sebentar di bawah sepohon pokok, setelah itu ia meninggalkan pokok itu untuk meneruskan semula perjalanan.”

Hadis riwayat Ahmad, Tirmizi dan Ibnu Majah.

Di dalam sebuah hadis, Umar bin al-Khattab telah meriwayatkan dengan katanya:

فَدَخَلْتُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
فَإِذَا هُوَ مُصْطَلِحٌ عَلَى رِمَالِ حَصِيرٍ لَيْسَ بَيْنَهُ
وَبَيْنَهُ فِرَاشٌ قَدْ أَثَرَ الرِّمَالُ بَجَنِّهِ ، مُتَّكِنًا عَلَى
وَسَادَةٍ مِنْ أَدْمٍ حُسُوهَا لَيْفٌ فَسَمِعْتُ عَلَيْهِ ...

(إِلَى أَنْ قَالَ) ... فَرَفَعْتُ بَصَرِي فِي بَيْتِهِ تَوَالِّهِ
 مَا رَأَيْتُ فِيهِ شَيْئًا يَرَادُ الْبَصَرَ غَيْرَ أَهْبَةِ تَلَاثَةٍ
 فَقُلْتُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، أَدْعُ اللَّهَ فَلْيُوسِّعْ عَلَيَّ أُمَّتِكَ
 فَإِنَّ فَارِسًا وَالرُّومَ قَدْ وَسَّعَ لَكُمْ وَأَعْطَاوُا الدُّنْيَا
 وَهُمْ لَا يَعْبُدُونَ اللَّهَ ، فَجَلَسَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
 وَسَلَّمَ وَكَانَ مَثْرِكًا ، فَقَالَ : أَوْفِي هَذَا أَنْتَ
 يَا ابْنَ الْخَطَّابِ ؟ إِنَّ أَوْلِيكَ قَوْمٌ عَجَلُوا طِيْبَاتِهِمْ
 فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا

“Suatu ketika saya telah masuk menemui Rasulullah s.a.w. yang sedang berbaring di atas pasir. Baginda tidak menggunakan sebarang alas bagi mengalaskan antara tubuhnya dengan pasir. Kesan-kesan pasir kelihatan jelas di bahagian rusuknya. Baginda duduk di atas bantal dari kulit, yang diisi dengan daun tamar. Aku pun memberi salam pada baginda..... (sehingga katanya)... Lalu aku melihat di rumah Baginda. Demi Allah aku tidak melihat ataupun melainkan tiga keping kulit. Aku pun berkata: ‘Wahai Rasulullah, berdoa’lah kepada Allah agar diberikan kelapangan pada umatmu ini. Sesungguhnya orang-orang Parsi dan Rome telah dilampirkan kepada mereka, dan dunia diberikan kepada mereka, sedangkan mereka tidak menyembah Allah pun.”

Baginda pun bingkas bangun lalu duduk dan bersabda:

“Hai Ibnul Khattab, Adakah kamu juga berfikiran begitu?”

Mereka adalah kaum yang telah mengecap habuan kebaikan mereka semasa di dunia ini sahaja.

Hadis riwayat Bukhari, jilid ke 2 bab nikah.

SIRAH HIDUP PARA SAHABAT RASULULLAH S.A.W.

Fikrah mengharapkan akhirat telah meresapi dan menguasai hati setiap orang sahabat yang pernah menerima tarbiah dan bimbingan dari Rasulullah s.a.w.. Fikrah tersebut telah sehati dengan roh dan darah daging mereka. Ia bergelora di dalam diri serta jiwa mereka.

Oleh itu mereka tidak dapat melupakan akhirat, dan mereka tidak mungkin menggantikannya dengan yang lain. Tidak ada suatu perkara pun yang dapat mempengaruhi mereka lagi.

Kalau anda ingin mengetahui roh yang telah menawan para pelajar madrasah Rasulullah s.a.w. ini cukuplah dengan anda membaca sifat Ali bin Abi Talib. Ia adalah satu gambaran yang menderitakan model insan yang telah mendapat tarbiah dari madrasah tersebut. Beliau telah dididik dan dibesarkan dalam pangkuan Rasulullah s.a.w..

Abu Saleh telah meriwayatkan dengan katanya:

“Muawiyah bin Abu Sufyan telah mengatakan kepada Dharar ibnu Dhamurah.: Tolong gambarkan mengenai Ali kepadaku.

Dharar berkata: Maafkanlah saya, saya tidak mahu menceritakannya.

Muawiah berkata: Tidak! Aku mahu kamu menceritakannya juga.

Dharar berkata: Maafkanlah!, Saya tidak mahu menceritakannya.

Muawiah berkata: Tidak! Aku tidak mahu memaafkan kamu.

Dharar berkata: Jika sudah terpaksa beginilah:

Demi Allah sesungguhnya Ali adalah seorang yang berpan-dangan jauh, sangat gagah, bercakap benar dan menghukum dengan adil. Ilmu pengetahuannya terpancar di segenap tubuhnya. Dalam semua segi, ia bercakap dengan penuh bijaksana. Ia menjauhkan diri daripada dunia dan keindahannya. Ia berjinak-jinak di waktu malam yang gelap gelita. Demi Allah dia amat banyak menangis dan berfikir. Ia sering melihat keaiban dirinya sendiri. Ia terlalu gemar memakai pakaian dan memakan makanan yang kasar-kasar. Demi Allah sesungguhnya dia sama juga dengan kita, menjawab jika kita bertanya, dan bila kita bertemu dengannya dialah yang lebih dahulu menegur. Ia akan datang kalau kita menjemputnya.

Demi Allah, meskipun dia amat rapat dan dekat dengan kami, tetapi ia amatlah hebat hingga tidak terkata. Kami tidak berani memotong cakupannya. Kalau ia tersenyum kelihatan laksana permata yang terkarang. Ia menghormati ahli-ahli agama dan mengasihi orang-orang miskin. Orang yang kuat tidak mungkin dapat memesongkannya ke arah kebatilan, manakala orang yang lemah pula sentiasa diberikannya keadilan.

Saya bersaksi dengan nama Allah bahawa saya pernah melihat sebahagian dari sikapnya. Bila hari sudah jauh malam, ia duduk di tempat ibadahnya (mehrab). Sambil memegang janggutnya, dan

berkeadaan gelisah seperti gelisahnya orang yang sihat, serta berkeadaan menangis laksana orang yang sedih, maka ketika itu saya seolah-olah mendengar beliau berkata:

“ ‘Oh dunia, adakah padaku kau pamer dan tunjukkan diri. Jauh, jauh sekali, kau godalah orang lain dariku. Aku sudah ceraikan kau dengan talak tiga, aku tidak akan rujuk padamu lagi. Umurmu terlalu singkat, hidupmu terlalu hina dan bahaya yang kau timbulkan adalah terlalu besar. Oh alangkah sedikitnya bekalanku, betapa jauhnya perjalananku dan betapa sukarnya jalan yang aku lalui.’ ”

Anda lihatlah pula contoh yang kedua iaitu satu khutbah yang telah disampaikan oleh seorang sahabat Rasulullah s.a.w. yang menjadi amir di salah sebuah bandar besar dalam negara Islam.

Dari Khalid ibnu Umair al-Udwi katanya: Utbah ibnu Ghazwan yang menjadi gabnor Basrah telah menyampaikan khutbah kepada kami. Setelah memuji dan memuja Allah, ia pun berkata:

“Sesungguhnya dunia ini hampir berakhir, ia terlalu pantas untuk terputus. Yang tinggal padanya cumalah beberapa titik air minuman yang ada di dasar cawan yang akan dituangkan oleh tuannya. Sesungguhnya kamu akan berpindah daripada dunia ini ke negeri yang kekal abadi. Jadi berpindahlah kamu ke sana dengan kelengkapan amal kebajikan. Sesungguhnya kami telah diberitahu bahawa seketul batu yang dicampakkan dari tebing neraka jahannam itu cuma akan sampai ke dasarnya setelah masa berlalu selama tujuh puluh tahun. Demi Allah neraka Jahannam itu pasti akan dipenuhi dengan orang yang melakukan maksiat. Apakah kamu meragunya?

Sesungguhnya kami telah diberitahu bahawa di antara dua ambang pintu syurga yang banyak itu, lebarnya ialah perjalanan selama empat puluh tahun, namun begitu suatu hari nanti ia pasti penuh sesak juga.

Saya masih ingat pada hari-hari saya bersama Rasulullah s.a.w.. Kami tidak ada makanan langsung kecuali daun-daun kayu. Kami terpaksa memakannya sehingga mulut kami luka. Saya mendapat sehelai kain lalu mengoyaknya menjadi dua. Satu untuk saya dan yang satu lagi untuk Said bin Malik. Saya pun memakai kain yang setengah itu, dan Said pula memakai yang setengah lagi.

Pada hari ini kami masing-masing telah menjadi gabnor di sesebuah kota tertentu. Namun begitu, saya memohon perlindungan dengan Allah daripada memandang diri saya ini besar, pada hal di sisi Allah adalah terlalu kecil.”

BEBERAPA ALIRAN PEMIKIRAN DAN DAKWAH YANG LAHIR DARIPADA AKIDAH AKHIRAT.

Aliran-aliran pemikiran dan ide-ide dakwah yang tidak dipenuhi dengan roh keimanan atau tidak menerima tarbiah dan pimpinan dari madrasah Rasulullah s.a.w., tidak akan mampu untuk memahami dengan sebenarnya akidah mengenai hari akhirat dan kehidupan selepas mati. Ia tidak mungkin akan menurut dan berpuas hati mengenainya, sebaliknya ia sentiasa akan bertarung dan merasa tidak senang dengan akidah tauhid tersebut. Ia akan berusaha sedaya upaya untuk lari dan mencacatkannya dengan mengatakan bahawa akidah keimanan itu cumalah sesuai untuk masa, masyarakat, suasana dan sebab-sebab yang tertentu sahaja.

Namun begitu, seperkara yang mudah difahami bahawa al-Qur’an, sirah Rasulullah dan hadisnya adalah dipenuhi dengan roh akidah akhirat. Ia adalah merupakan unsur-unsur Islam ataupun nilai keislaman yang terbentuk kesan daripada tarbiah Islamiah yang dibuat oleh Rasulullah s.a.w.. Selagi al-Qur’an dan sirah nabawiyah mampu berfungsi secara bebas untuk membentuk jenerasi khusus yang berakhlak dengan akhlak Islam yang baru, yang mana ia tidak langsung disaingi dengan unsur-unsur luaran, maka begitulah unsur, tabiat dan nilai Islam. Unsur, tabiat dan nilai yang bersifat zuhud di dunia dan zuhud terhadap kepalsuan serta kelebihan duniawi, merasa puas hati dengan sekadar cukup makan sahaja, mementingkan akhirat dan perkara yang berguna sesudah mati kelak, rindu untuk menemui Allah, mengutamakan apa yang ada di sisi Allah daripada yang ada dalam kehidupan duniawi ini, sedia menyambut kematian dengan keimanan dan perjuangan fi sabilillah.

Dari bibir seorang mu’min lahir kata-kata hikmat yang pernah diucapkan oleh seorang sahabat iaitu Saidina Bilal bin Rabbah radhiallahu anhu. Katanya yang bermaksud:

“Besok aku akan bertemu dengan para kekasih dan rakanku, iaitu Muhammad s.a.w. dan para sahabatnya.”

(Imam Ghazali dalam kitab *Ihya’* dari Ibnu Abi Dunia)

PERBEZAAN DI ANTARA MANHAJ DA'WAH NABAWIAH DENGAN DA'WAH GERAKAN PEMULIHAN MORAL.

Dengan beberapa da'wah Islamiah yang mengajak agar mengimani hari akhirat itu pun kadang-kadang sudah cukup untuk melakukan gerakan pemulihan akhlak. Penghuraianya yang mendalam dan baik juga kadang-kadang memberikan faedah yang tidak ternilai dalam melahirkan kehidupan masyarakat yang stabil dan bermoral tinggi. Namun begitu, seorang pembaca yang bijak tentunya dapat melihat dengan jelas bahawa falsafah keimanan kepada hari akhirat itu hanyalah digunakan oleh pendokong gerakan pemulihan moral sebagai alat yang perlu dalam membentuk moral dan memulihkan semula akhlak yang rosak.

Tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat yang baik dan teratur tidak mungkin terbentuk tanpa meresapkan konsep keimanan kepada hari akhirat, apatah lagi untuk melahirkan masyarakat Islam. Meskipun usaha yang dilakukan oleh pendokong gerakan pemulihan moral itu patut dikagumi, tetapi kaedah yang mereka kemukakan itu amatlah berlainan dengan manhaj atau kaedah para anbia, sirah mereka serta khalifah mereka.

Perbezaan antara kedua-dua manhaj tersebut ialah:

Manhaj yang pertama iaitu manhaj para anbia' adalah ber-sumber daripada keimanan dan keinsafan, perasaan akidah yang menjadikan manusia itu menguasai seluruh perasaannya, pemikiran dan tindak-tanduknya.

Manhaj yang kedua pula iaitu manhaj pemulihan moral adalah bersumber daripada pengakuan, pengiktirafan dan undang-undang yang termaktub.

Sebab itulah kita dapati bahawa orang-orang dahulu bercakap mengenai akhirat dengan begitu berselera sekali. Mereka menyeru kepada akhirat dengan penuh semangat dan kekuatan. Sebaliknya pula, golongan yang lain, iaitu pendokong gerakan memilih moral cumalah membicarakan mengenai akhirat sekadar untuk memenuhi tuntutan akhlak ataupun keperluan sosial sahaja. Ringkasnya pembicaraan tersebut dibuat cumalah kerana motif memulihkan moral dan pembentukan akhlak mulia sahaja. Alangkah jauhnya perbezaan antara keinsafan serta perasaan iman yang tulus dengan ketundukan kepada lojik serta kepentingan masyarakat.

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMBAWA PADA KEKUATAN DAN KEBERANIAN

Keimanan yang mendalam dan kuat terhadap hari akhirat, mengutamakan ukhrawi daripada duniawi dan juga zuhud terhadap kepalsuan dan kelebihan hidup ini, sebenarnya tidaklah membawa seseorang yang beriman tadi menjauhkan diri (uzlah) daripada memimpin dunia, memandu manusia dan menyisihkan diri daripada kehidupan ini. Ia juga tidaklah membuatkan seseorang itu menolak terus sumber kehidupan dan berpeluk tubuh daripada memperjuangkan kebenaran serta kebaikan. Ia juga bukannya menjadi sebab kelemahan dan menyerah kalah, sebagaimana yang sering dilihat dalam beberapa kurun kebelakangan ini.

Sebaliknya ia adalah salah satu daripada faktor yang memberikan kekuatan dan keberanian. Ia menentang kuasa-kuasa jahat, bahkan ia menjadi faktor utama timbulnya perasaan berani, kuat dan seterusnya memberikan kemenangan. Sesungguhnya golongan yang benar-benar mengimani hari akhirat ini adalah merupakan orang yang paling berani sekali, cergas memperjuangkan kebenaran, paling ramai turut serta berjihad dan membuka negara Islam, paling zuhud dengan kehidupan duniawi, paling tamakkan akhirat, paling kuat mengimaninya dan paling rindu untuk menemui Allah serta mati syahid fi sabilillah.

Itulah dia tabiat akidah ini, iaitu membangkitkan rasa berani, tidak takut mati, tampil ke depan, memandang rendah kehidupan duniawi ini, dan menguasai syahawat orang yang mengimaninya. Tidak syak lagi bahawa Islam berpegang pada akidah ini dalam penyebaran, kemenangan dan penaklukannya.


TIDAK ADA PERKAITAN LANGSUNG DI ANTARA KEIMANAN KEPADA HARI AKHIRAT DENGAN AMALAN KEPADRIAN.

Keimanan kepada hari akhirat dan juga pandangan al-Qur'an terhadap kehidupan duniawi, sebagaimana yang telah dijelaskan, tidak ada kaitan langsung dengan amalan kepadrian laknat yang amat ditentang oleh al-Qur'an itu. Islam tidak mempercayai amalan kepadrian tersebut. Ia lahir ke dunia Islam setelah lemahnya ajaran Islam dan setelah berlalunya beberapa kurun keemasan Islam. Kelahirannya adalah berpunca daripada pengaruh serta falsafah asing seperti Kristian, Buddha, Brahmin serta falsafah baru Plato.

Keimanan kepada hari akhirat adalah berdasarkan kepada mengutamakan akhirat daripada dunia, tetapi tidaklah pula mengeneipkan langsung keperluan hidup di dunia ini. Ia juga tidaklah bererti menolak langsung nilai dunia yang sebenarnya. Keimanan kepada hari akhirat juga diasaskan atas dasar berjuang untuk akhirat, berjuang di jalan kebenaran dan kebaikan, menguasai syahawat yang akan binasa demi untuk menuju ke arah yang kekal abadi serta mendapatkan keredhaan Ilahi. Tidak syak lagi bahawa kaum Muslimin tidak akan lemah kecualilah setelah aqidah kepada hari akhirat ini menjadi lemah.


Sebenarnya sebahagian daripada jenerasi hari ini yang telah menjadi mangsa hawa nafsu sendiri, mereka amatlah memerlukan pembaharuan akidah kepada hari akhirat, melebihi daripada orang lain. Akidah ini amatlah perlu disemaikan semula pada majoriti jenerasi tersebut. Umat Islam tidak akan memiliki pertimbangan yang betul, bahkan keimanan mereka tidak akan sempurna sehinggalah mereka memandang kehidupan duniawi ini dengan kacamata al-Qur'an. Memandang kehidupan duniawi ini dengan kacamata Islam memanglah menjadi suatu perkara yang ditolak oleh pemikiran kebendaan, bahkan ia ditentang oleh falsafah kebendaan yang mengabdikan diri kepada kehidupan duniawi. Selain dari itu falsafah kebendaan ini juga sentiasa mencintai kelazatan dan keseronokan hidup ini. Baginya cukuplah dengan kemewahan dan kelapangan hidup di dunia ini sahaja, manakala akhirat pula dikufurinya.

Surah al-Kahfi menjelaskan penolakan terhadap pemikiran kebendaan, akidah kebendaan serta pendokong-pendokongnya. Sebaliknya pula ia membentuk kehidupan duniawi ini menurut gambaran yang sebenarnya, meskipun majoriti orang ramai tidak menerimanya.



قصة موسى والخضر

KISAH NABI MUSA DENGAN KHAIDIR



KISAH NABI MUSA DENGAN KHAI DIR

Sekarang kita mulakan pula dengan kisah yang ketiga, iaitu kisah nabi Musa dengan Khaidhir. Kisah ini menjadi realiti kehidupan harian yang kita lalui. Ia adalah kisah yang sentiasa berlaku dalam alam raya yang kita diami ini. Ia juga adalah kisah yang benar-benar berlaku, jelas serta menarik. Sesungguhnya di sebalik maklumat dan pengetahuan yang tersingkap dalam dunia serta kehidupan ini, masih terdapat banyak perkara yang belum diketahui oleh manusia. Perkara yang tidak diketahui oleh manusia yang terbijak sekali pada masa itu adalah lebih banyak, jika dibandingkan dengan perkara yang diketahuinya. Seseorang itu sentiasa membuat keputusan berdasarkan apa yang dilihat dan dirasainya dengan pancaindera sahaja. Sebab itulah seseorang itu sering ter salah dan kecundang.

Kalaulah seseorang itu dapat menyingkap realiti hidup yang sebenarnya, rahsia-rahsia dan kesudahan sesuatu perkara itu, maka sudah tentulah berlaku perubahan yang jelas dalam keputusan yang diberikannya. Ia tentu membatalkan keputusan yang sudah dibuat. Jadi tentulah manusia tidak menaruh kepercayaan lagi pada keputusan, hukuman, kecenderungan dan tabiatnya sendiri. Manusia tidak mengetahui sepenuhnya mengenai alam yang luas ini. Jadi ia tidak boleh membuat keputusan dengan terburu-buru. Ia juga tidak boleh menurut fikiran sendiri sahaja dengan mengenyepikan fikiran orang lain. Kehidupan ini amatlah rumit dan kusut, manakala alam ini pula terbentang luas. Kerap benar berlaku perbezaan antara perkara zahir dengan batin, dan awal dengan akhir.

Sebenarnya banyak perkara yang tidak dapat difahami oleh manusia dalam kehidupan ini. Meskipun mereka amat cerdik, berilmu dan terlalu ingin tahu, tetapi mereka tidak mampu untuk menghuraikannya. Begitu juga, di dalam alam ini ada banyak kekusutan dan kerumitan yang tidak dapat disingkap oleh manusia, walau seluas dan setinggi mana sekalipun ilmu mereka. Oleh itu jelas bahawa dalam kehidupan kita seharian ini sentiasa dipenuhi dengan kesalahan-kesalahan besar, keputusan yang dibuat secara terburu-buru, langkah-langkah yang tidak bijak dan ide-ide yang dibuat secara spontan. Kalaulah pentadbiran alam yang luas ini diserahkan bulat-bulat pada manusia untuk ditadbirkan tentulah alam ini rosak binasa dibuatnya. Manusia pasti membinasakan tanaman dan

keturunan mereka, lantaran kesuntukan fikirannya dan juga usahanya yang terbatas. Memanglah manusia itu diciptakan dengan sifat terburu-buru, bergopah gapah dan berfikiran suntuk.

ANTARA NABI MUSA DENGAN KHAIDHIR.

Untuk menjelaskan betapa terhadnya pengetahuan manusia, yang mana ia menjadi asas agama dan keimanan pada perkara ghaib, maka Allah telah memilih Musa alaihis salam sebagai contoh. Beliau adalah merupakan seorang yang mempunyai peribadi paling agong ketika itu. Seorang yang telah dikurniakan dengan ilmu yang luas dan kebaikan yang amat banyak. Bahkan beliau adalah salah seorang daripada rasul yang mencapai darjat Ulul Azmi.

“Musa telah bangun berucap di hadapan Bani Israil. Beliau lalu disoal mengenai orang manakah yang paling alim sekali. Beliau pun mengatakan: “Sayalah”. Lalu Allah menegurnya, kerana ia belum lagi diberi ilmu. Allah mewahyukan padanya agar menemui seorang lelaki (hamba Allah) yang lebih alim darinya. Hamba Allah tersebut berada di pertemuan antara dua buah lautan.”

(Maksud hadis riwayat Bukhari jilid kedua bab tafsir.)

TINDAKAN-TINDAKAN YANG GANJIL

Musa pun memulakan pengembaraannya bersama dengan seorang lelaki yang dikurniakan Allah rahmat serta ilmu yang luar biasa dari sisiNya. Kita dapat saksikan bagaimana ilmu dan kefahaman yang ada pada Nabi Musa itu tidak selari dengan kehendak ilmu hakikat yang dimiliki oleh Khaidhir. Keputusan, pandangan dan arah tujuan yang dibuat oleh Nabi Musa menurut kehendak zahir itu sentiasa bertentangan dengan realiti sebenarnya yang tidak diketahui oleh Nabi Musa.

Pertentangan berlaku sebanyak tiga kali:

Pertama: Khaidhir bertindak menebuk sampan yang mereka naiki secara percuma yang diberikan oleh tuannya. Walaupun begitu, Khaidhir telah memberikan balasan yang sebaliknya sehingga pada pandangan zahir Musa tindakan tersebut tentunya akan menyebabkan penumpang-penumpang sampan tersebut yang berikutnya akan karam.

Kedua: Khaidhir bertindak membunuh seorang kanak-kanak yang berjiwa bersih, pada hal kanak-kanak tersebut tidak langsung melakukan kesalahan pada mereka berdua ataupun ibu bapanya.

Ketiga: Sebaliknya pula Khaidhir telah bertindak membetulkan semula dinding yang hampir runtuh tanpa meminta sebarang upah. Yang lebih menghairankan lagi, peristiwa ini berlaku di sebuah kampung di mana mereka berdua tidak mendapat layanan baik dari penduduk kampung tersebut, lagi pun penduduk kampung itu pun tidak menyedari bahawa mereka patut memberikan layanan kepada Musa dan Khaidhir.

Semua tindakan ganjil yang dilakukan oleh Khaidhir itu mem-buatkan Nabi Musa merasa pelik dan kagum. Bahkan menyebabkan Nabi Musa membantah dan bertanya beberapa kali. Sepatutnya mereka mestilah menyimpan dan menjaga sampan yang mereka naiki itu, bukannya merosakkannya. Mereka sepatutnya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada tuan punya sampan yang sudi berbuat baik pada mereka. Kanak-kanak yang berjiwa bersih itu sepatutnya disayangi dan dijaga, bukannya dibunuh. Kampung yang telah menimbulkan kegelisahan pada mereka berdua, kerana sikap penduduknya yang sombong, tidak berhati perut dan kedekut untuk bersedekah makanan dan bekalan pada mereka berdua itu, sepatutnya tidak perlu dibuat baik. Sepatutnya mereka berdua tidak perlu bersusah payah untuk menjaga harta mereka yang bersikap demikian.

Walaupun demikian Khaidhir telah bertindak melakukan perkara yang berlawanan dengan dengan fikiran seorang yang arif dan kebaikan yang di hadapan mata. Dalam ketiga-tiga peristiwa tersebut Khaidhir telah mengambil sikap ganjil yang tidak dapat diterima akal, tidak manasabah dan tidak diterima oleh perasaan. Sebagai seorang mu'min yang amat sensitif dan sebagai seorang nabi serta rasul maka Nabi Musa tidak dapat mendiamkan dirinya sahaja bila berhadapan dengan tindakan-tindakan yang ganjil dan luar biasa itu. Nabi Musa pun terlupa dengan janjinya. Beliau lantas membantah dan mempersoalkan tindakan tersebut dengan berkata:

لَقَدْ جِئْتُمْ شَيْئًا ثَكْرًا ﴿٧٤﴾

“Sesungguhnya engkau telah melakukan satu perbuatan mungkar.”

(Al Kahfi: 74)

ALANGKAH GANJILNYA KEBENARAN YANG TELAH TERNYATA.

Khaidhir menanggukkan dahulu jawapan yang boleh memuaskan hati Nabi Musa terhadap pertanyaan yang ditimbulkannya. Ia meneruskan juga perjalanan itu dengan sikap lembut dan memendam rasa sampailah pengembaraan mereka berakhir dan tiba ke tempat yang dituju. Di situlah baru ia menyingkap ketiga-tiga peristiwa yang menjadi misteri yang sungguh ganjil dan menimbulkan tanda tanya Nabi Musa. Itulah dia pengalaman pertama yang dilalui oleh Musa. Setiap orang yang membaca al-Qur'an pasti dapat melihat dengan jelas bahawa tindakan yang dilakukan oleh Khaidhir itu adalah betul dan baik. Dalam ketiga-tiga tindakan tersebut menampakkan kebijaksanaan Khaidhir. Segala yang dilakukannya adalah kena pada tempatnya, bukannya baik dibalas jahat atau jahat dibalas baik.

Khaidhir telah berbakti kepada tuan sampan dengan menebuknya. Cara itu boleh memelihara sampan tersebut daripada dirampas oleh seorang raja yang bertindak merampas sampan-sampan yang masih baik dan sempurna. Khaidhir tahu raja tersebut berada tidak jauh di belakang mereka. Jadi ia telah membalas jasa baik tuan sampan itu dengan melakukan begitu.

Khaidhir telah berbakti kepada ibu bapa kanak-kanak itu dengan membunuhnya. Ia tahu jika kanak-kanak itu terus hidup ia akan memfitnah kedua orang tuanya. Ia bimbang kanak-kanak itu akan mendesak keduanya agar berlaku zalim dan kufur. Jadi ia berpendapat lebih baik menangis sesaat daripada menangis seumur hidup dan sesudah mati. Lagi pun pada pendapatnya anak boleh dicari ganti, tetapi agama dan kebaikan tidak ada gantinya.

وَأَمَّا الْعُلَمَاءُ فَكَانَ آبَاؤُهُ مُؤْمِنِينَ فَحَشِينَا أَنْ يُرْهِقَهُمَا
طُغْيَانًا وَكُفْرًا ۗ فَآرَدْنَا أَنْ يُبَدِّلَهُمَا رَبُّهُمَا خَيْرًا مِنْهُ زَكَاةً
وَأَقْرَبَ رَحْمَةً ۝

“Ada pun pemuda (kanak-kanak) itu, kedua ibu bapanya adalah orang-orang yang beriman, maka kami bimbang bahawa ia akan mendesak mereka melakukan perbuatan yang zalim dan kufur. Oleh itu kami ingin berharap supaya Tuhan mereka gantikan bagi mereka anak yang lebih baik daripadanya tentang kebersihan jiwa dan lebih mesra kasih sayangnya.”

(Al Kahfi: 80 & 81)

Sebenarnya Khaidhir telah membaiki dan membetulkan semula dinding yang hampir roboh itu kerana ia adalah kepunyaan dua orang anak yatim dari ibu bapa yang salih. Di bawah dinding itu terpendam harta benda untuk warisan mereka berdua. Kalaulah dinding itu runtuh dan roboh tentulah harta benda yang tertanam di bawahnya akan terbongkar dan diambil oleh pencuri serta perompak. Jadi dibiarkan begitu tentulah kedua-dua anak yatim itu akan terus kepaanan dan tiada bekalan. Begitulah jelas pada kita bahawa amalan yang baik itu memberikan kemanfaatan di dunia dan di akhirat. Allah tidak mahu mempersiapkan anak-anak orang yang salih itu. Bagaimana Allah akan mempersia-siakan lelaki yang salih itu, padahal Ia telah berfirman:

قَالَ اللَّهُ لَا أُضِيعُ أَجْرَ الْمُحْسِنِينَ ①

“Sesungguhnya Allah tidak menghilangkan pahala orang-orang yang berbuat kebaikan.”

(Yusuf: 90)

Firman Allah:

فَأَسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَا أُضِيعُ عَمَلَ عَامِلٍ مِّنْكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ

“Maka Tuhan mereka memperkenankan doa mereka (dengan firmanNya) “Sesungguhnya aku tidak akan mensia-siakan amal orang yang beramal dari kalangan kamu, sama ada lelaki atau perempuan.”

(Ali Imran: 195)

Benih-benih yang baik akan melahirkan hasil yang baik juga, begitu juga dengan benih-benih yang rosak, ia akan mendatangkan hasil yang tidak baik juga.

Firman Allah:

وَأَمَّا الْجِدَارُ فَكَانَ لِغُلَامَيْنِ يَتِيمَيْنِ فِي الْمَدِينَةِ
وَكَانَ تَحْتَهُ كَنْزٌ لَهُمَا وَكَانَ أَبُوهُمَا صَالِحًا فَأَرَادَ
رَبُّكَ أَنْ يَبْلُغَا أَشُدَّهُمَا وَيَسُدَّخْرَجَا كَنْزَهُمَا رَحْمَةً مِّنْ رَبِّكَ
وَمَا فَعَلْتُهُ عَنْ أَمْرِي ذَلِكَ تَأْوِيلُ مَا لَمْ تَسْطِعْ عَلَيْهِ صَبْرًا ②

“Adapun tembok itu pula, adalah ia dipunyai oleh dua orang anak yatim di bandar itu dan di bawahnya ada “harta terpendam” kepunyaan mereka, dan bapa mereka pula adalah orang yang salih. Maka Tuhanmu menghendaki supaya mereka cukup umur dan dapat mengeluarkan harta mereka yang terpendam itu sebagai satu rahmat dari Tuhanmu (kepada mereka). Dan (ingatlah) aku tidak melakukannya menurut fikiranku sendiri. Demikianlah penjelasan tentang maksud dan tujuan perkara-perkara yang engkau tidak dapat bersabar mengenainya.”

(Al Kahfi: 82)

PENGETAHUAN MANUSIA ADALAH TERHAD DAN BERSIFAT KEKURANGAN

Alangkah ganjilnya hakikat sesuatu perkara yang sudah ter-singkap! Alangkah jauhnya jurang perbezaan antara gambaran yang kita lihat dengan hakikat yang sebenarnya, zahir dengan batin!. Betapa kusutnya hidup ini, betapa rumitnya dunia ini dan betapa banyaknya masalah hidup ini! Alangkah beraninya manusia mendakwa ia mengetahui segala-galanya dan sudah sampai kepada hakikat semua masalah!.

Lihatlah, betapa jauhnya Khaidhir daripada kebenaran dan petunjuk pada awalnya. Tetapi lihatlah pula betapa dekat dan warasnya fikiran beliau di akhir-akhir peristiwa tersebut!.. Terbukti jelas bahawa realiti hidup ini sentiasa berubah-ubah dan manusia sentiasa mengecam tindakan yang pelik dan ganjil. Dari kisah ini juga jelas terbukti bahawa ilmu manusia adalah amat terhad dan ia tidak pernah sampai ke kemuncaknya yang terakhir.

Firman Allah:

وَفَوْقَ كُلِّ ذِي عِلْمٍ عِلْمٌ

“Dan tiap-tiap orang yang berilmu pengetahuan, ada lagi yang di atasnya yang lebih mengetahui.”

(Yusuf: 76)

CABARAN KEPADA PEMIKIRAN KEBENDAAN.

Sebenarnya kisah dan roh yang terkandung dalam kisah ini memberikan cabaran kepada pemikiran kebendaan yang seringkali menyatakan bahawa hidup ini adalah sebagaimana yang difahami

oleh manusia. Selain dari itu pemikiran kebendaan ini juga mendakwa bahawa alam ini ialah apa yang dapat dijangkau oleh ilmu manusia sahaja. Bagi hakikat yang ada cumalah setakat yang tertera di hadapan mata sahaja. Hukuman dan keputusan yang sah hanyalah yang dibuat menurut perkara-perkara zahir. Mereka mendakwa bahawa manusia layak mentadbirkan dunia ini dengan bebas dan menggubal perundangannya sendiri. Alasannya ialah manusia telah mempunyai akal, ilmu dan pengkajian yang lengkap dan sempurna, manusia telah mencapai hakikat yang sebenarnya, ilmu yang mendalam serta mengetahui hakikat alam ini seluruhnya.

Sebenarnya falsafah-falsafah kebendaan diasaskan atas dasar tersebut. Tamaddun zaman ini juga diasaskan atas pemikiran dan kepercayaan yang sedemikian. Surah al-Kahfi dengan seluruh isi kandungannya yang terdiri dari berbagai ayat, dan khususnya kisah Musa dengan Khaidhir ini diturunkan dengan tujuan untuk membatalkan asas-asas pemikiran kebendaan itu dan memusnahkan teori yang mereka bina. Kisah ini berakhir dengan kata-kata Khaidhir kepada Musa:


ذٰلِكَ تَاْوِيْلُ مَا لَمْ تَسْطِعْ عَلَيْهِ صَبْرًا ﴿٨٢﴾

“Demikianlah penjelasan (takwil) tentang maksud dan tujuan perkara-perkara yang engkau tidak dapat bersabar mengenainya.

(Al Kahfi: 82)


Maksud takwil menurut istilah al-Qur’an ialah hakikat. Begitulah, manusia tergesa-gesa membantah lalu tersalah hinggalah akhirnya terserlahlah padanya kebenaran dan datangnya hakikat.”

Kisah yang keempat adalah merupakan kisah yang terakhir sekali. Ia mengisahkan mengenai seorang lelaki yang terhimpun di dalam dirinya keimanan, kebaikan dan kekuatan yang luar biasa. Ia juga dapat menguasai semua jenis kekuatan dan keupayaan yang ada pada seseorang insan serta boleh menggunakan semua saluran dan perkakas yang ada pada zamannya. Lelaki ini telah menggunakan semua kuasa yang ada padanya untuk menentang taghut, perosak dan orang-orang yang menakluki negeri secara zalim. Ia menggunakan segala kuasa tersebut untuk kebajikan manusia, berkhidmat kepada insan dan membangunkan sebuah kota yang baik.



قصة ذي القرنين

KISAH ZUL-QARNAIN



KISAH ZUL-QARNAIN

PENGENALAN MENGENAI ZUL-QARNIAN

Ahli-ahli tafsir berselisih pendapat mengenai Zul-Qarnain ini. Kalangan majoriti berpendapat, Zul-Qarnain yang dimaksudkan ini ialah Alexander the Great. Pendapat ini disokong oleh Imam al-Razi dan kebanyakan ulamak Islam yang lain. Namun begitu, tidak ada sebarang bukti yang dapat menguatkan pendapat tersebut. Sebabnya, Alexander the Great tidak memiliki sifat-sifat yang ada pada Zul-Qarnain sebagaimana yang telah disebut oleh al-Qur'an. Antaranya ialah sifat beriman, takutkan Allah, adil, belas kasihan pada rakyat yang ditakluki dan juga membina tembok besar.

Kemungkinan besar, penentuan Zul-Qarnain itu ialah Alexander the Great adalah kerana ahli-ahli tafsir zaman dahulu tidak mengkaji secara terperinci sejarah Alexander dan perjalanan hidupnya dalam peperangan. Sebahagian ulamak sekarang³⁹ pula berpendapat Zul-Qarnain itu ialah seorang maharaja Iran yang dikenali sebagai Syrus, dan terkenal di kalangan orang-orang Yahudi sebagai 'Penyelamat Orang-orang Israil'. Bagi orang-orang Arab pula, mereka mengenalinya sebagai Kai Khusooc.

Bagi kita pula, kita amat bersetuju dengan apa yang telah dinyatakan oleh Syed Qutb dalam tafsirnya *Fi Zilalil Qur'an*. Rasanya eloklah disebutkan di sini petikan kata-kata beliau. Katanya:

"Nas al-Qur'an langsung tidak menyebutkan mengenai dengan syaksiah Zul-Qarnain, baik masa ataupun zamannya. Memang begitulah kisah yang sering dinyatakan oleh al-Qur'an. Rekod sejarah bukanlah maksud utama yang hendak disampaikan oleh al-Qur'an. Sebaliknya maksud utamanya ialah menyatakan pengajaran yang boleh didapati dari kisah tersebut. Kebiasaannya pengajaran tersebut boleh didapati tanpa perlu menentukan masa dan tempat berlakunya kisah itu."

Rekod-rekod sejarah kita ada menyebut mengenai seorang raja yang bernama Alexander Zul-Qarnain, tetapi yang pastinya orang itu bukanlah orang yang dimaksudkan oleh al-Qur'an. Alexander the Great adalah seorang penyembah berhala, manakala orang yang disebutkan oleh al-Qur'an pula adalah seorang yang beriman dengan Allah, mengesakanNya dan meyakini hari kebangkitan, akhirat dan sebagainya.

Abu Raihan al-Bairuni menyatakan dalam bukunya yang bertajuk 'Al-Atsar al-Baqiah An al-Qurun al-Khaliah':

“Zul-Qarnain yang disebut di dalam al-Qur'an itu adalah dari golongan Himyar, dengan berdasarkan pada namanya. Raja-raja Himyar digelar dengan Zu. Contohnya ialah Zu Nuwas, Zu Niran dan sebagainya. Nama Zul-Qarnain yang sebenarnya ialah Abu Bakar ibnu Afriqash. Baginda dan tenteranya telah menakluki seluruh kawasan pantai Laut Mediterranean, termasuk Tunisia, Morocco dan lain-lain lagi. Baginda juga telah mengasaskan sebuah bandar yang dikenali dengan Afriqiah. Nama tersebut diambil sempena dengan nama benua itu. Baginda digelar Zul-Qarnain kerana baginda telah berjaya sampai ke tempat matahari naik dan jatuh.”

Kemungkinan juga riwayat itu betul, tetapi kita tidak dapat memastikan kebenarannya. Sebabnya, kita tidak boleh mendapatkan rekod sejarah bertulis yang lengkap mengenai diri baginda. Manakala penjelasan yang diberi oleh al-Qur'an mengenai diri baginda dan penaklukannya pula adalah terlalu umum, seperti juga dengan kisah-kisah lain yang terdapat dalam al-Qur'an. Contohnya ialah kisah kaum Noh, kaum Hud, kaum Saleh dan sebagainya. Manakala sejarah pula terlalu muda dan baru jika hendak dibandingkan dengan umur manusia yang mendiami dunia ini. Banyak perkara dan peristiwa yang telah berlaku sebelum pembukuan sejarah bermula. Perkara-perkara tersebut tidak dapat diketahui dan dipastikan.

Kalaulah kitab Taurat tidak ditokok tambah dan diselewengkan, tentulah ia boleh dijadikan sumber rujukan dan pegangan mengenai peristiwa-peristiwa tersebut. Tetapi sayangnya kitab Taurat telah dicampur-adukkan dengan berbagai cerita dongeng. Percampuran itu pula sudah tidak asing lagi. Tidak salah lagi bahawa kitab Taurat yang asalnya merupakan wahyu dari Allah itu telah ditambah dan dicampur-adukkan dengan berbagai riwayat, hingga akhirnya kitab Taurat itu tidak boleh lagi dianggap sebagai sumber yang menyatakan kisah sejarah yang diyakini.

Jadi, yang tinggal sekarang hanyalah al-Qur'an sahaja. Al-Qur'an terpelihara daripada diseleweng dan diubah. Ia adalah satu-satunya sumber yang menyebutkan mengenai kisah-kisah sejarah. Mestilah diketahui bahawa al-Qur'an tidak boleh dihakimi kebenarannya dengan berdasarkan pada fakta-fakta sejarah. Dua sebabnya yang paling jelas ialah:

Pertama:

Sejarah sendiri merupakan suatu perkara yang baru lahir. Sebelum itu sudah berlaku berbagai-bagai peristiwa yang tidak dapat dibilang oleh sejarah manusia, bahkan tidak diketahui langsung oleh mereka. Manakala al-Qur'an pula telah meriwayatkan peristiwa-peristiwa yang tidak disebutkan oleh sejarah tadi.

Kedua:

Dalam setengah-setengah peristiwa, meskipun sejarah mempunyai rekod yang lengkap (detail), tetapi ia cumalah merupakan usaha manusia biasa yang tidak sunyi daripada kesalahan, kesilapan dan kecacatan. Dengan berbagai kemudahan perhubungan dan alat pengirimān berita yang ada di zaman moden ini pun, kita dapati sesuatu berita atau peristiwa yang sama itu kadang-kadang diriwayatkan dengan berbagai-bagai bentuk yang berbeza, dipandang dari berbagai sudut yang berlainan, dan seterusnya mempunyai pentafsiran yang saling bercanggah. Dengan sumber yang berbeza-beza dan berlapis-lapis sebeginilah sejarah disusun, dibentuk dan dijadikan sumber rujukan, meskipun ketulinan dan keasliannya tidak pasti.

Oleh itu amatlah bertentangan dengan kaedah ilmiah yang diterima oleh manusia, jika kita memastikan kebenaran perkara yang dinyatakan oleh al-Qur'an dengan menggunakan fakta-fakta sejarah. Begitu juga, perkara tersebut adalah ditolak oleh akidah yang menetapkan bahawa al-Qur'an adalah merupakan kata pemutus. Seorang yang beriman dengan al-Qur'an tentunya tidak berani meluahkan ucapan tersebut. Bahkan, walau baik bagaimanapun fakta sejarah itu ianya tidak lebih daripada koleksi yang cuma diagak, didengar, serta ide-ide mengenai peristiwa silam.

Rasulullah s.a.w. telah ditanya oleh orang-orang Quraish mengenai Zul-Qarnain. Oleh itu Allah pun mewahyukan kepadanya mengenai dengan sejarah raja tersebut, sebagaimana yang diceritakan di sini. Mengenai sejarah ini, kita tidak mempunyai sebarang sumber yang lain selain dari al-Qur'an. Kita tidak boleh mendalaminya dengan lebih jauh lagi, kerana ia adalah di luar dari pengetahuan kita. Di dalam kitab-kitab tafsir terdapat banyak riwayat yang berkaitan dengannya. Namun begitu, ia tidaklah boleh dipegang sangat. Seseorang mestilah berhati-hati mengambilnya, kerana bimbang riwayat-riwayat tersebut tergolong dalam riwayat

Israiliat dan bercampur baur dengan dongeng-dongeng orang tua zaman silam.

(Lihat f: Zilalil Qur'an, juzu' 16 cetakan ke 5 halaman 8, 9 dan 10. Oleh Syed Qutb).

CONTOH SEORANG RAJA YANG SALIH DAN MELAKUKAN KEBAIKAN.

Baik kita dapat mengenali dengan penuh yakin syaksiah yang bernama Zul-Qarnain dan kita dapat meletakkan semua sifat-sifat terperinci yang disebutkan oleh al-Qur'an itu pada dirinya, ataupun kita tidak tahu mengenainya dengan berdasarkan sejarah yang ada pada kita, yang mana sejarah itu sendiri bersifat kekurangan, lambat dibukukan, susah dipastikan dan tidak boleh dibuat pegangan; namun semua itu tidak langsung menjejaskan keyakinan pembaca al-Qur'an mengenai keunggulan syaksiah Zul-Qarnain. Zul-Qarnain tetap merupakan seorang lelaki yang diberikan oleh Allah kekuasaan politik, ketenteraan dan ekonomi. Ia mempunyai hemah dan cita-cita yang tinggi dan terpuji.

Firman Allah:

وَاتَيْنَاهُ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ سَبَبًا ۚ فَاتَّبَعَهُ سَبِيلَهُ ۝

“Dan Kami berikan kepadanya jalan bagi menjayakan tiap-tiap sesuatu yang diperlukannya, lalu ia menurut jalan (yang menyampaikannya).”

(Al Kahfi: 84 & 85)

Penaklukannya amatlah luas hingga sampai ke timur jauh (tempat matahari terbit) dan hujung sebelah barat (tempat tenggelam matahari). Setiap kali membuka dan menakluki negeri ia sentiasa bersifat sebagai seorang yang salih dan melakukan kebaikan dan kebaktian. Ia sentiasa membantu kebenaran, menolong orang-orang yang lemah, bertindak keras pada golongan pelampau dan orang-orang yang kuat. Antara prinsip dan perancangannya ialah sebagaimana yang disebut di dalam al-Qur'an:

قَالَ إِنَّمَا مَنْ ظَلَمَ فَسَوْفَ نُعَذِّبُهُ ثُمَّ يُرَدُّ إِلَىٰ رَبِّهِ فَيُعَذِّبُهُ
عَذَابًا نَكِيرًا ۝ وَإِنَّمَا مَنْ آمَنَ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُ جَزَاءٌ إِحْسَانٌ
وَسَنَقُولُ لَهُ مِنْ أَمْرِنَا يُسْرًا ۝

“Ia berkata “Adapun orang yang melakukan kezaliman (kufur durhaka) maka kami akan menyiksanya; kemudian ia akan dikem-

balikan kepada Tuhannya, lalu diazabkannya dengan siksa yang seburuk-buruknya. Adapun orang yang beriman serta beramal salih, maka baginya balasan yang sebaik-baiknya dan kami akan perintahkan kepadanya perintah-perintah kami yang tidak memberati.”
(Al Kahfi: 87 & 88)

Betapa tingginya prinsip yang ia miliki, betapa adilnya perencanaannya dan alangkah lurusinya akhlak dan sirah hidupnya!!

Ia meneruskan lagi pembukaan penaklukan negerinya hinggalah sampai ke tempat satu ummat yang tinggal di kawasan dataran luas yang terletak di antara dua buah bukit. Ummat tersebut sentiasa hidup di dalam bahaya dan kebimbangan. Keadaan mereka terancam kerana di sebelah bukit itu pula terdapat puak-puak orang Nomad yang bersikap liar dan bodoh. Al-Qur'an dan juga kitab-kitab suhuf yang dahulu menyebut serta mengenali golongan orang-orang Nomad tersebut sebagai Ya'juj dan Ma'juj⁴⁰. Ya'juj dan Ma'juj ini sentiasa hidup dalam keadaan gawat, bertarung sesama sendiri, merusuh dan merampas harta benda puak yang lain.

Firman Allah:

وَتَرَكْنَا بَعْضَهُمْ يَوْمَئِذٍ يَمُوجُ فِي بَعْضٍ

“Dan Kami biarkan mereka pada hari itu (keluar beramai-ramai) bercampur baur antara satu dengan yang lain.”

(Al Kahfi: 99)

Umat yang sedang terancam itu merasakan ketibaan Zul-Qarnain adalah merupakan satu rahmat dan peluang keemasan untuk mereka. Bagi mereka, Allah telah melindungi mereka dengan membawa kepada mereka seorang raja yang salih dan kuat. Mereka pun meminta pada Zul-Qarnain agar melindungi mereka daripada orang-orang Nomad yang liar dan bersikap perosak itu. Mereka meminta agar Zul-Qarnain menggunakan segala kelengkapan yang ada dan tentera yang ramai untuk membina tembok besar yang dapat menghalang mereka daripada diserang oleh Ya'juj dan Ma'juj itu. Mereka menyatakan kesanggupan untuk mengeluarkan harta benda mereka bagi membiayai perbelanjaan tersebut.

Zul-Qarnain sebagai seorang lelaki yang salih telah menerima permintaan mereka. Ia berjanji akan membina tembok besar itu tanpa perlu kepada pengorbanan harta benda mereka. Baginya cukuplah dengan apa yang Allah kurniakan kepadanya sahaja. Keadaan ini amatlah berbeza dengan raja-raja yang tamak kerana bagi Zul-

Qarnain ia cuma meminta mereka agar membantunya dengan tenaga buruh dan menyediakan besi serta besi waja sahaja bukannya dengan mengenakan bayaran atau cukai yang tinggi.

Firman Allah:

قَالَ مَا مَكَّنِّي فِيهِ رَبِّي خَيْرٌ فَأَعِينُونِي بِقُوَّةٍ أَجْعَلْ بَيْنَكُمْ
وَبَيْنَهُمْ رَدْمًا ۗ آتُونِي زُبَرَ الْحَدِيدِ ۝

“*Ta menjawab “(Kekuasaan dan kekayaan) yang Tuhanku jadikan daku menguasainya, lebih baik (dari bayaran kamu); oleh itu bantulah daku dengan tenaga (kamu beramai-ramai) aku akan bina antara kamu dengan mereka sebuah tembok penutup yang kukuh. Bawalah kepadaku ketul-ketul besi.”*

(Al Kahfi: 95 & 96)

Masing-masing pun bekerjasama membina tembok yang berkat itu. Zul-Qarnain sebagai raja yang salih menggunakan kebijaksanaan dan kemahirannya untuk menyelaras dan mengendalikan projek tersebut. Manakala penduduk-penduduk tempatan pula membantu dengan tenaga serta bekalan besi mereka.

Firman Allah:

حَتَّىٰ إِذَا سَاوَىٰ بَيْنَ الصَّدَفَيْنِ قَالَ انْفُخُوا حَتَّىٰ إِذَا جَعَلَهُ نَارًا
قَالَ آتُونِي أَفْرَعًا عَلَيْهِ قَطْرًا ۝

“*Sehingga apabila ia terkumpul separas tingginya menutup lapangan antara dua gunung itu, iapun perintahkan mereka membakarnya dengan berkata: “Tiuplah dengan alat-alat kamu”, sehingga apabila ia menjadikannya merah menyala seperti api, berkatalah ia: “Bawalah tembaga cair supaya aku tuangkan atasnya.”*

(Al Kahfi: 96)

Tembok itu pun siaplah. Ini bererti projek tersebut telah sempurna. Seluruh penduduk dataran antara dua bukit itu pun terselamatlah daripada musuh yang berada di sebalik kedua-dua bukit besar, dan di belakang tembok penghalang itu.

Firman Allah:

فَمَا اسْطَاعُوا أَنْ يَظْهَرُوهُ وَمَا اسْتَطَاعُوا لَهُ نَقْبًا ۝

“Mereka tidak dapat memanjat tembok itu, dan mereka juga tidak dapat menebuknya.”

(Al Kahfi: 97)

KEFAHAMAN SEORANG MU'MIN YANG BERILMU TINGGI.

Dari kisah ini jelas menampakkan keimanan Zul-Qarnain yang juga merupakan seorang maharaja yang kuat, kaya, mampu menundukkan ummat yang lain dan juga penakluk serta pembuka dunia. Meskipun begitu agong dan berkuasa, tetapi ia tidak bersikap sombong, lupa diri dan bongkak. Ia tidak pernah menepuk dada dan berkata:

إِنَّمَا أُوتِيْتُهُ عَلَىٰ عِلْمٍ عِنْدِي

“Hanya sanya aku diberikan harta kekayaan ini hanyalah disebabkan pengetahuan dan kepandaian yang ada padaku.”

(Al Qasas: 78)

Sebaliknya ia menyerahkan segala kelebihan tersebut kepada Allah Taala. Ia tidak pernah berkeyakinan atau mengatakan; usaha yang telah dilakukannya itu akan berkekalan, begitu juga ia tidak menganggap kubunya it kebal dan tidak boleh ditembusi. Sebaliknya ia bercakap dengan kefahaman seorang mu'min yang berilmu tinggi, berimam dengan hari akhirat, amat menyedari kelemahan seseorang insan dan perubahan zaman.

Firman Allah:

قَالَ هَذَا رَحْمَةٌ مِّن رَّبِّي فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ رَبِّي جَعَلَهُ دَكَّاءَ
وَكَانَ وَعْدُ رَبِّي حَقًّا

“Katanya: “Ini adalah satu rahmat dari Tuhanku, dalam pada itu, apabila sampai janji Tuhanku Ia akan menjadikan tembok itu hancur lebur, dan adalah janji Tuhanku itu benar.”

(Al Kahfi: 98)

Inilah dia sirah seorang manusia yang gagah, berilmu tinggi, mampu menundukkan semua kuasa alam dan kebendaan, menguasai paling banyak sumber kejayaan serta menguasai jajahan takluk dan pengaruh yang amat luas. Meskipun ia berada di puncak kekuatan, kekuasaan, kepimpinan dan menguasai kuasa serta sumber kejayaan

tetapi ia tetap beriman serta tunduk kepada Tuhan yang telah menciptanya. Ia tetap mengimani hari akhirat dan beramal untuknya. Ia mengakui kelemahan dirinya sendiri, mengasihi sesama manusia dan umat-umat yang lemah serta membala kebenaran. Segala kekuatan, kemampuan, pengetahuan dan nikmat yang dikurniakan oleh Allah kepadanya digunakannya untuk berkhidmat kepada orang ramai, membentuk masyarakat yang salih dan meninggikan kalimah Allah. Ia juga menggunakan nikmat tersebut untuk mengeluarkan manusia daripada kesesatan kepada petunjuk, dan untuk menyelamatkan manusia daripada mengabdikan diri kepada sesama manusia dan kebendaan kepada mengabdikan diri kepada Allah.

Itulah dia satu sirah yang telah ditunjukkan oleh Nabi Sulaiman bin Daud alaihimas salam pada zaman beliau, ditunjukkan oleh Zul-Qarnain pada zamannya, ditunjukkan oleh Khulafa-khulafa ar-Rasyidin dan imam-imam benar serta lurus dalam zaman mereka masing-masing.

TAMADDUN BARAT MENENTANG PENCIPTA ALAM.

Antara perkara yang paling malang dan menyedihkan yang menimpa manusia dan dunia seluruhnya ialah; tamaddun barat moden itu dilahirkan serta berkembang dalam zaman yang sedang memberontak menentang agama dan dasar-dasarnya yang terdiri daripada keimanan kepada perkara ghaib dan sebagainya. Lebih-lebih lagi tamaddun atau kebudayaan barat moden ini dilahirkan di dalam kalangan bangsa yang sedang memberontak menentang golongan padri yang menggunakan agama untuk memuaskan tuntutan nafsu serta kepentingan peribadi mereka. Kebencian dan kemarahan bangsa tersebut pada golongan padri dan gereja meluap-luap. Mereka marah kerana golongan padri dan gereja menunjukkan sikap yang tidak baik, fanatik, menentang langkah-langkah kemajuan dan menyekat kebebasan akal serta ilmu pengetahuan.⁴¹ Keadaan ini akhirnya menyebabkan timbulnya percubaan-percubaan bijak pandai untuk memajukan lagi perkembangan tamaddun, perindustrian dan mengubah haluan ke arah kebendaan tulin dengan perencanaan hidup yang berasaskan kebendaan semata-mata.

Perkembangan baru yang berat sebelah itu akhirnya menyebabkan putusannya hubungan masyarakat dan manusia dengan Tuhan yang menciptanya dan mentadbirkan seluruh alam raya ini. Semua kesan dan akibat tersebut digambarkan dalam rantaian kecenderungan mereka, tabiat sesuatu perkara dan suasana sosial

masyarakat barat. Tamaddun barat ini pula dewasa dan matang dalam suasana masyarakat yang atheis dan rosak. Akhirnya ia berjaya menguasai kekuatan, sumber kejayaan dan sampai ke kemuncak kemajuan dalam bidang-bidang perindustrian, dan sains fizik sehinggakan mampu mencipta ukuran yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar dan sebagainya. Ia juga mampu terbang ke angkasa mengelilingi dunia dan akhirnya manusia berjaya menjejakan kakinya di bulan. Selain dari itu banyak lagi kemajuan-kemajuan dalam bidang sains fizik dan penerokaan angkasa.

Menggabungkan antara kekuasaan yang dahsyat, penguasaan sumber tabii dan alam raya dengan kekufuran dan kemajuan kebendaan adalah menjadi tabiat tamaddun barat. Menggabungkan perkara-perkara tersebut memang sudah menjadi sifat dan lambang tamaddun tersebut. Dalam pengetahuan kita cuma tamaddun ini sahaja yang mencapai kemuncak kekuasaan, mampu menundukkan semua kuasa dan sumber kuasa yang lain bahkan ialah satu-satunya tamaddun yang amat memerangi agama, akhlak, pencipta alam dan syariatnya. Tamaddun ini sahajalah yang menyeru agar manusia mengabdikan diri kepada kebendaan, hawa nafsu dan seterusnya mendakwa dirinya bersifat ketuhanan.

KEMUNCAK TAMADDUN KEBENDAAN.

Sebagaimana yang telah kita sebutkan, tamaddun barat ini matang dengan keadaan menakluki alam, kufur dengan Allah dan beriman dengan kebendaan sahaja. Pendokong-pendokong tamaddun tersebut cumalah percayakan kekuasaan dan kemajuan industri mereka sahaja. Mereka cuma memikirkan perkara yang boleh mendatangkan faedah dan kepentingan peribadi mereka sahaja. Pusat rujukan utama tamaddun ini ialah Amerika, Eropah dan Rusia. Baik secara terang ataupun tidak, mereka sebenarnya memerangi perkara-perkara ghaib, roh, akhlak dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah. Tamaddun ini sudah hampir mencapai kemuncak kejayaannya dalam soal kebendaan dan perindustrian. Pemimpin agongnya yang digelar oleh Rasulullah s.a.w. sebagai "Dajjal"⁴² juga sudah hampir muncul. Dajjal inilah yang akan menerajui kemuncak kemajuan kebendaan dan perindustrian. Ia jugalah yang akan mengepalai kemuncak kekufuran kepada Allah dan sebaliknya pula menyeru orang ramai ke arah kebendaan, menjadi atheis, mengabdikan diri pada tabii, sumber kemewahan dan orang-orang yang memiliki perkara-perkara tersebut.

Itulah dia perkara-perkara yang menjadi fitnah besar zaman akhir ini. Ia jugalah yang menjadi bencana dunia yang terbesar yang merupakan kemuncak tamaddun kebendaan yang mana telah pun muncul di Eropah beberapa kurun kebelakangan ini.

KUFUR DAN MELAKUKAN KEROSAKAN ADALAH SIFAT UTAMA DAJJAL.

Semua perkara yang telah disebutkan adalah menggambarkan keadaan tamaddun kebendaan, perindustrian, mekanikal, dan sains fizik yang telahpun sampai ke kemuncaknya yang mana ia dipimpin oleh pemimpin agongnya yang bergelar Dajjal. Walaupun begitu haruslah diketahui bahawa, dengan hanya menjadi pemimpin tamaddun kebendaan sahaja belum cukup lagi bagi seseorang itu menjadi Dajjal, yang mana Dajjal itu heboh dikeji dan dikutuk oleh Rasulullah. Bahkan Rasulullah mengingatkan umatnya supaya berhati-hati daripada fitnah Dajjal tersebut.

Kekuasaan dan kepimpinan sedemikian pernah dimiliki oleh Nabi Sulaiman dan Zul-Qarnain dalam zaman mereka masing-masing. Al-Qur'an sendiri telah menceritakan mengenai kekuasaan, kepantasan dan besarnya sumber kejayaan dan kuasa yang mereka berdua miliki, tetapi mereka tidak dianggap sebagai Dajjal. Jadi apakah dia noktah pemisah antara mereka berdua dengan Dajjal? Begitu juga, apakah dia garis pemisah yang memisahkan antara seorang raja yang salih dan seorang lelaki yang berkuasa serta berilmu tinggi yang mendapat pujian dari Allah dengan firmanNya:

نَعْمَ الْعَبْدُ إِنَّهُ أَوَّابٌ ﴿٣٥﴾

“Sebaik-baik hamba: (kerana) sesungguhnya ia sangat banyak kembali (kepada Tuhan).”

(Sad: 30)

dengan keperibadian pelaku fitnah besar yang sentiasa diperingatkan oleh Rasulullah s.a.w., bahkan baginda sentiasa menaakutkan umatnya daripada Dajjal tersebut?. Selain dari itu baginda memberikan perhatian yang serius terhadapnya.

Tidak lain dan tidak bukan, noktah dan garis pemisah antara Sulaiman, Zul-Qarnain dan orang-orang lain yang sama dengan mereka yang terdiri daripada individu serta jamaah-jamaah Muslimin dalam kurun-kurun awal kelahiran Islam; dengan Dajjal yang kita bincangkan ini ialah pengumpulan dua perkara. Mereka mengum-

pulkan kekuasaan dan kerajaan besar yang mereka miliki, kebijaksanaan yang mengagumkan yang ada pada mereka, dan kemampuan menundukkan kuasa tabii serta sumber kebendaan yang ada di tangan mereka itu dengan keimanan yang mendalam, amalan yang salih, sirah yang elok, tujuan yang baik dan seruan ke jalan Allah serta kebenaran.

Segala perkara yang dikurniakan oleh Allah pada mereka, seperti ilmu, kebijaksanaan, kekuasaan dan sumber kebahagiaan, semuanya itu mereka gunakan untuk memberikan kebahagiaan dan perkhidmatan pada orang ramai. Mereka juga sentiasa bersikap belas kasihan dan berlaku adil. Al-Qur'an menggambarkan keadaan mereka dengan firman Allah yang berbunyi:

الَّذِينَ إِن مَّكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ
وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ وَاللَّهُ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ١١

“(Ialah) mereka yang sekiranya Kami beri kedudukan yang teguh di bumi, nescaya mereka mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat dan menyuruh (manusia) berbuat kebaikan dan melarang (mereka) dari mungkar; dan kepunyaan Allahlah akibat; segala urusan.

(Al Hajj: 41)

Firman Allah:

تِلْكَ الدَّارُ الْآخِرَةُ نَجْعَلُهَا لِلَّذِينَ لَا يُرِيدُونَ
عُلُوقًا فِي الْأَرْضِ وَلَا فُسَادًا وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ ٨٣

“Negeri Akhirat (yang bahagia) itu Kami untukkan bagi orang-orang yang tidak ingin ketinggian di bumi dan tidak kerusuhan; dan akibat (yang baik adalah) bagi orang-orang yang berbakti.”

(Al-Qashash: 83)

Manakala sifat dan tabiat Dajjal pula ialah kufur dengan ertikata yang amat luas. Perkara ini telah dinyatakan oleh Rasulullah kepada ummatnya di dalam sebuah hadith sahih yang berbunyi:

إِنَّهُ مَكْتُوبٌ بَيْنَ عَيْنَيْهِ كُفْرٌ يَرَاهُ
كُلُّ مُؤْمِنٍ كَاتِبٌ أَوْ غَيْرِ كَاتِبٍ

“Di celah-celah dua biji matanya tertulis perkataan KUFUR. Setiap mu'min dapat membacanya, baik ia seorang penulis atau bukan penulis.”

Hadis riwayat Bukhari:

PENGARUH DAJJAL DALAM MASYARAKAT DAN KEHIDUPAN.

Hadith-hadith menyatakan dengan jelas bahawa Dajjal itu adalah seorang pendakwah yang bersemangat, cergas, mempengaruhi orang ramai supaya kufur dan menentang agama serta akhlak. Di dalam sebuah hadith yang lain disebutkan:

فَوَاللَّهِ إِنَّ الرَّجُلَ لَيَأْتِيهِ وَهُوَ مُحْسَبٌ أَنَّهُ مُؤْمِنٌ
فَيَتَّبِعُهُ مِمَّا يَتَّبِعُ بِهِ الشُّبُهَاتِ

“Demi Allah, sesungguhnya seseorang lelaki akan menemuinya dengan menyangka ia seorang mu'min. Lelaki itu lalu mengikutnya, kerana sebahagian dari keraguan yang dibawa oleh Dajjal itu.”

Hadis riwayat Abu Daud.

Dakwah dan langkah Dajjal amatlah bijak dan mempesonakan, sehingga merebak serta berkembang dalam diri kaum wanita, kanak-kanak perempuan, keluarga dan rumahtangga. Seorang ketua rumah tangga tidak akan mampu lagi mengawal anak isterinya dari pengaruh Dajjal itu. Bahkan suami, isteri, pengasuh, ibu-ibu, saudara dan anak-anak perempuan semuanya diresapi oleh pengaruhnya.

Dalam sebuah hadith disebutkan:

يُنزِلُ الدَّجَالَ بِهَذِهِ السَّبْحَةِ بِمَرْقَاةٍ فَيَكُونُ آخِرُ
مَنْ تَخْرُجُ إِلَيْهِ النِّسَاءُ حَتَّىٰ إِنَّ الرَّجُلَ لَيَرْجِعُ إِلَىٰ
أُمِّهِ وَأَبْنَتِهِ وَأَخْتِهِ وَعَمَّتِهِ فَيُوتِلُّهَا رِبَاطًا مَخَافَةَ
أَنَّ تَخْرُجَ إِلَيْهِ

“Dajjal akan singgah di tanah gersang Marraqanat ini. Orang yang terakhir sekali pergi mendapatkannya ialah kaum wanita.

Sehinggalah seorang lelaki terpaksa balik mendapatkan ibu, anak perempuan, saudara perempuan dan emak saudaranya lalu mengikatnya dengan belunggu kerana bimbang ia akan keluar menyahut panggilannya (Dajjal).”

Hadis riwayat Attabrani dari Ibnu Umar.

Masyarakat dan akhlak terus rosak. Dari Abdullah bin Amru ibnu Al-Ass radhiallahu anhu:

فَبَقِيَ شِرَارُ النَّاسِ فِي خِيفَةِ الطَّيْرِ وَأَحْلَامِ السَّبَاعِ
لَا يَعْرِفُونَ مَعْرُوفًا وَلَا يَنْكُرُونَ مُنْكَرًا

“Akhirnya yang tinggal lagi cumalah manusia-manusia yang jahat, yang mana mereka adalah ringan laksana burung dan berkepala kosong laksana binatang buas. Mereka langsung tidak mengenal ma’ruf dan tidak mencegah kemungkaran.”

Riwayat Muslim.

Itulah dia gambaran yang paling benar dan tepat mengenai tamaddun kebendaan kafir yang berada di puncak kemajuan, perkembangan, pusat serta bandaraya yang terbesar sekali. Gambaran yang dibuat oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadis yang telah disebutkan adalah merupakan salah satu daripada mu’jizat baginda yang terus berkekalan. Ia juga merupakan ungkapan yang penuh dengan keajaiban yang tidak boleh dinafikan.

Tamaddun ini diumpamakannya sebagai burung dan binatang buas. Burung yang ringan, terbang di angkasa luas dan menguasai ruang udara. Manusia zaman ini lebih pantas dan lebih ringan lagi daripada burung. Begitu juga, tamaddun kebendaan ini amat buruk laksana binatang buas. Ia menghancurkan negara dan makhluk Allah, membinasakan tanaman dan keturunan dengan ganas dan keji, hingga tidak ada tandingannya lagi dalam sejarah. Sejarah tidak pernah menyebutkan keujudan tamaddun atau peradaban lain yang sebegini zalim, ganas dan tidak berperikemanusiaan yang mana berlaku semasa mencapai taraf kehidupan yang tinggi, rezeki yang melimpah-limpah dan sumber kebahagiaan serta kemakmuran yang cukup.

Dari Abdullah bin Amru radhiallahu anhu:

وَمِمَّنِي ذَلِكَ دَارٌ رَزَقَهُمْ حَسَنٌ عَيْشُهُمْ

“Dan mereka dalam keadaan yang demikian dilimpahi dengan rezeki serta kehidupan yang mudah dan mewah.”

Riwayat Muslim.

PADA SANGKAAN MEREKA, MEREKA MELAKUKAN KEBAIKAN.

Sebagaimana yang sudah kita sebutkan dahulu, tamaddun ini tidak mempercayai perkara-perkara ghaib yang ujud di sebalik alam nyata dan kehidupan duniawi ini. Ia memusatkan dan mengorbankan segala daya usaha yang ada untuk meningkatkan dan memewahkan lagi kehidupan duniawi ini. Sebab itulah Allah menjelaskan dengan terang dan tegas di beberapa ayat yang terakhir dalam surah al-Kahfi yang mulia ini. Seolah-olahnya Allah sedang memberikan penerbangan kepada pendokong-pendokong dan pemimpin tamaddun kebendaan ini, termasuk murid-murid mereka yang cergas dan aktif dalam dunia Islam, khususnya dalam masyarakat Islam sendiri. Begitu juga, Allah memberikan gambaran mengenai mereka dengan gambaran yang halus tentang mirip serta bentuk wajah.

Alangkah halusnyanya bahasa yang digunakan dalam ayat yang berikut, yang mana ia menolak kebendaan mulhid dan pemimpin-pemimpinnya yang bersifat dajjal yang mana:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا
نَحْنُ مُصْلِحُونَ ۝

“Dan apabila dikata kepada mereka: Janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi, mereka jawab: Kami tidak lain melainkan orang-orang yang berbuat perdamaian.” (Al Baqarah: 11)

Ayat tersebut benar-benar menjadi sindirian kepada orang-orang Yahudi yang langsung melupakan hari akhirat. Mereka sengaja melupakan akhirat sepanjang sejarah mereka yang tua dan penuh dengan berbagai peristiwa pengkhianatan. Mereka juga sengaja melupakan akhirat dalam aktiviti mereka yang cergas yang memainkan peranan penting dalam bidang-bidang ilmu, pemikiran, kemahiran, perindustrian dan politik. Dalam revolusi, pemerintahan

dan peraturan yang silih berganti mereka melupakan akhirat. Begitu juga semasa mengarahkan bakat, kemampuan dan kecerdikan mereka ke arah usaha-usaha negatif yang menghancurkan, mereka melupakan akhirat. Semasa menyebarkan kegelisahan, mengharu birukan suasana, berusaha membentuk satu unsur dan bangsa iaitu ‘unsur Israil’ dan ‘bangsa yang terpilih’, maka di kala itu mereka semuanya melupakan akhirat.

Firman Allah:

قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُمْ بِالْأَخْسَرِينَ أَعْمَالًا ۚ الَّذِينَ ضَلَّ سَعِيَهُمْ
 فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنْعًا ۚ أُولَٰئِكَ
 الَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ وَلِقَائِهِ فَحَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فَلَا
 نُقِيمُ لَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَزْنًا ۝

“Katakanlah: “Mahukah jika Kami beritahu kepada kamu, orang-orang yang paling rugi tentang amal-amal (mereka)?”. (Iaitu) orang-orang yang sesat usahanya di penghidupan yang rendah (ini), pada hal mereka sangka, bahawa mereka berbuat kebaikan. Merekalah orang-orang yang tidak percaya kepada ayat-ayat Tuhan mereka dan kepada pertemuan denganNya; lantaran itu gugurlah amal-amal mereka, maka Kami tidak akan dirikan timbangan bagi mereka di hari Qiamat.”

(Al Kahfi: 103—105)

KESINGKATAN ILMU DAN AKAL MANUSIA TIDAK DAPAT MENYINGKAP SEMUA RAHSIA ALLAH.

Al-Qur’an seterusnya kembali dan membantah pandangan sempit serta ilmu yang terlalu singkat yang dikemukakan oleh teori kebendaan. Ia mendakwa mengetahui semua rahsia alam sejagat yang luas ini, baik yang ada di bumi mahu pun di langit, mengetahui semua perkara mengenai makhluk yang hidup dan bukan hidup termasuk bintang-bintang dan planet di angkasa, semua yang ada di daratan, di lautan, yang berubah atau tidak, bahkan juga semua yang berlaku menurut ilmu dan kekuasaan Allah.

Dengan ilmu, maklumat dan pengkajian yang ada pada manusia kebendaan itu ia terus meraba-raba untuk menyingkap segala rahsia

yang sudah dan akan berlaku dalam alam ini. Sebenarnya semua ilmu pengetahuan yang ada pada manusia, yang mana mereka bangga-banggakan itu, banyaknya tidak sampai pun kadar setitik air laut dan sebutir debu di padang pasir yang luas. Harusnya diketahui bahawa kesesatan, perkara yang dikagumi oleh manusia, semata-mata berpandukan pada maklumat serta kajian, perkara-perkara yang telah dicapai melalui ilmu manusia sejak zaman-berzaman, mengkufuri perkara-perkara ghaib, kagum dengan pengetahuan yang sedikit, terpedaya dengan pengetahuan moden, berfikiran sempit dan juga berpandangan singkat, semuanya itu adalah merupakan kuman-kuman bahaya yang dilahirkan oleh kebendaan dengan erti katanya yang luas. Jika tidak dilahirkan oleh kebendaan dengan ertikatanya yang luas pun, ia tetap merupakan kuman bahaya yang dilahirkan oleh kebendaan dengan segala kesan buruk dan negatif yang ada padanya. Kerosakan dan keburukan tersebut ialah jiwa manusia yang terseleweng. Kadang-kadang jiwa yang terseleweng ini membawa kepada kezaliman, melewati batas, mengaku tuhan yang bersifat uluhiah serta rububiah, dan juga menindas para cendekiawan serta para ulamak yang berilmu tinggi, luas dan dimulihkan Allah. Keadaan sebegini telah dinyatakan dalam kisah Ashabul Kahfi dahulu.

Kadang-kadang pula, jiwa yang terseleweng itu menyebabkan seseorang itu terlalu sayangkan harta duniawi yang terhad ini, mencintai kelazatan duniawi yang laksana bayangan palsu logamaya, menganggap kenikmatan duniawi ini kekal abadi, dan yakin bahawa sumber kesenangan dan kemewahan yang dikurniakan di dunia ini akan berterusan. Ia juga menyebabkan seseorang itu menghinakan golongan fakir miskin. Keadaan-keadaan ini telah digambarkan dalam "Kisah Pemilik Dua Buah Kebun" dahulu.

Pengetahuan manusia yang terhad, kadang-kadang menyebabkan seseorang itu merasa ganjil dan menidakkan semua perkara yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar, difikir oleh akal dan dirasa dengan pancaindera. Keadaan ini telah pun dinyatakan dalam kisah "Musa dengan Khaidhir" dahulu.

Kadang-kadang mata kasar manusia yang bersifat kekurangan ini tersalah lihat, benda yang jauh dirasa dekat, bayang-bayang disangka objek yang sebenar dan sebagainya. Mata kasar Zul-Qarnain sendiri telah terkeliru, yang mana beliau menyangka matahari ini tenggelam di Laut Hitam.

Firman Allah:

حَتَّىٰ إِذَا بَلَغَ مَغْرِبَ الشَّمْسِ وَجَدَهَا تَغْرُبُ فِي عَيْنٍ حَمِئَةٍ

“*Sehingga tatkala ia sampai di tempat terbenam matahari, ia dapatinya terbenam di air yang hitam.*”

(Al Kahfi: 86)

Pandangan mata kasar Raja Permaisuri Saba' yang bernama Balqis menjadi keliru, sehingga baginda menyangka mahligai yang dikilatkan dengan kaca itu adalah sebuah kolam air lalu baginda menggayakan diri sebagai seorang yang hendak mengharungi kolam air di mana baginda telah menyinsing kain yang menutupi dua betisnya.

Firman Allah:

قِيلَ لَهَا ادْخُلِي الصَّرْحَ فَلَمَّا رَأَتْهُ حَبِطَتْ أَجَعًا وَكَسَفَتْ
عَنْ سَاقِيهَا قَالَتْ إِنَّهُ صَرْحٌ مُّمَرَّدٌ مِنْ قَوَارِيرَ

“*Dikatakan kepadanya: “Masuklah ke mahligai itu.” Maka tatkala ia melihatnya, ia menyangka kolam, dan ia sinsingkan (pakaian) dari dua kakinya. Ia berkata: “Sesungguhnya iaitu mahligai yang dikilatkan dengan kaca.”*”

(An Naml : 44)

Kisah yang panjang lebar mengenainya dapat dibaca dalam surah an-Naml .

Surah al-Kahfi ini mempunyai isi penutup yang sama dengan pembukaannya dahulu. Ia menyatakan bukti bahawa ilmu Allah adalah lebih besar dari ilmu manusia, alam raya ini adalah jauh lebih besar daripada yang diketahui oleh manusia, ilmu dan hikmat Allah dengan⁴³ pengertiannya yang luas dan tidak akan dapat dilingkungi oleh ilmu pengetahuan manusia. Sekalipun semua pohon kayu yang ada di dunia ini menjadi pena manakala air-air di lautan menjadi dakwatnya, namun semuanya belum cukup lagi untuk mencatatkan keluasan ilmu, hikmat dan keajaiban Allah Subhanahu Wataala.⁴⁴

Firman Allah:

قُلْ لَوْ كَانَ الْبَعْرُ إِدَادَ الْكَلِمَاتِ رَبِّي لَنَفَذَ الْبَعْرُ قَبْلَ أَنْ تَقْدَأَ
كَلِمَاتِ رَبِّي وَلَوْ جِئْنَا بِبِئْسَلِهِ مَدَدًا ۝

“Katakanlah: “Jika adalah laut (sebagai) tinta bagi kalimah-kalimah Tuhanku, nescaya akan habis (air) laut itu sebelum habis kalimah-kalimah Tuhanku, walaupun kita adakan bantuan (lagi) sebanyak itu.”

(Al Kahfi: 109)

Allah berfirman dalam surah Luqman:

وَلَوْ أَنَّ مَا فِي الْأَرْضِ مِنْ شَجَرَةٍ أَقْلَامٌ وَالْبَحْرُ يَمُدُّهُ
مِنْ بَعْدِهِ سَبْعَةُ أَبْحُرٍ مَا نَفِدَتْ كَلِمَاتُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ
عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٠﴾

“Dan jika sesungguhnya pohon-pohon di bumi menjadi qalam, dan laut itu dibantu oleh tujuh laut, selain daripadanya, (jadi tinta), nescaya tidak habis kalimah-kalimah Allah; sesungguhnya Allah itu Gagah, Bijaksana.”

(Luqman: 27)

PERLUNYA BIMBINGAN RASUL DAN RAHSIA KEISTIMEWAANNYA.

Di sini timbul persoalan. Jika alam raya ini terlalu luas dan terlalu banyak makhluk penghuninya, jika ilmu, hikmat dan keajaiban Allah tidak dapat disurat oleh semua pohon kayu yang menjadi pena, di samping lautan menjadi tintanya, dan jika semua itu berada di luar kemampuan akal dan ilmu pengetahuan manusia, maka bagaimanakah caranya untuk manusia mengenali Tuhan penciptanya? Bagaimanakah caranya manusia dapat mengenali sifat dan ayat-ayat penciptanya? Bagaimanakah caranya manusia dapat menyelesaikan rahsia permasalahan hidup ini? Bagaimanakah manusia boleh mendapatkan petunjuk untuk menuju ke arah kebahagiaan dan keselamatan? Kalaulah rasul itu merupakan manusia biasa sahaja, maka apakah keistimewaannya dibandingkan dengan orang ramai yang lain? Sedangkan manusia biasa mempunyai akal dan ilmu pengetahuan yang singkat dan terhad.

Semua persoalan yang di atas dijawab oleh sepotong ayat al-Qur'an. Ia menerangkan mengenai kedudukan Muhammad sallallahu alaihi wasallam sendiri:

Firman Allah:

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُمُ اللَّهُ وَاحِدٌ

“Katakanlah: “Tidak lain aku ini, melainkan manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku, bahwa tidak ada Tuhan kamu, melainkan Tuhan Yang Satu.”

(Al Kahfi: 110)

Jadi, rahsia keistimewaan khusus seorang rasul ialah mendapat wahyu. Begitu juga, sumber untuk mendapat ilmu serta mengenali Allah dengan sebenar-benarnya adalah melalui wahyu yang diberikan kepada rasul. Ma’rifat yang benar inilah yang merupakan kebahagiaan tunggal manusia yang sebenarnya yang mana tidak ada tolok bandingnya.

Firman Allah:

أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ

“Tidak lain aku ini, melainkan manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku.”

(Al Kahfi: 110)

KATA PENUTUP.

Allah mengakhiri surah ini dengan memperkatakan mengenai akhirat, kepentingan mengagongkannya, dan menyeru manusia agar menjadikannya asas kehidupan duniawi dan semua perlakuan. Allah menjadikan kesimpulan penutup surah ini sama dengan mesej pembukaannya dahulu, yang mana ianya terjalin bersama dengan roh yang mengalir dalam keseluruhan surah ini.

Allah berfirman:

فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا ۝

“Maka barang siapa percaya akan bertemu (dengan) Tuhannya, maka hendaklah ia mengerjakan amal yang salih, dan janganlah ia sekutukan seseorang pun dalam beribadat kepada Tuhannya.

Wassalamu alaikum warahmatullah.

CATATAN

¹Kerana didikan dari ibu saya yang paling saya muliakan, saya mendapat kelebihan tersebut. Beliau sentiasa berpesan agar saya membaca surah tersebut setiap hari Jumaat. Dari masa ke semasa beliau menilai amalan saya itu. Kerana terlalu kerap membacanya, maka akhirnya saya pun banyak menghafalnya.

Ibu saya adalah seorang wanita yang banyak mempunyai pengetahuan agama. Beliau menghafal al-Qur'an, banyak menghasilkan penulisan, termasuk karangan syair. Syair-syairnya halus dan diilhamkan semasa bermunajat dengan Allah. Dalam syairnya, beliau melahirkan perasaan keagamaannya. Beliau kembali ke rahmatullah pada bulan Jamadil Awal, 1388 Hijrah.

²Dari Abu Said al-Khudri r.a..

مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْكَافِيَةِ كَمَا أَنْزَلَتْ ثُمَّ خَرَجَ الدَّجَالُ
لَمْ يَسْلُطْ عَلَيْهِ وَلَمْ يَكُنْ عَلَيْهِ سَبِيلٌ

“Sesiapa yang membaca surah al-Kahfi sebagaimana surah itu diturunkan, kemudian Dajjal keluar, tidaklah dapat Dajjal itu menguasainya, dan tidak ada jalan untuknya menguasai orang itu.”

Riwayat al-Hakim.

Dari Ali, beliau berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ قَرَأَ الْكَافِيَةَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فَهُوَ مَعْصُومٌ إِلَى مَا نَبَتْ آيَاتُ يَوْمِ كُلِّ فِتْنَةٍ
تَكُونُ فَإِنَّ خُرْجَ الدَّجَالِ عَصَمَ مِنْهُ

“Sesiapa yang membaca surah al-Kahfi pada hari Juma'at, ia akan terpelihara daripada segala fitnah yang berlaku, sehingga lapan hari. Kiranya Dajjal keluar, ia terpelihara darinya.”

Riwayat Ibnu Mardawaih dan al-Dzia'.

Dari Abu Darda' beliau berkata: Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

مَنْ حَفِظَ عَشْرَ آيَاتٍ مِنْ أَوَّلِ (ذُرِّيَّةٍ مِنْ آخِرِ)
سُورَةِ الْكَافِيَةِ عَصَمَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ

“Sesiapa yang menghafal sepuluh ayat dari awal (ada riwayat mengatakan di akhir) surah al-Kahfi, ia terpelihara daripada fitnah Dajjal al-Maseh.”

Riwayat Muslim dan Abu Daud.

Imam Tirmizi menyebutkan di dalam riwayatnya: “tiga ayat dari surah al-Kahfi.” Beliau menyatakan hadith itu sahih.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

مَنْ قَرَأَ عَشْرَ آيَاتٍ مِنْ سُورَةِ الْكَافِيَةِ عَصَمَ مِنْ فِتْنَةِ الدَّجَالِ

“Sesiapa yang membaca sepuluh ayat dari surah al-Kahfi, ia terpelihara daripada fitnah Dajjal.”

Riwayat Ahmad.

Imam Nasai meriwayatkan hadis:

مَنْ قَرَأَ الْعَشْرَ الْأَخِيرَةَ مِنْ سُورَةِ الْكَافِيَةِ نَبَتْهُ عِصْمَةٌ لَهُ مِنَ الدَّجَالِ

“Sesiapa yang membaca sepuluh ayat yang terakhir dari surah al-Kahfi, sesungguhnya bacaannya itu menjadi pemeliharaan untuknya dari Dajjal.”

Terdapat banyak lagi hadis-hadis yang lain dalam soal ini.

³Hadis riwayat Muslim dari Imran bin Husain.

‘Pemikiran yang sebegini telah dikemukakan oleh setengah ulamak besar, ahli-ahli Hadis dan tafsir yang terkemuka. Mereka telah meneliti surah tersebut, dan mendapati adanya hubungan yang tersirat antara surah ini dengan fitnah Dajjal. Seorang ulamak besar, iaitu Muhammad Tahir al-Fatani yang dilahirkan pada tahun 986 Hijrah, telah memetik kata-kata ulamak silam yang berbunyi:

“Ada hadis yang menyatakan fadhilat surah al-Kahfi itu ialah memelihara daripada Dajjal, iaitu yang keluar pada akhir zaman. Ia memelihara seperti Ashabul Kahfi dahulu terpelihara daripada raja yang zalim, ataupun ia memelihara dari segala bentuk dajjal pembohong. Sebabnya, surah ini mengandungi banyak perkara pelik dan pengajaran. Sesiapa yang menghayatinya pasti tidak terkena fitnah tersebut.”

Selanjutnya Muhammad Tahir menyatakan:

“Bagi saya perkara tersebut ialah kerana Nabi s.a.w. telahpun mengkaji fadhilatnya.”

Sila rujuk kitab “Majma’ Biharil Anwar” tajuk Dajjal.

‘Sepengetahuan saya, buat masa ini beliaulah ulamak yang paling berilmu pengetahuan sekali. Keistimewaan yang beliau miliki, iaitu dari segi akal dan kecerdasan amatlah mengagumkan. Beliau bijak membuat rumusan, mudah menangkap maksud, cekap menulis, luas pengkajian ilmu agama, sejarah dan falsafah. Beliau dilahirkan pada tahun 1893 Masehi yang lalu. Beliau belajar di Tunis dan Durban. Beliau menjadi Ketua Jabatan Agama, Universiti Othmaniah, Hyderabad. Beliau belajar, memberi syarahan, menulis dan mengarang. Di antara karangan beliau yang paling baik sekali ialah:

“An Nabi al-Khatim”

“Abu Zar al-Ghifari”

“Tadwin al-Hadis”

“Hayat al-Imam Abi Hanifah al-Syiyasiah”

“Nizam al-Islam al-Iqtisadi”

Selain dari itu banyak lagi makalah-makalah lain yang bernilai.

Beliau kembali ke rahmatullah pada tahun 1957 yang lalu. Semuga Allah mencucuri rahmatnya kepada roh beliau.

‘Setelah sembuh dari sejenis penyakit, beliau telah menulis sepucuk surat pada saya. Antara kandungannya ialah:

“Sewaktu penyakit saya amat teruk, dan rasanya tidak ada harapan lagi untuk hidup, ketika itu saya terbayangkan saudara dan serangkap syair yang berbunyi:

أَمِيمٌ بَلَيْتِي مَا حَبَيْتُ نَارَ أَمِيمٍ *
أَوْ كَلُّ بَلَيْتِي مِنْ بَنِي مَا بَعْدِي

“Selagi hidup dikandung badan, aku tetap mencintai Laila. Kiranya aku mati, maka Laila ku serahkan pada orang yang mencintainya selepasku.”

‘Ibnu Manzur menyatakan dalam kitab “Lisan al-Arab.”:

Dinamakan dajjal kerana ia bersifat pendusta, penipu, dan pembohong. Dajjal ialah al-Maseh penipu. Yang menjadikan dia dajjal ialah sihir dan penipuannya.

Ibnu Khalawaih menyatakan:

“Dalam mentafsirkan dajjal, tidak seorangpun yang dapat menandingi tafsiran Abi Amru. Beliau menyatakan: “Dajjal ialah penipu. Ada orang yang mengatakan:

“Saya telah mendajalkan pedang ini. Maksudnya ialah; Saya telah mengecat dan menyadurnya dengan air emas.”

Al-Azhari mengatakan:

“Setiap penipu adalah dajjal. Mendajalkan sesuatu perkara dengan emas, bererti membuat emas palsu. Air emas dikatakan sebagai dajjal. Ia mempunyai persamaan dengan dajjal, kerana melahirkan perkara yang tidak sama dengan batinnya.”

Abu al-Abbas mengatakan:

“Dinamakan dajjal kerana ia menipu orang ramai, berbohong dan menutup perkara batin dengan keindahan zahir.”

Sila rujuk kitab “Lisan al-Arab” ringkasan dan petikan.

إِنَّ الدَّجَالَ يُخْرَجُ وَأَنْ مَعَهُ مَاءٌ وَنَارًا
فَأَمَّا الَّذِي يَرَاهُ النَّاسُ مَاءً فَتَارٌ مُخْرَقٌ وَأَمَّا
الَّذِي يَرَاهُ النَّاسُ نَارًا فَتَابِرٌ دُغْدُغٌ

*Dari Huzaifah bin al-Yaman, Rasulullah s.a.w. bersabda:

Dikeluarkan oleh Muslim dalam kitab sahihnya di bawah tajuk fitnah dan tanda-tanda Qiamat.

“Sesungguhnya dajjal itu keluar, dan bersamanya air dan api. Adapun yang dilihat oleh orang ramai sebagai air itu, sebenarnya ia adalah api yang membakar. Dan yang dilihat oleh orang ramai sebagai api itu, sebenarnya ia adalah air yang sejuk lagi tawar.”

Dalam riwayat Abu Hurairah pula disebut:

إِنَّهُ يَجِيءُ مَعَهُ مِثْلَ الْجَنَّةِ وَالنَّارِ فَأَلْفِي يَقُولُ
أَنَّهَا الْجَنَّةُ يَمِي النَّارُ

“Sesungguhnya ia membawa bersamanya perkara yang seakan-akan syurga dan neraka. Adapun yang dikatakan syurga itu sebenarnya ialah adalah neraka.”

⁹Contohnya ialah kebebasan, sosialis, demokrasi, meninggikan taraf hidup, kemakmuran, hak-hak kemanusiaan, sehingga perkataan kebudayaan, kesenian indah, perlembagaan dan syair-syair yang lain.

¹⁰Sasterawan dan ahli sejarah terkenal, Edward Gibbon telah mengatakan di dalam bukunya yang masyhur: “Decline and Fall of the Roman Empire” mengenai kisah ini. Beliau mengatakan dengan gaya yang tersendiri, yang mana isinya bercampur aduk antara sejarah, kesusasteraan, riwayat, komentar dan huraian. Dalam penulisan-nya itu jelas menampakkan taksud beliau kepada agama Kristian, dan penentangan-nya kepada agama Islam pula tidaklah terlalu kuat.

Sila rujuk jilid kedua, halaman 241—243.
Modern Library Giant Series (U.S.A.)

¹¹Dalam mentafsirkan surah al-Kahfi, kebanyakan ahli-ahli tafsir berpendapat begitu. Antara mereka ialah: Baidhawi, Naisaburi, al-Alusi dan Ibnu Kathsir. Kebanyakan ahli-ahli sejarah dan Ilmu Alam Kristian juga berpendapat begitu.

Di dalam buku “Decline and Fall of the Roman Empire” Edward Gibbon telah memilih pendapat tersebut. Sila rujuk kisah “Seven Sleepers” di dalam buku tersebut.

Mengenai masalah penentuan kedudukan bandar tersebut di segi ilmu alam pula, Bahagian Botanikal, Jabatan Pelajaran menyatakan:

“Bandar tersebut ialah salah sebuah dari 12 buah bandar diraja Istanbul. Ia

terletak di sebelah Selatan sungai Qusaitarah, iaitu kira-kira 60 kilometer dari Smyrne. Orang-orang Rome menganggap bandar tersebut sebagai bandar yang terbesar sekali di Asia Barat. Ia juga merupakan bandar Konsul dan pusat perdagangan yang terbesar. Namun begitu perkara yang menyebabkan bandar ini paling terkenal ialah kerana di situ terdapat patung Diana yang disembah oleh orang-orang Rome zaman dahulu. Patung besar ini termasuk dalam salah satu dari tujuh benda ajaib di dunia. Ia juga merupakan patung yang terbesar sekali di Yunan.

Blackie dalam bukunya: "A Manual of Bible History" menyatakan bahawa; pada zaman dahulu, bandar Ephesus masyhur dengan falfasah, kemaksiatan dan kerosakan kehormatan, sehingga ia menjadi perumpamaan untuk menggambarkan kejahatan dan maksiat. Keberhalaan bandar ini, adalah campuran antara keberhalaan Timur dengan Barat.

¹²Artikel "Seven Sleepers", Encyclopaedic of Religion and Ethics.

Kisah ini telah disebut secara panjang lebar oleh Ibnu Jarir al-Tabari, ahli-ahli tafsir, para ulamak dan sebagainya. Mereka menyebutnya di dalam kitab-kitab mereka, melalui riwayat Muhammad bin Ishak. Kisah-kisah tersebut agak meragukan kerana sumber-sumber Kristian masa dahulu tidak begitu tersebar luas. Lagipun sebelum Kristian menjadi agama resmi, mereka tidaklah merekodkan semua sejarah Rome.

Sila rujuk tafsir Ibnu Jarir (sebagai contoh)
Jilid 15 halaman 126—132.

Sebab itulah saya tidak menyuntingnya di sini. Rasanya cukuplah setakat sumber dari Kristian sahaja.

¹³Sila rujuk buku "Decline & Fall of the Roman Empire" Gibbon, jilid ke 2, tajuk "Seven Sleepers" halaman 241—243, Modern Library Giant Series (U.S.A.)

¹⁴Sila rujuk tafsir Ibnu Kathsir, surah al-Kahfi.

¹⁵Contohnya Jamaluddin al-Qasimi dalam tafsir al-Qasimi, dan ustaz Abu A'la al-Maududi dalam kitabnya "Tafhim al-Qur'an".

¹⁶Ruh al-Maani, Surah al-Kahfi.

¹⁷Sila rujuk" Tafsir al-Kabir Lil Imam al-Radzi" surah al-Kahfi, juzu' ke 3.

¹⁸al-Jawab al-Saheh Li Man Baddala Dinal Maseh."

¹⁹Sila rujuk Jabatan Pelajaran Britain, artikal Decius, Jilid 7 halaman 157, cetakan 1963. Pengkaji-pengkaji sejarah Rom tentu tidak keliru bahawa Decius tidak langsung pernah menetapkan undang-undang tersebut. Baginda juga tidak pernah merancanginya. Sebaliknya Trojan yang jauh lebih dahulu darinyalah yang telah membuat dan melaksanakan undang-undang tersebut di dalam negeri itu. Pada zamannya, Trojan telah menghapuskan orang-orang Masehi melalui baitul Maqdis dan Halab kerana kedua-dua bandar ini adalah bandar Mesehi.

Sila rujuk "History of the Charah" by George H. Dyer, halaman 65—66.

²⁰Sila rujuk huraian terperinci mengenai peperangan dan pertempuran dengan orang-orang Qut, dan juga kemangkatan maharaja Decius di tangan mereka. Jilid keenam, "Sejarah ahli-ahli Sejarah", halaman 413.

The Historian's History of the World. London (1908) Vol VI page 413.

²¹Decline & Fall of the Roman Empire, Edward Gibbon, vol 2 page 98.

²²Hadrinus memerintah dari tahun 117 Masehi hingga ke tahun 138 Masehi. Baginda menaiki takhta selepas Trojan. Perlantikan baginda diiktiraf oleh majlis permesyuaratan pada bulan Ogos tahun 117 Masehi. Baginda bersabda sedaya upaya untuk mengembalikan semula kegemilangan bandar-bandar Yunan yang telah pupus.

Baginda membina tembok besar untuk menghalang kemaraan tentera Rome. Pada tahun 132 Masehi, orang-orang Yahudi telah mengadakan pemberontakan yang mana Hadrian telah cuba mengongkong pemberontakan tersebut daripada berlaku. Baginda telah melakukan kekerasan untuk menghalang dan mengalahkannya. Baginda memerintahkan supaya dihalau orang-orang Yahudi. Orang-orang Yahudi hanya dibenarkan memasuki Baitul Maqdis setahun sekali sahaja. Sejak zaman itu penghaluan orang-orang Yahudi pun berlakulah secara berterusan.

Sila rujuk Jabatan Pelajaran, Bahagian Sejarah Dunia, jilid ke 2.

Pada tahun 119 Masehi, Hadrian telah mengadakan satu lawatan resmi ke Asia kecil dan Syria. Baginda telah mengadakan suatu majlis di Samarina. Dalam majlis itu baginda menjemput sama raja-raja dan pembesar Timur. Baginda menghabiskan musim sejuaknya di Halaba dan pada tahun 130 Masehi pula baginda menuju ke bahagian Selatan. Baginda memerintahkan supaya dibangunkan bandar di sepanjang bandar Baitul Maqdis. Setelah itu, baginda sampai pula ke Mesir melalui jalan negara Arab. Baginda terpaksa balik semula ke Palestine pada tahun 133 Masehi, kerana memimpin gerakan menghapuskan pemberontakan orang-orang Yahudi. Setelah itu baginda menyerahkan pimpinan tenteranya itu kepada Julius Severu dan baginda pun baliklah ke Rome. Baginda mangkat pada tarikh 10/7/138 Masehi.

“Sebenarnya terdapat banyak sumber yang saling berlawanan dan bertentangan mengenai kehidupan Hadrinus.”

Sila rujuk buku Jabatan Pelajaran Britain, jilid 11.

Dalam buku “Sejarah Gereja Kristian” yang ditulis oleh George H. Dryer, disebut:

“Hadrian adalah berbeza dengan pemerintah-pemerintah yang dahulu. Baginda lebih bersifat orthodox, mengkaji agama secara mendalam dan meragunya. Baginda juga mengarahkan supaya jangan melemparkan tuduhan munafik kepada seseorang dan masyarakat. Walaupun begitu, Hadrian masih lagi mengamalkan dasar Trojan dahulu, iaitu memaksa golongan munafik dan kafir, yang majoritinya orang Masehi, agar menyerahkan korban untuk tuhan-tuhan. Begitu juga, baginda meneruskan dasar memaksa supaya rakyat menganut agama keberhalaan Rome.”

Sila lihat halaman 66.

(Maksud kafir dan munafik di sini ialah bersifat munafik dan tidak percayakan berhala. Pent.)

²³Rujuk Gibbon.

²⁴Maharaja Theodosies memerintah dari tahun 408 Masehi hingga ke tahun 450 Masehi.

²⁵Maksud hadis:

Ibnu Jarir mengatakan:

Dari Ibnu Abbas r.a., katanya:

“Orang-orang Quraish telah mengutuskan an-Nadhr bin al-Haris dan Uqbah bin Abi Muith, agar pergi menemui pendita-pendita Yahudi di Madinah. Mereka mengatakan kepada mereka berdua: “Kamu tanyalah pada mereka mengenai Muhammad, terangkanlah pada mereka sifatnya dan nyatakanlah pada mereka kata-katanya. Sebenarnya mereka adalah ahli-ahli kitab yang lebih dahulu. Mereka mempunyai ilmu mengenai para anbia’, yang mana kita tidak memiliki ilmu itu.”

Kedua orang utusan itu pun keluarlah hingga sampai ke Madinah. Mereka pun bertanyalah pada pendita-pendita Yahudi mengenai Rasulullah s.a.w.. Mereka menggambarkan kepada pendita-pendita tersebut mengenai urusan dan sebahagian dari

kata-kata yang diucapkan oleh Rasulullah.

Setelah itu mereka berdua pun berkatalah:

“Sesungguhnya tuan-tuan adalah ahli Taurat. Kami datang menemui tuan-tuan ini untuk meminta agar tuan-tuan menerangkan pada kami mengenai rakan kami ini (Muhammad).”

Ibnu Abbas mengatakan:

“Pendita-pendita Yahudi tersebut mengatakan pada mereka berdua: “Kami mahu kamu semua bertanya padanya mengenai tiga perkara. Andainya ia dapat menjelaskan tiga perkara itu, sebenarnya ia seorang nabi yang diutuskan. Kiranya ia tidak dapat menjelaskannya, maka ia adalah seorang yang pendusta. Jadi, gunakanlah fikiran kamu dalam perkara ini.

Tanyalah padanya mengenai anak-anak muda yang berhijrah pada zaman dahulu. Apakah kisah mereka? Sebenarnya terdapat cerita yang ajaib mengenai mereka. Tanyalah padanya mengenai seorang lelaki yang telah berjaya mengelilingi dunia ini dari timur dan ke barat. Apakah khabarnya?. Dan tanyalah juga padanya mengenai roh. Kiranya ia dapat menerangkan perkara tersebut pada kamu, maka sebenarnya ia seorang Nabi, dan ikutlah dia. Dan kiranya ia tidak dapat menceritakan perkara tersebut kepada kamu, maka ia adalah seorang yang pendusta. Maka kamu lakukanlah apa yang patut padanya.”

An-Nadhar dan Uqbah pun baliklah. Setelah mereka berdua sampai ke Mekah dan menemui semula orang-orang Quraish, mereka pun berkatalah:

“Hai semua orang Quraish!, Kami datang semula menemui kamu dengan membawa keputusan mengenai perkara yang berkaitan antara kamu dengan Muhammad. Kita telah diarah oleh pendita-pendita Yahudi supaya bertanya padanya mengenai beberapa perkara.”

Mereka pun menerangkanlah kepada orang-orang Quraish perkara tersebut. Mereka pun lantas menemui Rasulullah s.a.w., lalu berkata: “Hai Muhammad! terangkanlah pada kami.” Mereka pun menanyai Muhammad mengenai perkara-perkara yang telah diarahkan oleh pendita-pendita Yahudi dahulu.

Selama lima belas malam Rasulullah s.a.w. menunggu, tetapi Allah tidak juga menurunkan wahyunya mengenai perkara tersebut. Bahkan Jibril alaihis salam pun tidak menemuinya. Keadaan tersebut menyebabkan orang-orang Mekah menjadi heboh. Mereka mengatakan: “Muhammad telah berjanji pada kita esok hari, padahal sekarang sudahpun lima belas hari kita menunggu, beliau tidak juga menyatakan apa-apa mengenai perkara yang kita tanya padanya.”

Menunggu wahyu yang terputus itu amatlah menyedihkan Rasulullah s.a.w.. Perkara yang diucapkan oleh orang-orang Mekah amatlah menyusahkan baginda. Setelah itu Jibril alaihis salam pun datanglah menemui baginda dengan membawa satu surah dari Allah Azza Wajalla. Dalam surah itu disebutkan mengenai Ashabul Kahfi sebagai menegur baginda yang sedang bersedih itu. Dalam surah itu juga menyatakan perkara yang ditanyai oleh orang-orang Quraish pada baginda, iaitu mengenai masalah pemuda-pemuda, seorang lelaki yang mengelilingi dunia dan juga firman Allah Azza Wajallah yang maksudnya:

“Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakanlah: “Roh itu termasuk urusan Tuhanku, dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit.”

Sila lihat “Ibnu Jarir al-Tabari”. Jilid 15 halaman 191—192.

²⁶Terjemahan dari bahasa Farsi ke bahasa Arab.

²⁷Surah Baraah ayat 118. Ayat tersebut diturunkan di madinah. Ia diturunkan mengenai tiga orang yang tidak turut sama berperang. Mereka ialah: Ka'ab bin Malik, Hilal bin Umaiya al-Waqifi, dan Murarah bin Rabek.

²⁸Al-Alusi mengatakan di dalam kitab tafsirnya:

“Mereka adalah pemuda-pemuda yang terdiri dari anak-anak pembesar dan orang ternama Rome.”

Lihat “Roh al-Ma’ani”, Jilid 5, halaman 11.

Artikel dari Jabatan Pelajaran, agama dan akhlak dahulu menyebut:

“Mereka terdiri dari anak-anak orang besar istana. Mereka tinggal di sekitar istana maharaja tersebut.”

²⁹Di dalam kitab “Lisan al-Arab” menyebutkan;

“Al-Kahfi adalah seperti sebuah gua yang terletak di dalam bukit, tetapi al-Kahfi lebih luas lagi keadaannya. Jika keadaannya kecil ia dinamakan ‘ghar’”

Dalam as-Sihah pula disebut:

“al-Kahfi ialah seperti rumah yang ditebuk di dalam bukit”.

³⁰Surah al-Kahfi: ayat 17. Dalam Roh al Ma’ani disebutkan:

“Cahaya matahari langsung tidak mengenai dan menyakitkan mereka. Mereka berada di bahagian tengah gua itu. Jadi mereka mendapat cukup udara. Keadaan gua itu tidak langsung menyakitkan mereka, begitu juga dengan kepanasan matahari.”

Lihat jilid ke 5 halaman 20.

Dalam tafsir ar-Razi pula dinyatakan:

“Pintu gua tersebut terbuka ke arah utara. Bila matahari bererti matahari itu berada di sebelah kanan gua itu. Bila matahari tenggelam pula ia berada di sebelah kiri gua itu”. Sila lihat jilid kelima, halaman 466.

³¹Al Quran menamakan mereka dengan nama Ashabul Kahfi War Raqim. Dalam mentafsirkan perkataan Ar Raqim, ahli-ahli tafsir terbahagi kepada beberapa pendapat. Ada yang mengatakan Ar Raqim ialah batu bertulis kisah, nama dan perkara yang berkaitan dengan Ashabul Kahfi. Setelah itu papan batu itu diletakkan di bawah pintu gua itu. Ada juga yang mengatakan Ar Raqim itu adalah nama kampung ataupun negeri.

Di dalam artikel al Kailani, beliau memilih:

“Ar Raqim ialah kitab bertulis yang ada bersama mereka semasa mereka di dalam gua itu.”

Pendapat sebegini disokong pula oleh suntingan dari Ibnu Abbas R.A. yang dinyatakan dalam kitab tafsir Roh Al Ma’ani. Ibnu Abbas menyatakan, “Ia adalah merupakan sebuah kitab yang mereka miliki. Di dalam kitab tersebut dinyatakan syari ‘at Nabi Isa ‘Alaihisalam yang menjadi pegangan mereka”. Lihat jilid ke 5, halaman 11. Pendapat inilah yang menjadi pegangan saya.

Ibnu Jarir meriwayatkan dari Ibnu Zaid, katanya: “Ar Raqim ialah kitab. Ia mengandungi perkhabaran Allah tidak menjelaskan mengenai kitab tersebut dan isi kandungannya”. Sila baca firman Allah:

وَمَا آدْرَاكَ مَا عَظِيمُونَ ﴿٥٠﴾ كَذَّبَتْ ثَمُودُ بِطَغْوَاهُمْ إِذِ انبَعَثُوا إِتْرَافًا يَوْمَئِذٍ ﴿٥١﴾

“Sudahkah engkau tahu apa yang dikatakan ‘Illiyyin/(iaitu) kitab yang tertulis. Yang disaksikan oleh al Muqarrabin.”

(Al Mutaffifin: 19—21)

Sila lihat jilid ke 15 halaman 122.

Imam Bukhari mengatakan:
ar-Raqim ialah al-Kitab.
marqum ialah bertulis dengan huruf.

Sila lihat kitab Sahih Bukhari, Jilid 2, Bab tafsiran surah al-Kahfi.

³²Berlaku pada zaman Constantine (tua) yang menaiki takhta pada tahun 306 Masehi. Beliau memeluk agama Kristian. (Mengikut riwayat yang masyhur, kebanyakan pengkaji-pengkaji sejarah meragui keikhlasan dan kesucian niat baginda dalam menerima agama baru ini. Mereka mengatakan, ia dilakukan semata-mata kerana muslihat politik).

Bagindalah yang menjadikan Kristian sebagai agama resmi negara. Baginda mengadakan beberapa majlis besar yang dihadhiri oleh padri-padri besar. Tujuannya ialah untuk menyatukan aqidah Kristian dan menghapuskan perselisihan mazhab yang selama ini menyebabkan perpecahan dan peperangan. Bagindalah yang mengasaskan bandar Constantinople pada tahun 330 Masehi. Bandar tersebut mengambil sempena nama baginda, dan dijadikan ibu negara. Baginda mangkat pada tahun 337 Masehi.

³³Dalam mentafsirkan firman Allah yang berbunyi: **إِنَّمَا أَنْزَلْنَا طُهْرًا**
Imam al-Razi mengatakan: **أَيْهَا أَطْيَبُ وَالْكَدِّ**

Siapa dari antara (penduduk) kota itu yang makanannya terbaik dan terlezat sekali.

Beliau mengatakan:

“Ayat tersebut menunjukkan bahawa berusaha menyimpan bekalan makanan adalah disyorkan. Ia tidaklah membatalkan tawakkal.”

³⁴Dari ayat yang tersebut, saya berhujjah mengatakan, ia bukannya menunjukkan keharusan menetap di atas kubur para salihin, membuat masjid di atasnya, dan mengerjakan sembahyang.

Pendapat yang mengatakan melakukan perkara-perkara tersebut diharuskan adalah merupakan pendapat yang salah, silap, rosak dan tidak terpakai. Imam Bukhari, Muslim dan Nasaii telah meriwayatkan hadis dari Aisyah r.a., manakala Muslim pula meriwayatkan dari Abu Hurairah r.a.. Hadith tersebut berbunyi:

لَعَنَ اللَّهُ تَعَالَى الْيَهُودَ وَالنَّصَارَةَ اتَّخَذُوا قُبُورَ أَنْبِيَائِهِمْ مَسَاجِدَ

“Allah Taala telah melaknat orang-orang Yahudi dan Nasara. Mereka telah menjadikan kubur para anbia’ mereka sebagai masjid.”

Imam Ahmad, Bukhari, Muslim dan Nasaii meriwayatkan lagi:

إِنَّ أَوْلَيْكَ شِرَارَ الْخَلْقِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Sesungguhnya merekalah makhluk yang paling buruk sekali pada hari Qiamat nanti.

Ayat tersebut tidak lebih daripada mengatakan kata-kata segolongan orang ramai, dan juga keazaman mereka untuk melakukan perkara tersebut. Ia bukannya bermakna memuji mereka, bukan juga menggalakkan supaya mencontohi mereka.

Bila tidak sabit bahawa salah seorang dari mereka bersifat maksum, maka tidaklah boleh dijadikan dalil bahawa perbuatan mereka itu disyorkan, terutamanya azam mereka dalam perkara tersebut. Di antara bukti yang menguatkan lagi hujjah

perbuatan mereka tidak boleh dipegang, ialah maksud mereka dalam ayat tersebut ialah para pembesar dan sultan-sultan.

Qatadah juga telah memberikan riwayat yang sama dengan riwayat yang di atas.

Sila rujuk tafsir "Roh al-Ma'ani", Jilid 5, halaman 21 & 32.

"Haluan begini dapat dilihat dengan jelas dalam gerakan yang mengajak agar hidup bebas seperti haiwan, berbogel dan bergaul bebas seperti yang berlaku di Amerika dan Eropah. Di akhir-akhir ini, dalam kalangan belia Eropah, muncul pula golongan yang dinamakan oleh penulis-penulis sebagai Hippies. Hippies-hippies ini ujud di setiap bandar. Mereka ditimpa penyakit kebendaan, kesuntukan fikiran dan konflik jiwa. Perkara-perkara yang sebegini banyak berlaku di Yunan dan Rome.

Sila baca buku "Republic" yang ditulis oleh Plato. Dalam buku tersebut beliau menggambarkan belia-belia Yunan pada zaman dahulu.

Sila juga membaca terjemahannya dalam kitab "Ma za Khasiral Alamu..." halaman 177, cetakan ke 8.

¹⁶Surah al-Baqarah ayat 143. Dalam "al-Madarik" disebut:

"Yakni; Sebagaimana Kami jadikan kiblat kamu terletak di tengah-tengah antara timur dan barat, maka begitu jugalah Kami jadikan kamu pertengahan di antara keterlaluan dengan terlampau kurang."

Lihat halaman 47.

Dalam tafsir "al-Khazin" disebut:

"Ertinya: ialah menganut agama yang pertengahan di antara keterlaluan dengan singkat."

Lihat jilid 1, halaman 108.

¹⁷Sila baca mengenai sifat Rasulullah s.a.w., dalam kitab-kitab hadis dan sirah.

Bacalah juga kitab-kitab hadis mengenai ajaran dan wasiat baginda agar mengutamakan kesederhanaan dan lurus dalam semua perkara.

Ali bin Abi Talib dan lain-lainnya mengatakan:

"Rasulullah adalah bersederhana. Baginda tidak condong, tidak singkat dengan kebenaran, dan tidak juga keterlaluan."

Beliau juga mengatakan:

"Baginda tidak memilih di antara dua perkara, kecuali memilih yang termudah di antara keduanya."

Juzu' al-Syamil, oleh Imam Tirmizi.

¹⁸Ini bukanlah pula bererti kita langsung tidak membuat perancangan ataupun menggunakan ilmu serta kajian yang mendalam bagi meninggikan pengeluaran. Apa yang perlu ialah, janganlah pula sampai kita dikongkong oleh gejala ilmu dan kuasa, yang mana akhirnya kita melupakan Allah Subhanahu Wataala yang menjadi pencipta sebab musabab tersebut.

¹⁹Orang yang paling masyhur sekali ialah Maulana Abul Kalam Azad. Beliau adalah seorang pemimpin Islam, penulis Islam dan pernah menjadi Menteri Pelajaran India suatu ketika dahulu. Beliau telah menulis sebuah kajian yang panjang lebar mengenai tajuk ini. Dalam kajian tersebut beliau mengemukakan fakta-fakta sejarah, serta bukti-bukti dari kitab Yahudi bagi menguatkan pendapatnya. Sila lihat jilid kedua, kitab "Tarjuman al-Qur'an" mengenai tafsir surah al-Kahfi. Di bawah ini dipetik ringkasannya:

"Syrus dilahirkan dalam tahun 559 sebelum Maschi. Beliau telah menyatukan dua buah kerajaan Parsi yang besar. Sebelum itu terletak di bahagian utara. Ahli-ahli sejarah Arab menamakannya sebagai Mahat. Yang keduanya ialah Parsi Selatan. Dengan ini beliau telah membentuk sebuah kerajaan Parsi yang besar dan agong. Seterusnya Syrus meluaskan lagi jajahan takluknya, begitu juga dengan ekspedisinya. Beliau terkenal sebagai seorang yang adil, murah hati, serta membantu golongan yang lemah dan tertindas. Beliau dapat menundukkan beberapa buah negara dan kerajaan yang terletak di antara Laut Hitam dengan Bacteria dalam masa yang singkat, iaitu tida sampai dua belas tahun.

Sejarah telah membuktikan bahawa beliau pernah menyerang negara-negara barat dan seterusnya menjelajah sampai ke bahagian barat Asia Kecil. Beliau membuka kerajaan Lydia, iaitu ibu negeri Sardis sehinggalah sampai ke sebuah laut di hujung sebelah barat. Di situ beliau mendapati laut bergelora, dan ternampak seakan-akan matahari jatuh tenggelam di situ. Kerana tidak ada kapal perang, beliau pun berhenti setakat itu sahaja. Bukanlah pelek kalau beliau sampai ke salah satu pantai Laut Aegean yang terletak berhampiran dengan Smyrna, dan laut yang dilihat oleh beliau itu sebenarnya adalah sebuah tasik, manakala matahari yang beliau lihat waktu senja itu terbenam di dalam lumpur pantai tersebut. Inilah yang digambarkan oleh al-Qur'an:

وَجَدَهَا تَتْرَبُّ فِي عَيْنٍ حَمِئَةٍ

"*Ya mendapati matahari terbenam di sebuah mata air yang hitam berlumpur.*"
(Al Kahfi: 86)

Pada kali keduanya, beliau pergi menyerang timur pula. Dalam peperangan tersebut, beliau telah sampai ke Makran dan Balkh serta menawan puak-puak nomad. Kerana terletak terlalu jauh daripada bandar, puak-puak nomad tersebut tidak dapat perlindungan daripada matahari.

Firman Allah:

وَجَدَهَا نَاطِقَةً عَلَى قَوْمٍ لَمْ يَجْعَلْ لَهُم مِّنْ دُونِهَا سِتْرًا

"*Ya dapati matahari itu terbit kepada satu kaum yang kami tidak jadikan bagi mereka sebarang perlindungan daripadanya.*"

(Al Kahfi: 90)

Kemudian Syrus terus bergerak sampai ke Babilon, iaitu sebuah ibu kota yang mempunyai pertahanan yang kuat. Di sini beliau terus menyelamatkan orang-orang Yahudi Bani Israil yang dihina, ditawan dan ditindas oleh raja Babilon itu. Jadi beliaulah yang menyelamatkan dan melepaskan orang-orang Yahudi. Jadi orang-orang Yahudi sentiasa memperingatkan memujinya. Dengan itu benarlah berita-berita mengenai Bani Israil yang disebut dalam kitab Taurat.

Pada kali yang ketiga dan terakhir pula beliau menyerang utara, meninggalkan Laut Caspian yang terletak di sebelah kanannya hinggalah beliau sampai ke kawasan pergunungan Caucasus. Di situ beliau menemui jalan masuk Ya'juj dan Ma'juj yang mendiami negeri tersebut. Beliau seterusnya membina tembok besar di situ.

Syrus meninggal dunia pada tahun 529 sebelum Masehi. Dalam tahun 1838 Masehi, sebuah tugu marmar "Passar Gadae" telah ditemui. Di bahagian kepalanya terdapat dua tanduk seperti tanduk kibas. Kedua-dua tanduk tersebut membayangkan dua buah kerajaan, iaitu Media dan Persia yang telah disatukan oleh Syrus. Sebab itulah dinamakan Zul-Qarnain yang membawa maksud, mempunyai dua tanduk.

Ahli-ahli sejarah telah mengakui bahawa Syrus adalah merupakan seorang yang pemurah, mulia dan adil. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih lanjut lagi, sila

baca artikal Prof. B. Grundi dalam buku "Universal History of The World jilid ke 2 oleh J.A. Hammerton.

⁴⁰Berhubung dengan perkara ini, kita menyokong pendapat Syed Qutb yang mentafsirkan ayat tersebut dengan katanya:

"Kita tidak dapat memastikan tempat di mana Zul Qarnain telah sampai (antara dua buah tembok), begitu juga, apakah dia dua buah tembok tersebut? Kesimpulan yang dapat diambil dari nas ini ialah; Beliau sampai ke satu tempat yang terletak di antara dua buah tembok semulajadi ataupun tembok buatan manusia. Kedua-dua tembok tersebut dipisahkan dengan sebatang jalan laluan. Di situlah beliau menemui sepuak kaum yang hidup dalam keadaan mundur.

Firman Allah:

لَا يَكَادُونَ يَفْقَهُونَ قَوْلًا

"Hampir-hampir mereka tidak dapat memahami perkataan."

(Al Kahfi: 93)

Mengenai, dengan Ya'juj dan Ma'juj pula, bagi menentukan bangsa, tempat, zaman mereka keluar dan juga tempoh masa tembok itu pecah kelak, semua ini memerlukan kajian yang mendalam berdasarkan ilmu tafsir. Begitu juga, ia mestilah berdasarkan hadis-hadis yang bersangkutan dengan alamat Qiamat, fitnah-fitnah dan perkara-perkara genting yang akan berlaku. Adalah amat sukar membuat kepastian, penetapan dan mengatakan mengenainya. Kami mengharapkan pembaca agar merujuk saja pada kitab-kitab yang membicarakannya dengan panjang lebar dan terperinci, baik kitab-kitab penulis ulamak silam ataupun mutaakhirin. Bilangan kitab-kitab yang memperkatakan masalah ini adalah amat sedikit dan sukar pula didapati.

Perkara-perkara yang berkaitan dengan fitnah akhir zaman, huru hara dan juga Hadis-hadis yang menerangkan mengenai tanda-tanda awal dan akhir Qiamat sentiasa terbuka untuk dibuat kajian oleh para pengkaji yang berhemah tinggi, alim mengenai agama, memahami sejarah dengan kefahaman yang benar, tekun dan beracjadah benar. Sebabnya, perkara-perkara tersebut adalah suatu ilmu yang amat luas pengkajiannya. Semuga Allah mengadakan orang-orang yang akan berusaha mengkajinya.

⁴¹Sila baca huraian yang lebih terperinci dalam buku saya "Maza Khasira al-Alamu Binhitatil Muslimin" Bahagian Pertama bab keempat.

⁴²Hadis-hadis yang menerangkan mengenai Dajjal dan sifat-sifatnya boleh dianggap sebagai Mutawatir Ma'nawi. Ia juga menyebutkan bahawa, Dajjal itu ialah seorang yang tertentu, mempunyai sifat-sifat tertentu dan ia akan muncul pada suatu masa yang tertentu. Namun begitu tidaklah pula disebutkan masa dan tarikhnya. Dajjal ini muncul dari kalangan umat Yahudi, dan perkara ini memang tidak dapat dinafikan lagi. Hadis-hadis tersebut menyatakan bahawa, Dajjal tersebut muncul di Palestine dengan penuh keagungannya. Palestine merupakan pentas drama dunia yang terakhir sekali yang mana ia melakukan kisah yang paling menyayat sekali mengenai pertentangan di antara keimanan dengan kebendaan dan di antara kebenaran dengan kebatilan. Selain daripada itu ia juga merupakan pertentangan antara pendokong kebenaran syarii dan tabii dengan golongan Yahudi. Senjata dan hujjah utama pendokong kebenaran syarii tersebut ialah, mereka merupakan pembela agama dan kebenaran, pendakwah ke jalan Allah serta kebahagiaan dan persamaan hak manusia. Golongan Yahudi pula adalah merupakan golongan yang mengimani kesucian satu unsur serta sedarah sedaging. Mereka berjuang untuk menguasai seluruh alam dan sumber-sumber keperluan manusia supaya tunduk pada kekuasaan satu unsur tersebut. Golongan Yahudi tersebut memiliki segala bentuk ilmu pengetahuan, kekuatan dan kepakaran. Dari pertentangan sengit yang bertujuan memperjuangkan matlamat

kemanusiaan ini, muncullah pelupur-pelupurnya di Timur negara-negara Arab Islam. Keadaan alam dan suasana setempat yang begitu sesuai membolehkan ujudnya peristiwa ini melalui dalang-dalangnya yang sebenar.

³Al Allamah al-Alusi menyebutkan dalam kitab tafsir “Ruhul Maani”

“Yang dimaksudkan dengan kalimah-kalimah Allah Taala ialah kalimah-kalimah ilmu dan hikmat Allah Taala. Ada juga ulamak yang mengatakan; maksudnya ialah kekuasaan dan keajaiban Allah, yang mana bila Allah mahukan sesuatu ia hanyalah berkata:

كُنْ فَيَكُونُ .

Maksudnya: Jadilah kamu, maka jadilah ia.

“Ilmu pengetahuan moden telah menyingkap beberapa perkara yang tidak terlintas di fikiran manusia sebelum ini. Antaranya ialah tentang betapa luasnya alam serta dunia ini, berapakah jarak jauh antara bintang dan planet dari bumi ini dan juga jarak masa yang diambil oleh cahaya untuk sampai ke tempat tersebut. Bilangan bintang yang berjuta-juta banyaknya dalam satu-satu gugusan dan kumpulan, telah dapat diketahui oleh manusia. Begitu juga dengan jumlah matahari, ukuran saiz planet dan beratnya semuanya telah dapat disingkap oleh ahli-ahli sains.

Mereka telah menyingkap mengenai hukum graviti dan tabii yang sungguh seni yang membentuk alam jagat yang luas ini, menetap dan memberikan penyesuaian di antara planet yang terapung di angkasa. Begitu juga dengan hukum-hukum alam yang memelihara kehidupan di bumi, rahsia-rahsia perbandingan antara laut, daratan dan kejadian-kejadian yang amat sophisticated. Mereka mengetahui mengenai ilmu astronomi moden, sains kajihayat, kaji tumbuhan, kimia, kaji haiwan dan banyak lagi ilmu-ilmu yang begitu berkembang maju. Penyingkapan ilmu-ilmu tersebut tidak langsung dimimpikan oleh orang-orang zaman silam. Daripada ilmu-ilmu tersebut terdirilah beberapa banyak perpustakaan dan makmal-makmal. Ilmu-ilmu yang telah diketahui oleh manusia itu adalah terlalu kecil jika hendak dibandingkan dengan ilmu-ilmu yang di luar pengetahuan manusia.

Benarlah Allah Subhanahu wataala yang telah berfirman:

قُلْ كَوْنًا أَلْبَحْرُ يُنَادِي الْكَلِمَاتِ رَبِّي

“Katakan (wahai Muhammad) kalaulah semua jenis laut menjadi tinta untuk menulis kalimah-kaliman Tuhanku.....”

(Al Khafi: 109)

